

RAKAN Sarawak

JUNE - AUGUST 2006

RANGKAIAN KHIDMAT AWAM NEGERI SARAWAK

PPK 235/10/2007

Menarik Di Dalam

State Secretary's View	3
Sematan ke Merapok	
■ Graduate Must View the Civil Service as a Vocation, not a Vacation	4
■ Projek Tagang Berupaya Tingkat Bilangan Ikan di Sungai	5
Sorotan Berita	
■ Mutu Pengangkutan Awam Perlu Ditingkat	8
■ Halatuju Tanaman Lada Negara Beri Manfaat Keluarga Tani di Sarawak	9
■ Pembinaan Jalan Pesisir Diteruskan Dalam RMK9	10
Sekitar Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri 2006	18-19
Berita Dari Putrajaya	
■ PM Arah Kerajaan Negeri Sedia Laporan Impak Setiap Projek	22
■ RM7 juta Untuk Terbit Dokumentari	23
■ PBT Diberi Dua Tahun Peroleh MS ISO	24
Komuniti	
■ Kepelbagaian Kaum Jadikan KRT Batu Kawa Unik	26
Pengurusan Kualiti	
■ Gabungan Idea dan Usaha Hasilkan Inovasi Praktikal	31
■ Penandaan Untuk Tujuan Penambahbaikan Prestasi	32

Usaha ke arah mencapai matlamat menjelang 2020 akan menempuhi pelbagai cabaran dan kesukaran memandangkan persekitaran sosioekonomi tempatan dan antarabangsa sentiasa berubah. Oleh itu, bagi mencapai prestasi yang tinggi dan impak yang maksimum daripada usaha pembangunan nasional, Misi Nasional mengenal pasti lima teras utama:

1 Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi

Untuk berjaya dalam pasaran global yang semakin berdaya saing, Malaysia perlu beranjak daripada tahap pembangunan pertengahan kepada ekonomi yang didorong oleh modal insan dengan:

- meningkatkan produktiviti, daya saing dan nilai ditambah aktiviti pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang sedia ada
- menjana sumber kekayaan baru dalam sektor

MISI NASIONAL 2006-2020

yang berintensifkan teknologi dan pengetahuan seperti ICT, bioteknologi dan perkhidmatan berasaskan kemahiran

- mewujudkan pekerjaan baru dan meningkatkan peluang pekerjaan terutamanya dalam aktiviti berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan
- menggalakkan sektor swasta sebagai peneraju utama dan meningkatkan pelaburan sektor swasta dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menjalankan perniagaan, meningkatkan pembangunan enterpris kecil dan sederhana, meningkatkan kerjasama antara sektor awam dengan swasta serta menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi

- memupuk budaya kecemerlangan dan prestasi tinggi dalam sektor awam dan swasta termasuk syarikat berkaitan kerajaan
- mengembangkan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan Malaysia

2 Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'

Pengetahuan, inovasi dan nilai - kualiti modal insan negara - akan menjadi penentu utama kejayaan masa depan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Negara perlu meningkatkan keupayaan penduduk dengan:

- menjadikan Islam Hadhari sebagai rangka kerja pembangunan yang menyeluruh dan sejagat
- melaksanakan penambahbaikan sistem pendidikan yang menyeluruh daripada

bersambung di muka surat 22

Pengubahsuaian Perlu Dari Semasa Ke Semasa

YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak mengingatkan penjawat awam bahawa beberapa pengubahsuaian perlu dilakukan ke atas cara kita melaksanakan tugas kita agar dengan itu kerajaan dapat melaksanakan pembangunan yang dirancang dan diharapkan oleh masyarakat dengan lebih baik.

YAB Pehin Sri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Perkhidmatan Awam 2006 di Bintulu pada Ogos yang lalu (15 Ogos 2006).

Seminar yang bertemakan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan dan Pengurusan Kewangan yang Cekap Dalam Perkhidmatan Awam.

Seramai kira-kira 300 orang penjawat awam dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan menghadiri seminar dua hari itu yang berlangsung dari 14 hingga 15 Ogos 2006.

Ketua Menteri seterusnya

menambah kini melaksanakan pentadbiran yang menekankan kepada pembangunan adalah suatu yang amat mencabar lebih-lebih lagi kini semakin banyak projek pembangunan yang mesti dilaksanakan sedangkan bilangan tenaga kerja di dalam perkhidmatan awam untuk melaksanakannya tidak begitu ramai.

Dalam masa yang sama polisi kerajaan yang menggalakkan penswastan telah sedikit demi sedikit mengubah peranan perkhidmatan awam daripada agen utama pelaksana pembangunan kepada berperanan sebagai pemantau pelaksanaan projek

pembangunan yang dirancang.

Terdahulu YB Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dalam ucapannya, menyatakan bahawa perubahan peranan perkhidmatan awam kini yang turut memberikan penekanan kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan adalah selari dengan matlamat untuk melaksanakan pembangunan yang berkesan.

Menurut beliau lagi, persekitaran yang mencabar dan dinamik memerlukan jentera pentadbiran kerajaan yang cekap yang mana dari semasa ke semasa berusaha untuk membaiki sistem pengurusan agar menjadi lebih efektif dan terus relevan.

Sistem yang cekap ini, menurut Datuk Amar SUK, akan dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat dan komuniti perniagaan bahawa mereka boleh mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan daripada jentera kerajaan pada kos yang minima dan pada tempoh masa yang singkat. Faktor ini seterusnya adalah pendorong kepada pergerakan ekonomi yang lebih mantap.

Menyentuh tentang seminar berkenaan, Datuk Amar SUK yakin ianya dapat memberikan suntikan semangat baru kepada peserta yang hadir khususnya dan penjawat awam keseluruhannya. Perkongsian pengetahuan dan pengalaman sebagaimana yang dibentangkan pada seminar ini amat berguna dan boleh diguna pakai di organisasi masing-masing.

Beliau juga menekankan betapa pentingnya setiap penjawat awam perlu teliti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Bagi



Penjawat awam yang hadir pada Seminar Perkhidmatan Awam 2006 di Bintulu melafazkan ikrar Perkhidmatan Awam

penjawat awam yang diamanahkan untuk mengendalikan hal-hal kewangan di organisasi mereka perlulah teliti dalam penyediaan bajet dan kawalan perbelanjaan. Peruntukan yang dipohon dan diperolehi harus digunakan dengan optimum.

Beliau juga menyatakan bahawa sudah tiba masanya kerajaan mempertimbangkan untuk memberi insentif kepada jabatan atau agensinya yang berupaya menguruskan peruntukan yang diberikan dengan optimum dan dapat membuat penjimatan dalam perbelanjaannya.

Seminar ini dianjurkan bersempena dengan sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2006 yang berlangsung dari 13 hingga 15 Ogos 2006.

Sambutan kali ini diisi dengan pelbagai aktiviti yang merangkumi aktiviti riadah, sukan dan kemasyarakatan yang antara lainnya seperti Larian Kesihatan, Perlawanan Golf antara Sektor Awam dan Swasta dan Gotong-royong MAKSAM di Kampung Penan Muslim.

Turut dilangsungkan ialah Majlis Penyampaian Pingat Perkhidmatan Setia kepada 231 orang penerima oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

"Penjawat awam perlu terus meneliti dan mencari kaedah yang lebih mudah dan berkesan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang," gesa YAB Ketua Menteri dalam Ucaptama beliau pada Seminar Perkhidmatan Awam 2006 di Bintulu



yang dilaksanakan oleh pihak swasta agar menepati spesifikasi serta bajet yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Perubahan peranan ini jelas Pehin Sri, mendesak penjawat awam agar terus meneliti dan mencari kaedah yang lebih mudah dan berkesan dalam pelaksanaan projek-projek

Selamat Bertugas kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak yang Baru

Selamat datang dan selamat bertugas RAKAN Sarawak tujukan kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak yang baru, Tuan Haji Ngah Bin Senik. Beliau telah memulakan tugas di sini pada 22 April yang lalu menggantikan Datuk Haji Isa bin Kassim yang telah bersara.

Latar belakang

Tuan Haji Ngah Bin Senik, 53 tahun dilahirkan pada 6 Julai 1953 di Kuala Terengganu dan meminati bidang perancangan

dan pengurusan luar bandar serta pembangunan luar bandar.

Pendidikan

Memperoleh Ijazah dalam bidang Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya (1976) dan Ijazah Lanjutan dalam Perancangan Bandar dari University of Wales Institute of Science and Technology Cardiff, UK pada 1986.



Tuan Haji Ngah Bin Senik, SUP Sarawak

... bersambung di muka surat 4

Pembangunan Luar Bandar Tumpuan RMK-9

Strategi pembangunan kawasan luar bandar di Sarawak akan diberi tumpuan khusus di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Pembinaan infrastruktur dan prasarana di kawasan itu akan diperhebat bagi mendekatkan jurang pembangunan di antara kawasan bandar dan luar bandar di negeri ini.

Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM13.40 bilion manakala RM1.70 bilion lagi diperuntukkan di bawah inisiatif kewangan swasta sebagai tambahan yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM15.10 bilion.

Itu menjadikan Sarawak mendapat peruntukan yang ketiga terbesar dalam RMK-9 dari segi peruntukan bajet untuk seluruh negeri di Malaysia.

Daripada jumlah peruntukan itu, RM4.17 bilion akan digunakan untuk membaiki taraf hidup rakyat di luar bandar yang akan disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk membangunkan kawasan luar bandar di Sarawak.

Justeru, peruntukan yang besar itu merupakan peluang yang baik untuk kerajaan merapatkan lagi jurang antara wilayah di negeri ini.

Demikian jelas Senator Dato Sri Empiang Jabu ketika berucap membahaskan Usul Pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan Persidangan Dewan Negara baru-baru ini.

Selain pembangunan luar bandar, tumpuan turut diberi kepada pembangunan sektor pendidikan melalui peruntukan berjumlah RM3.60 bilion dan infrastruktur serta kemudahan asas sejumlah RM3.3 bilion.

Menurutnya lagi, YAB Ketua Menteri Sarawak ketika menyampaikan perspektif pelaksanaan RMK-9 bagi Negeri Sarawak di Dewan Undangan Negeri pada April lalu telah menekankan kepada pembangunan sektor ekonomi yang mampu memberi pulangan lumayan dan dianggap berpotensi seperti pemodenan pertanian yang menggunakan pendekatan 'agropole' serta kegiatan pelancongan melalui promosi 'meeting, insentif, konvensyen dan exhibition'.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan turut memberi perhatian kepada peningkatan pembangunan sektor pembuatan dalam mengusahakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memacu pertumbuhan bandar dan wilayah serta pembangunan luar bandar yang seimbang.

Hospital Sarikei Mainkan Peranan Sebagai Pusat Rujukan Perkhidmatan Kawasan Pedalaman

Menjalani hidup sihat adalah impian setiap individu bagi menjadikan hidup mereka lebih ceria dan bersemangat. Untuk itu pihak kerajaan menyediakan banyak kemudahan kesihatan di setiap ceruk rantau di seluruh negara bagi menjamin kesihatan setiap penduduk agar sentiasa terkawal.

Kemudahan kesihatan merangkumi Hospital, Klinik Kesihatan dan Klinik Desa. Kemudahan ini disediakan mengikut hierarki di peringkat negeri, daerah dan tempatan.

Dasar pelaksanaan kesihatan adalah untuk menggalakkan dan menjamin masyarakat sihat dari segi fizikal dan mental. Kemudahan kesihatan disediakan bertujuan untuk menyalurkan perkhidmatan pencegahan, rawatan dan pemulihan.

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam pembentangan RMK9 di Dewan Rakyat Mac lalu, dengan jelas menyatakan bahawa penekanan perlu diberikan untuk memperkukuh dan menambah baik kecekapan, kualiti, akses dan kesaksamaan dalam penyampaian khidmat penjagaan kesihatan untuk menggalakkan kesejahteraan sepanjang hayat di kalangan rakyat seperti mengekalkan kesihatan, mengurangkan beban penyakit dan memanfaatkan sumber yang ada untuk faedah optimum masyarakat.

Sehubungan dengan itu Perdana Menteri menggariskan beberapa langkah harus diusahakan iaitu :

- Mencegah dan mengurangkan beban penyakit bagi meningkatkan taraf kesihatan;
- Menambah baik sistem penyampaian penjagaan kesihatan;
- Mengoptimalkan sumber melalui penguatkuasaan dan integrasi;
- Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan;
- Mengurus krisis dan bencana berkaitan kesihatan secara berkesan;
- Meningkatkan pembangunan sumber manusia; dan
- Memperkukuhkan sistem maklumat dan pengurusan kesihatan.

Di Sarawak, kemudahan kesihatan yang kita nikmati tidak banyak bezanya berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Sungguhpun saiz negeri ini luas dengan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan mempunyai banyak sungai, namun ini tidak pula menjadi halangan penduduk di negeri ini untuk memperoleh kemudahan dan jagaan kesihatan yang

baik.

Di kawasan luar bandar dan pedalaman, kerajaan membelanjakan sejumlah wang yang besar dengan menyediakan pusat-pusat kesihatan, klinik desa dan juga perkhidmatan kesihatan bergerak.

Tumpuan kemudahan kesihatan yang lebih canggih juga tidak hanya tertumpu di bandar-bandar besar seperti Kuching, Sibul dan Miri.

Pembinaan Hospital Sarikei yang lebih besar dan lengkap dalam RMK8 membuktikan kerajaan tidak meminggirkan keperluan penyediaan kemudahan jagaan kesihatan yang lengkap untuk penduduk yang tinggal di bandar-bandar bukan bandar utama di negeri ini.

Pembinaan hospital ini merupakan pusat rujukan perkhidmatan kesihatan yang baru untuk penduduk Bandar Sarikei serta kawasan pedalaman yang berdekatan.

Hospital ini mula dibina pada tahun 2001 di atas kawasan seluas 38 hektar dengan kos kira-kira RM250 juta dan siap pada 8 Disember 2005 dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada 15 Februari 2006. Hospital ini dilengkapi dengan 212 buah katil berbanding dengan hospital sebelum ini yang hanya mampu menempatkan 112 katil.

Kelengkapan hospital ini adalah antara yang terbaik di negeri ini selain menggunakan beberapa sistem yang baru. Antaranya ialah penggunaan sistem



Hospital Sarikei turut dilengkapi dengan makmal yang lebih moden

penghantaran dokumen yang menggunakan sistem tekanan/vakum dari satu tempat/jabatan di hospital ini. Sistem ini hanya terdapat di Hospital Sarikei dan Hospital Bintulu.

Penggunaan sistem ini ternyata mampu meningkatkan kecekapan dan mengelakkan dokumen tercicir, hilang mahupun lewat sampai ke jabatan atau bahagian di hospital ini.

Hospital ini dirancang untuk menampung 268 buah katil pada masa akan datang. Ianya dibina dengan pelbagai disiplin *secondary care* di samping unit perkhidmatan sokongan yang lain, blok kediaman kakitangan, asrama jururawat dan Tempat Mendarat Helikopter.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan adalah :

- Kemalangan & Kecemasan
- Haemodialisis
- Wad Kelas Pertama
- Wad Paediatrik
- Wad Psikologi
- Wad Pembedahan
- Wad Obstetrik
- Wad Wanita
- Wad Penjagaan Kanak-Kanak
- Wad Unit Rawatan Rapi
- Dewan Bedah
- Dewan Bersalin
- Patologi dan Tabung Darah
- Pengimejan Diagnostik
- Rehabilitasi
- Bilik X-ray
- Bilik Mayat
- Klinik Pakar
 - ~ Paediatrik
 - ~ Obstetrik & Gynaekologi
 - ~ Telinga, Hidung & Tekak (ENT)
 - ~ Pergigian
- Farmasi
- Pusat Bekalan Bahan Steril
- Stor Perubatan
- Bilik Seminar
- Unit Sajian
- Pentadbiran & Informasi
- Bilik Kawalan Pelawat
- Bilik Pelawat
- Kafeteria
- Taman Permainan Kanak-Kanak



Kemudahan wad yang baru & moden



Hospital Sarikei turut dilengkapi dengan makmal yang lebih moden



Unit Hedodialisis



Coastal Road to boost Development in Rural Areas in Betong Division

The recently completed coastal road in the Betong Division provides the much needed infrastructure in the flourishing Division. The coastal road network link Betong's main town centre with the interior rural areas, thus providing easy access from farm to markets for the latter's farming and fishing communities.

The new roads will also make it more attractive for investors to open up more land for palm oil estates and other

commercial agriculture ventures. At the same time, the coastal road will also encourage tourism activities, particularly in Kabong and Grigat.

The coastal road has three alignments. The first alignment, which stretches 49.7 km along Jalan Triso/Melebu/Pusa (Betong Division), consists of four packages: i) Package A – Triso to Maludam (16.7 km), ii) Package B – Maludam to Sapinang (14 km), iii) Package C – Sapinang to Pusa (19 km) and iv) Package D- Ferry Point in Batang Saribas.

The second alignment covers 46.1 km along Jalan Pusa/Sessang.

The third alignment of 30 km runs through Grigat, an area famous for its tourist spot, and Kabong, which is known for its agricultural products.

One such district is Saratok which now has a new Water Treatment Plant benefiting 53,000 users.

Located at Nanga Lichok in Saratok, the plant is able to increase water production capacity in the Saratok district from 12 MLD (million litre per day) to 24 MLD.



Loji Rawatan Air Nanga Lichok dibina tepat pada masanya sebagai persediaan kepada peningkatan keperluan pada masa hadapan

The Water Plant is designed to provide water needs of the residents of Roban, Nyabor, Grigat, Sessang, Empelam, and Kabong and along the road of Nyabor-Selalang and Saratok town until 2015.

The new water plant is also equipped with pipe extension to Saratok, Roban, Nyabor and the surrounding areas.

Previously, Saratok only had three water plants that were able to provide only 3.47 MLD for Saratok Town, while the Kabong Water Plant and Roban Water Plant only provided 0.65 MLD for Kabong, Roban, Nyabor, Grigat, Sessang and Empelam.

The coastal road will also reduce the lengthy trip that travellers have to take to reach Maludam, Pusa and Kabong.

The coastal road will also reduce the lengthy trip that travellers have to take to reach Maludam, Pusa and Kabong.



The 30km stretch Kabong/Grisat/Selalang road will help boost economy activity at the coastal area

New Water Treatment Plant for Quality Water in Saratok

As Betong's status was upgraded to that of an administrative division, the districts in the Division are seeing new developments, such as better amenities and utilities, taking place.

One such district is Saratok which now has a new Water Treatment Plant benefiting 53,000 users.

Located at Nanga Lichok in Saratok, the plant is able to increase water production capacity in the Saratok district from 12 MLD (million litre per day) to 24 MLD.

The Water Plant is designed to provide water needs of the residents of Roban, Nyabor, Grigat, Sessang, Empelam, and Kabong and along the road of Nyabor-Selalang and Saratok town until 2015.

The new water plant is also equipped with pipe extension to Saratok, Roban, Nyabor and the surrounding areas.

Previously, Saratok only had three water plants that were able to provide only 3.47 MLD for Saratok Town, while the Kabong Water Plant and Roban Water Plant only provided 0.65 MLD for Kabong, Roban, Nyabor, Grigat, Sessang and Empelam.



Loji Rawatan Air Nanga Lichok dibina tepat pada masanya sebagai persediaan kepada peningkatan keperluan pada masa hadapan

The Development of Jalan Sibul

TANJUNG MANIS Boosts Economic Importance of Central Region Area

The largest infrastructure project in the State of Sarawak under Ninth Malaysia Plan, worth about RM420 million, includes a network of roads and bridges that will link Sibul and Tanjung Manis. This raises the profile of the two areas as an economic hub in the Central region of Sarawak.

The Second Finance Minister and Minister of Urban Development and Tourism, YB Dato Sri Wong Soon Koh said that this linkage between Tanjung Manis and Sibul townships will intensify the development of Sibul as the major commercial centre in the Central Region while at the same time, boosting economic activities in the new townships in Tanjung Manis.

The project is divided into two packages costing RM260 million and RM160 million, respectively.

According to Dato Sri Wong, the contract includes the construction of a 48 km road and will include five bridges. The longest bridge will span 1,240 metres crossing Sungai Lebaan. The project is estimated to be completed in 48 months.

Tanjung Manis Emerges as Strategic Economic Hub for Central Region

As it enters the final phase of its 20-year development plan, Tanjung Manis sheds off its image as a wood processing zone to emerge as a thriving economic center that can support various industries.

In the 1990's, Tanjung Manis was developed primarily as a wood-processing zone. However, seeing the potentials of the area to become a major economic hub of its own, the Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC) developed a 20-year Development Masterplan for Tanjung Manis. It created a subsidiary company, the Tanjung Manis Development Sdn Bhd, to implement the Masterplan in four phases.

Upon completion of its fourth phase of development, Tanjung Manis will emerge as a strategic economic hub for Central Region by the end of 2010.

The zone had thus far received about RM1.04 billion of investment from STIDC (RM370 million), the private sectors (RM290 million) and other government agencies (RM380 million).

Several infrastructure projects that are either underway or are to be implemented for the Central Region of Sarawak under the 9th MP will bring in more economic

development to Tanjung Manis.

These projects include the road project linking Sibul and Tanjung Manis) worth RM420 million. The road spans 43 kilometres, including five bridges, and is expected to be completed within five years from 2006.

Another project that will be completed by the year's end is the RM400 million worth deep sea port that will further boost the deep-sea fishing and wood processing industries in Tanjung Manis. Upon completion of the deep sea port, the Rajang Port Authority will move from Sibul to Tanjung Manis to fully utilise the deep sea port's capacity.

Other projects in the pipeline under the 9th MP include a marina, golf courses, resorts and a special zone for shipbuilding and ship maintenance.

While the wood-based industries will remain as the core industry in Tanjung Manis, the area is also earmarked for the development of other commercial activities such as aquaculture, tourism and agriculture, especially oil palm as the town has been identified as a raw palm oil accumulation centre for Sibul, Sarikei, Kapit and Mukah.

(Source: PUSTAKA)

Sibu hosted this year's Sarawak Youth Week celebrations organised by the Sarawak Ministry of Social Development and Urbanisation (KPSU) in observance of the National Youth Day every 15th May.

The Youth Week aims to achieve the following objectives:

- To encourage more involvement from the youth in development
- To promote knowledge and information amongst the youth as a basis towards creating educated future leaders of Malaysia
- To make the youth realise that the government is concerned about their roles in terms of developing Malaysia
- To give positive publicity and recognition towards the government leaders and youth communities who were involved in initiating and contributing towards youth-oriented developmental programmes aimed towards the development of Malaysia

To accomplish these objectives, several activities were organised during the week-long celebration. The main event of Youth Week was the Youth Assembly that was held on the morning of 22 July. This was when the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud presented the 'Anugerah Tokoh Belia' (for those aged 41 years and above) and 'Anugerah Pemimpin Belia Cemerlang' (for those aged between 25-40 years) 2005 awards to the deserving recipients. Also in

attendance were YABhg Datuk Amar Puan Sri Dr. Hajjah Laila Taib and Sarawak Minister of Social Development and Urbanisation, YB Datuk William Mawan anak Ikom.

These awards were symbols of recognition and appreciation towards the dedication and hard work that was produced by their recipients, as well as a form of encouragement aimed towards youths who had yet to participate in any youth oriented organisations.

Other activities organised during the week were:

Youth Workshop

The 2006 Youth Workshop was held from 19-21 July at the Kemuyang Youth Camp, Sibu. Around 200 participants comprised of youth leaders from Sibu, Kapit, Mukah and Sarikei attended it. The objectives of this workshop were to highlight the importance of leadership, unity and team building through group activities and training.

Youth Convention

The 2006 Youth Convention was held on the morning of 21 July at the Dewan Suarah Sibu. Around 500 people were in attendance, ranging from members of youth organisations, NGOs, public and private institutions of higher education and schools. The theme of the convention (which was also the overall theme of the Sarawak Youth Week) was 'Sustainable Development: Preparing Youth for RMK-9'. Its purpose was to encourage them to incorporate concepts from sustainable development within their respective groups in line with the development of the youth for Vision 2020.



Youths competing in the Youth Week's futsal competition

Patriotic Song Competition

This singing competition took place on the evening of 21 July at the RTM Auditorium, Sibu. It could only be entered by one contingent per division. Each contingent could only have a maximum number of 10 men and 10 women.

Car Boot Sales

Held from 21-22 July at the Sibu Waterfront, these car boot sales were targeted towards youths who were interested in entrepreneurship.



An education booth at the 'Career and Skills Corner' during the 2006 Youth Week

Career and Skills Corner

With a theme of 'Youth Building Nation, Youth with a Vision, Youth of Malaysia', this event took place from 21-23 July at the Dewan Suarah Sibu. It was set up as a focal point to present career and skills opportunities to the youth. Included was an educational exhibition by public/private higher learning institutions and 'Super Talk' careers advice counters that were giving tips and preparation methods for job seeking and dealing with interviews.

Futsal Competition and Aerobics

These sports activities were organised as a means to get the youth interested in keeping fit. They were held on 22 July at the SMC Multi-Storey Car Park, Sibu.

Youth Vocation

This programme involved as many youths as possible to participate in helping out those who were in need of assistance be it helping clean the compound of mosques and churches or fixing up homes belonging to low income families. It was held at Sibujaya on the morning of 23 July.

Inter SUPER Finals

The inter SUPER finals were the indoor competition finals for every SUPER (Meeting Corner for Teenagers) division, these being SUPER Kuching, SUPER Sibu, SUPER Bintulu and SUPER Miri. Each SUPER division sent the champions from the following categories to compete in the finals:

- Carom
- Chess
- Darts
- Pop quizzes

While this year's Youth Week celebrations were a great success, the organisers recognise that future Youth Week activities will have to take into account the trends and wants of the youth such as extreme games and computer games in order to garner the interest of more youths.

MAKSAK Needs More Interactive Activities With Local Communities

The State Secretary, Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain, urge all MAKSAK Divisions to organise activities that can enhance the civil servants' interaction with local communities.

There are such as recreation and community services. Those things function as a basic tool for the civil servants and local communities in order to understand each other's aspirations.

During a dinner in conjunction with the official opening of the Divisional Dart & Chess Competition for MAKSAK Sarawak held in Miri last April, the State Secretary said that recreation and leisure activities can be an excellent means for the civil servants to understand the needs of local communities as well as increase rapport among them.

He added that social interaction plays an important role in communicating the government's

development programmes to the people.

He commended MAKSAK's sports activities noting that "a healthy body will help produce brilliant and progressive minds among the civil servants."

The Sarawak Civil Service encourages its civil servants to take part in sports and recreations, by providing them with incentives such as sports facilities and off the record leaves and extra marks in their annual performance appraisal for staff who represent MAKSAK Sarawak or agencies or other clubs to sporting competitions or events.

There are 159 participants form 12 teams representing all MAKSAK Division.

The Dart and Chess Competition aimed to:

- To attract and provide opportunities for Dart & Chess

enthusiasts to enjoy the sport

- To select Chess and Dart Players to represent M A K S A K Sarawak in the MAKSAK Malaysia Competition that will be held on 16 -18 June 2006 for Chess in Kuala Lumpur and 8 - 10 September 2006 for Dart in Kuala Lumpur.
- To encourage civil servants to interact with each other while engaging sports activities.



Results of the Dart Competition

- Champion - Bintulu
- 1st Runner Up - Miri A
- 2nd Runner Up - Kuching and Sri Aman

Dart Origins

Some stories said that it started as an archery activity in Holland, Europe. While a group of hunters took a break during hunting, they competed in the skills of throwing the archery to a tree. From that moment, it started to develop until it became modern dart sport today.



Usaha yang Ikhlas ke Arah Kesempurnaan

Dalam melaksanakan sebarang pekerjaan kita dituntut agar mengendalikannya dengan penuh amanah atau kejujuran.

Amanah ialah hak kepunyaan suatu pihak berada pada pihak yang lain. Tuan yang punya hak tidak mempunyai sebarang bukti untuk menuntutnya kecuali sifat kejujuran yang ada pada pihak pertama, yang akan mengakui bahawa sesuatu yang ada padanya itu adalah hak kepunyaan orang lain.

Amanah adalah perjanjian kepercayaan yang terletak di atas bahu kita atau yang kita letakkan ke atas orang lain.

Dalam hal ini tiada sebarang saksi untuk mengawal perjanjian tersebut selain daripada rasa tanggungjawab rohani.

Rasa kebertanggungjawaban itulah yang menjadi pengukur sama ada seseorang itu beramanah atau tidak untuk menjalankan sesuatu tugas dengan baik seperti yang ditetapkan.

Orang yang amanah sentiasa berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan setiap kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Dia akan menggunakan segala daya usahanya untuk mempertingkatkan kesungguhannya dalam melaksanakan tugas itu sehingga ke tahap yang dia termampu melakukannya.

Sifat ini menjadikan seseorang pekerja itu begitu ikhlas terhadap tugasnya serta mengambil berat untuk terus memperbaiki mutu kerjanya.

Ini sebenarnya adalah jelmaan ke atas usaha untuk membudayakan kecemerlangan dalam pekerjaan atau organisasi kita.

Dalam usaha untuk membentuk budaya kerja cemerlang dalam organisasi, orientasi pekerja atau kakitangan haruslah bergerak di atas landasan yang betul iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.

Kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan mengetepikan segala kepentingan lain.

Penting bagi sesebuah organisasi mewujudkan *mind-set* yang berorientasikan kecemerlangan supaya pekerja atau kakitangan lebih komited kepada matlamat utama jabatan.

Seseorang pekerja tidak diharuskan menggunakan jawatannya untuk mendapatkan sebarang keuntungan peribadi atau kaum kerabatnya.

Di dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "Seseorang yang kita telah lantik untuk menjalankan sesuatu tugas dan kita telah tentukan upahnya sekali, sekiranya dia mengambil sebarang keuntungan selepas itu, maka dia adalah penipu."

Pekerja itu dikatakan menipu kerana dia telah memperdayakan pihak yang telah memberikan pekerjaan dan upah dengan mencuri masa untuk melakukan kerja yang di luar perjanjian. Dia telah melakukan penyelewengan terhadap tugasnya.

Setiap orang daripada kita berkuasa. Mungkin kuasa ini terhad. Mungkin cuma berkenaan dengan perbelanjaan wang, penguatkuasaan aturan atau undang-undang atau arahan atau lain-lain lagi yang diamanahkan kepada kita. Jika kita tidak beramanah sudah tentu segala kerja tidak akan sempurna dan matlamat tidak akan tercapai.

Akibat tidak ada amanah amatlah buruk kepada diri kita, sistem pentadbiran kita dan juga masyarakat.

Sebagaimana yang kita tahu dalam sebarang pekerjaan atau usaha, kita tidak dapat melaksanakannya seorang diri. Kita memerlukan penglibatan orang lain bersama untuk menjayakannya.

Maka kerana itu sifat amanah dalam pekerjaan amat penting kerana bagaimanakah dapat kita membuat sesuatu perkara itu dengan baik jika kita tidak boleh yakin dan percaya kepada orang lain yang terlibat membantu?

Jika kita dikenali sebagai individu yang kurang beramanah, maka sudah pastinya akan menyebabkan kepercayaan orang lain kepada kita berkurangan atau mungkin tiada langsung!

Perkara ini jika berlaku, ianya akan menjejaskan keseluruhan sistem hidup kita sebagai individu, masyarakat dan negara.

Orang tidak amanah tidak ubah seperti parasit dalam organisasi dan masyarakat. Mereka hidup menempel pada kita dan menyedut segala zat, nikmat, faedah dan keuntungan yang kita usahakan untuk memastikan dirinya terus hidup dan dalam masa yang sama memudahkan kita dengan memperkudakan kita serta melemahkan dan akhirnya membunuh kita.

Sebagai sebuah organisasi seperti Perkhidmatan Awam, setiap individu yang menganggotainya mesti menjaga serta mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang menyebabkan kita dianggap sebagai pecah amanah seperti menyalahguna kuasa atau mengambil rasuah.

Hal ini harus diingati dan dibudayakan. Ini kerana kedudukan kita dalam Perkhidmatan Awam sama ada kita sebagai ketua jabatan mahupun hanya sebagai seorang pemandu, sebenarnya adalah peluang dan amanah yang diserahkan ke atas kita oleh masyarakat yang mana masyarakat mengharapkan kita membantu mereka mendapat peluang yang sama rata dalam menikmati dan meneruskan kehidupan ini.

Tidak ada manusia yang tidak cacat. Yang penting bagi manusia bukan kesempurnaan 100 peratus, tetapi usaha yang ikhlas ke arah kesempurnaan. Cuma Tuhan sahaja yang sempurna.

Eradicating Drugs is a Joint Responsibility

There were 600 people from 10 villages within Lawas who participated in the AADK's programmes. Lawas was chosen due to its close proximity to Sabah, Labuan, Brunei and Indonesia, making it more susceptible to drug trafficking between the states and countries and subsequently, a very important district to be educated by the ADDK.

With a theme that was entitled 'Eradicating Drugs is a Joint Responsibility: Drugs-Taking Them Only Brings Misery', the focus of these programmes was mainly targeted towards those attending school.

This was because in line with the AADK's mission of having a drug-free Malaysia by the year 2015, they wanted to ensure that the young people were educated and equipped

with the knowledge about the ramifications and dangers of drug taking.

By starting them off at a young age, they would have a greater understanding that staying drug-free would help them maintain a healthy lifestyle and enable their society to become more stable.

YB Datuk Awang Tengah Ali



Participants attending a 'Happy Families' seminar

Hassan, Second Minister of Planning and Resources Management and Minister of Public Utilities Sarawak launched the 2006 National State Level Anti-Drugs Day in Lawas on 26th June 2006, the same day that was designated as the International Anti-Drugs Day.

The Sarawak Division of the National Anti-Drugs Agency (AADK) organised several activities leading up to the launching ceremony to generate interest among the public on the need to be vigilant against drug addiction menace in society.

These programmes included the following:

- Students' Integration Programme (PIP) Camp
- Secondary school students who



One of the numerous booths at the Anti-Drugs Development Exhibition

are at risk of becoming potential drug addicts such as students who sniff glue or smoke cigarettes

- Arts Carnival for the Limbang Divisional Anti-Drugs Education Secondary school students
- Futsal Competition (Men and Women) Youths
- Anti-Drugs Education/Development Exhibition
- Medical Check Ups/ Blood Donation
- Student Motivation Programme Secondary school students



- 'Happy Families' Seminar Parents, village leaders

Overall, the 2006 National State Level Anti-Drugs Day celebrations was a great success and the AADK hopes to continue running these events in the years to come in order to prevent the future generations from being ignorant about drugs.

Acknowledgement and thanks to Encik Jasni Bin Hj. Jubli, Director of the Sarawak AADK for his help and cooperation in providing information and photographs regarding this event.

Sibu Jaya New Township Re-Planning

Sibu Jaya New Township is set to undergo a massive transformation through the joint efforts of the Housing Development Corporation (HDC) and Arab-Malaysian Corporation Builders Sdn. Bhd. (AmCorp) within the next 10 to 15 years. Housing Minister Dato' Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg said that a proposed master plan to upgrade Sibu Jaya had been submitted to the planning authorities in April 2006. At present, Sibu Jaya is developed with more than 3,000 units of affordable housing that includes 2-bedroom flats, 3-bedroom flats, medium affordable terrace houses and the HDC's Garden Terrace.

The changes to Sibu Jaya will include a boulevard, a green belt, an attractive park, residential areas, offices and plaza commercial units designed in a modern and contemporary architectural style. Approximately 740 acres of land will be utilised for this project, with 75 acres allocated towards greenery and additional landscaping garden features. A police station and a polyclinic will be built to facilitate the residents of Sibu Jaya. Existing primary and secondary schools within the area will also be

upgraded.

In order to successfully implement this project, a coordination committee will be set up to overlook the project. The CEO of HDC, Encik Wan Mohd. Yusop b. Wan Moss, will

of Irrigation and Drainage (DID) as well as members of other relevant agencies.

The HDC decided to undertake this project because the Sibu Jaya New Township did not have a stellar image amongst the residents of Sibu. In line with the HDC's mission to build affordably priced homes of quality for people, with particular focus towards those in the low-income category, this project is expected to live up to the HDC's high standards.

From this, the township's image will be revamped into an attractive residential area. It would then entice more people to want to move there. As a result, the saleability of houses is also expected to increase with the execution of this project.

By providing good facilities with an excellent environment and surroundings, the Sibu Jaya New Township's re-planning will bring forth a new concept of modern living. People will be encouraged to interact more with each other, laying down the foundation for a close-knit and caring community.

Acknowledgement and thanks to Ahadiah Zamhari, Public Relations Officer of the Housing Development Corporation for generously providing information and photographs regarding the Sibu Jaya New Township re-planning.



A model-sized version of what lies ahead for Sibu Jaya



Looking ahead: a designer's perspective on Sibu Jaya's future boulevard

Graduates Must View The Civil Service as a Vocation, not a Vacation - Datu Ghafur

The Sarawak Civil Service (PANS) Career Expo 2006 was held at the UiTM (Sarawak) Kota Samarahan campus on 23 August 2006.

The Director of the Human Resource Management Unit of the Chief Minister's Department, YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariiff, officially launched the expo.

Also present was the Director of the Sarawak Road Works Department, the Acting Director of the Land and Survey Department, the Director of the Sarawak Drainage and Irrigation Department, the Acting Director of the Sarawak Agriculture Department and the State Accountant of the State Treasury Department.

The theme of the expo was 'Be Part of the Winning Team'. Its objective was to encourage graduates to consider the Civil Service as the 'Employer of Choice' for them. This was the second time that this expo was held in Sarawak, with the first one being held at UNIMAS in 2005.

Representatives of the aforementioned departments had set up information booths, providing pamphlets and brochures on their respective departments.

An e-recruitment registration booth was set up as well for graduates to electronically register themselves with the departments that they were interested in.

There was also an exhibition on these departments displaying their departmental structures, vision and achievements.

In his welcoming remarks, the Assistant Director of the UiTM (Sarawak) Kota Samarahan Campus said that interviews would be held



onsite for graduates for those whom were interested in the Civil Service's Volunteer Scheme.

There would also be job interview clinics with career guidance advisers giving tips on how to write a CV and what to prepare for an interview.

During Datu Ghafur's opening speech, he reminded graduates that preparation was important for an interview. He stated that they must have good communication skills in order clearly articulate what they wanted to say.

Datu Ghafur noted that due to the steady rise of the graduate population, it had become harder and more competitive to become a civil servant. He urged graduates to view the Civil Service as a vocation, not a vacation.

Also, employees of the Civil Service must be continuous learners because of its status as a learning organisation.

Suffice to say, it is hoped that more of these career expos will be organised by Civil Service departments all over the country at institutions of higher education to promote the Civil Service amongst graduates.

Tidal Bore The Natural Phenomenon That Promote Sri Aman

'Pesta Benak', also known as the Tidal Bore Festival, is celebrated in Sri Aman on a yearly basis.

The district of Sri Aman is located about 194 kilometres by road from Kuching. A tidal bore is a solitary wave that is formed when a rising tidal front tries to enter a shallow and narrowing river with high tidal range from a broad estuary.

Tidal bores in Sarawak happen everyday with varying wavelengths and heights. However, during the spring tide, normally on the third and eighteenth day of the Chinese



People arriving in Sri Aman to join in the celebration of the Tidal Bore Festival

Lunar Calendar, tidal bores with high magnitudes occur.

This natural phenomenon can be seen at the Batang Lupar River in Sri Aman but it also takes place at the Batang Sadong, Batang Samarahan and Batang Saribas

estuaries in Sarawak. It should be noted that Sarawak is the only state in which the tidal bore occurs.

The Batang Lupar River flows 200 kilometres from its origin in the Kapuas Mountains to the Teluk Datu of the South China Sea. At its mouth, the Batang Lupar River forms the broadest estuary in Sarawak, not to mention accommodating the largest of the four tidal bores that occur in the whole of Sarawak and Malaysia. The tidal bore continues its journey another 30 kilometres inland,

ending near the small village of Engkilili.

The Tidal Bore Festival's objectives are to introduce Sri Aman through tourism as well as to promote it as a tourist destination for tourists within and outside Malaysia. It is also meant to encourage harmony and unity amongst the local community members.

This year, the Tidal Bore Festival celebrations were held from 11-13 August 2006. Numerous activities were organised as part of the celebrations, including a colouring and drawing competition, a cultural



A regatta boat race in action

night, farmers' day, food and craft stalls, a football tournament, a fun fair, a golf tournament at the Pakit Golf Course, a photography competition, a treasure hunt and a regatta.

Kerajaan Beri Sokongan Penuh Kepada Koperasi Sekolah

Kerajaan terus memberikan sokongan dan galakkan dalam usaha membudayakan semangat keusahawanan pada peringkat lebih awal.

Sasarannya ialah pelajar-pelajar di peringkat sekolah kerana pada peringkat ini, minat pelajar dipercayai boleh dipupuk.

Pencapaian koperasi sekolah haruslah dilihat sebagai kejayaan yang positif kerana golongan ini akan meneruskan budaya keusahawanan apabila menganggotai koperasi dewasa setelah mereka meninggalkan alam persekolahan kelak.

Sehubungan itu, sebagai satu pengiktirafan, Anugerah Kualiti Koperasi Sekolah Sarawak 2005 telah diadakan di Miri baru-baru ini (Julai 2006).

Pada majlis tersebut, Koperasi SMK Maradong Berhad, Sarikei telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Koperasi Sekolah Gemilang Tahun 2005 dengan penghargaan hadiah wang tunai RM3,000, piala dan sijil.

Sementara itu, tiga (3) buah koperasi iaitu Koperasi SMK Tong Hua Bintangor Berhad, Koperasi SMK Bandar Bintulu Berhad dan Koperasi SMK Bandar Bintangor Berhad

masing-masing berkongsi Anugerah Koperasi Harapan Gemilang.

Anugerah Khas Panel Penilaian pula dikongsi bersama oleh Encik Bong Muk Shinn dan Puan Hajah Serina Bt Sauni manakala Anugerah Khas Pemimpin Koperasi Sekolah Tahun 2006 disandang oleh Puan Helen Tan Piak Hua dari Koperasi SMK Bandar Bintulu Berhad.

Encik Wee Hock Sen dari Koperasi SMK Maradong Berhad pula menerima Anugerah Guru Koperasi Sekolah Tahun 2005 manakala bagi Anugerah Pelajar Koperasi Sekolah Tahun 2005 pula disandang Eternak Chemaline dari SMK Maradong Berhad.

Anugerah ini turut memberi pengiktirafan kepada Sekolah

Asrama dan Sekolah Harian.

Bagi Koperasi Sekolah Asrama Kategori A, Koperasi Muara Tuang Berhad muncul juara, tempat kedua (Koperasi SMK Siburan Berhad) dan ketiga (SMK Luar Bandar Sibubehad).

Anugerah Koperasi Sekolah Asrama Kategori B pula pula menyaksikan Koperasi SMK Santubong telah diumumkan johan manakala Koperasi SMK Agama Igan Berhad dan Koperasi SMK Jalan Oya Berhad masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga.

Koperasi Sekolah Harian Kategori A pula dimenangi oleh Koperasi SMK Bandar Kuching No.1 Berhad, tempat kedua (Koperasi SMK Riam Berhad) dan ketiga, (Koperasi

SMK Kuching High Berhad).

Bagi Koperasi Sekolah Harian Kategori B, Koperasi SMK Lumba Kuda Berhad muncul juara manakala Koperasi SMK Bandar Kuching No.2 Berhad mendapat tempat kedua diikuti Koperasi SMK Tunku Abdul Rahman Berhad di tempat ketiga.

Statistik Koperasi

Mengikut statistik penghujung Jun 2006, terdapat 157 buah koperasi sekolah dari 176 buah sekolah menengah di Sarawak dengan keanggotaan seramai 152,930 dan syer sebanyak RM788,000 serta nilai aset sebanyak RM8.8 juta.

Pejabat Residen dan Daerah Bintulu Bakal Miliki Wajah dan Semangat Baru

Artikel sumbangan Jeffrey Jalong, Pejabat Daerah Bintulu

Keselesaan di tempat bekerja adalah antara faktor utama yang boleh menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan orang awam yang berurusan dengan pejabat kerajaan.

Keadaan ruang pejabat yang sempit serta kurang selesa sudah pastinya sedikit sebanyak mengganggu semangat serta konsentrasi kerja, justeru faktor ini pastinya akan menurunkan produktiviti perkhidmatan di jabatan dan agensi berkenaan. Menyedari akan perkara ini, pihak Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan sentiasa perihatin, peka dan mengambil berat setiap aspek yang melibatkan keselesaan bekerja di tempat kerja.

Komitmen ini sesungguhnya telahpun diterjemahkan melalui pelbagai jenis rancangan dan projek pembangunan membaikpulih, menaiktaraf dan membina baru bangunan dan pejabat kerajaan

di negeri ini.

Selari dengan kesungguhan pihak kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, perkara ini dimulai dengan menyediakan tempat berurusan dengan kakitangan dan pegawai kerajaan di jabatan dan agensi yang berkenaan.

Sehubungan dengan itu, dalam Rancangan Malaysia Ke-8, pihak kerajaan juga telah memperuntukkan peruntukkan kewangan sebanyak RM2.7 juta untuk membina bangunan tambahan yang baru untuk kegunaan kakitangan R&DO Bintulu.

Kerja-kerja pembinaan bangunan tambahan ini telahpun dimulakan sejak Januari 2006 dan dijangka siap pada penghujung tahun ini, 2006. Apabila siap

kelak, bangunan tambahan setinggi dua tingkat ini bakal menyediakan kemudahan ruang pejabat untuk Pejabat Residen, Pejabat Timbalan Residen dan Pejabat Daerah Bintulu.

Bangunan tambahan yang baru ini juga bakal dilengkapi dengan kemudahan Bilik Mesyuarat Utama Pejabat Residen, ruang legar dan bilik menunggu pelanggan Pejabat Daerah yang lebih luas dan selesa, Sudut ICT, Bilik Sumber (Resource Centre), kaunter pertanyaan yang lebih mesra pelanggan dan selesa, serta banyak lagi kemudahan dan keselesaan untuk kakitangan Pejabat Residen dan Daerah Bintulu dan juga orang awam.



Gambaran artis - Pejabat Residen dan Daerah Bintulu yang baru

Projek Tagang Berupaya Tingkat Bilangan Ikan di Sungai

Sasaran sebanyak 23 projek ternakan ikan yang dikenali sebagai Projek Tagang telah dirancang untuk pelaksanaan pada tahun 2006 di sungai-sungai yang sesuai di negeri ini.

Ia merupakan projek usahasama di antara Jabatan Pertanian dan komuniti dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber ikan di sungai-sungai.

Projek Tagang berasal dari Sabah dan dikenali sebagai Projek Tagal di sana, telah terbukti berjaya meningkatkan bilangan ikan di sungai seterusnya memberikan sumber rezeki sampingan kepada para peserta dan komunitinya.

Di bawah projek itu, anak ikan akan dilepaskan ke dalam sungai terpilih dan dibiarkan membiak dalam persekitaran semula jadi selama kira-kira dua tahun.

Antara spesies ikan yang dilepaskan ialah Sayan, Tengadak,

Lampun Jawa dan Jelawat di samping spesies ikan yang sukar diperolehi seperti Empaurau dan Semah.

Dalam jangka masa itu, tiada sesiapa yang dibenarkan menangkap ikan di kawasan yang berkenaan.

Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian melalui Bahagian Perikanan Darat dan peserta projek yang juga komuniti yang berhampiran dengan sungai itu akan memantau kemajuannya.

Melalui projek seperti ini, penghasilan ikan di sungai akan dapat dipertingkatkan dan pada masa yang sama akan dapat memberi sumber pendapatan kepada komuniti di samping menggalakkan ekopelancongan.

Setakat Ogos 2006, 12 daripada projek itu telah dilancarkan di negeri ini. Projek perintis telah diadakan di Long Tuyo di Limbang dan Long Bedian di Miri pada tahun 2005.

Projek itu telah menunjukkan kemajuan serta sambutan yang amat

baik daripada komuniti setempat. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian bercadang akan meningkatkan lagi bilangan pelaksanaan projek itu pada masa hadapan.

Lokasi Projek Tagang yang telah dilancarkan :

1. Kpg. Terbat Mawang, Mongkos
2. Kpg. Mentu, Muara Mongkos
3. Ulu Rimbas, Debak
4. Kpg. Abok Pulau, Pantu
5. Sg. Merio, Engkilili
6. Sg. Marup, Engkilili
7. Sg. Entebar, Undop
8. Sg. Tubau, Tubau
9. Sg. Bilat, Entabai, Julau
10. Sg. Kelaton, Eataih, Pakan
11. Sg. Tenyok, Long Bedian
12. Sg. Tuyo, Long Tuyo



Jabatan Penerangan Rangkul Kaunter Terbaik

Jabatan Penerangan Negeri muncul kaunter terbaik mengalahkan kira-kira 30 buah kaunter yang dibuka oleh pelbagai agensi dan jabatan kerajaan yang menyertai aktiviti Hari Bersama Pelanggan (HBP) bersempena Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri 2006 di Bintulu.

Tempat kedua dirangkul oleh Jabatan Pertanian Bintulu sementara Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (SESCO) Pejabat Wilayah Bintulu menduduki tempat ketiga.

Orang awam telah berpusu-pusu menyaksikan HBP yang berlangsung selama tiga hari dua hari itu bertempat di Dewan Suarab Bintulu.



Kaunter Jabatan Penerangan

Ramai telah mengambil kesempatan untuk mendapatkan maklumat seperti proses dan prosedur, peranan serta fungsi sebuah jabatan serta agensi kerajaan.

Program itu juga turut memudahkan orang ramai tanpa perlu mengunjungi pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di pelbagai pejabat berasingan demi mendapatkan maklumat lanjut atau bertanyakan tentang kemusykilan masing-masing.

Malah orang ramai juga berpeluang untuk berinteraksi dengan para pegawai di kaunter untuk mendapatkan maklumat yang mungkin sukar untuk diperolehi dalam sebarang risalah.

Setiasusaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain telah menyampaikan hadiah kepada pemenang HBP 2006 serta merasmikan HBP kali ini.

Beliau turut menyampaikan sijil penyertaan serta mengadakan lawatan ke tapak HBP.

Antara yang mendapat sambutan kali ini ialah aktiviti kuiz dan pemeriksaan kesihatan yang terbuka kepada orang ramai serta pertandingan melukis di kalangan pelajar sekolah.



Kaunter Jabatan Pertanian Bintulu



Kaunter SESCO

HR Focal Points

Sebuah organisasi yang berjaya adalah sebuah organisasi yang mampu menggunakan segala sumber yang dimiliki dengan optimum untuk menghasilkan perkhidmatan atau produk yang bermutu pada kos yang paling minimum.

Antara sumber yang penting bagi mencapai tujuan ini ialah sumber manusia yang cekap dan mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan berkesan.

Turut itu, adalah penting pengurusan sumber manusia dapat

dilaksanakan dengan sempurna yang mana ianya turut mengambil kira akan keperluan-keperluan atau kehendak-kehendak situasi semasa, organisasi dan sumber manusia itu sendiri.

Dalam hal ini perkhidmatan awam negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kemampuan sumber manusianya bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk muncul negeri maju menjelang 2020.

Salah satu inisiatif itu ialah



YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariff membentangkan 'Reinventing HRM' pada Mesyuarat Sumber Manusia HR Manager dan HRD Focal Point

bersambung di muka surat 28

Kemudahan Makmal Analisis Sainifik di Sibubehad

Kemudahan makmal yang menyediakan perkhidmatan analisis saintifik kepada agensi kerajaan serta sektor swasta bagi kawasan di Bahagian Sibubehad, Kapit dan Mukah akan mula beroperasi awal tahun hadapan.

Pembinaan pejabat Jabatan Kimia di Jalan Oya, Sibubehad melibatkan kos kira-kira RM22.3 juta dan dijangka siap pada bulan Mac 2007.

Apabila beroperasi, ia akan menempatkan seramai 43 orang kakitangan terdiri daripada kumpulan profesional, ahli kimia dan kumpulan sokongan pentadbiran.

Kemudahan makmal di Jabatan Kimia Sibubehad itu ia akan memudahkan pelbagai urusan berkaitan yang ketika ini perlu merujuk kepada makmalnya di Kuching dan Bintulu.

Komplek Sukan Mini Lubok Antu Dirasmi

Komplek Sukan Mini di Lubok Antu yang menelan perbelanjaan kira-kira RM3.5 juta kini mampu memberi keselesaan kepada para penduduk sekitarnya untuk mendapatkan prasarana sukan yang moden seperti mana yang terdapat di daerah-daerah lain di negeri ini.

Peruntukan bagi pelaksanaannya telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi (KPSU) yang seterusnya memberi ruang bagi kerja-kerja pembinaan

dimulakan pada tahun 2001 iaitu pada awal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Majlis perasmian kompleks sukan itu telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud baru-baru ini di Dewan Serbaguna Lubok Antu.

Ketua Menteri dalam ucapan perasmian menjelaskan bahawa kemudahan yang disediakan itu merupakan satu contoh penting bahawa penduduk di kawasan luar bandar tidak akan ketinggalan daripada menikmati

arus pembangunan negeri ini.

Paling mustahak adalah sokongan daripada penduduk terhadap usaha kerajaan dalam melaksanakan proses pembangunan di kawasan mereka supaya pelbagai projek kerajaan dapat disediakan dengan lebih cepat.

Komplek Sukan Mini di Lubok Antu mempunyai kapasiti kira-kira 1,000 tempat duduk. Selain itu, ia juga menempatkan tiga buah gelanggang badminton dan sebuah gelanggang bola jaring.

Skim Rondaan Sukarela Bukan Sekadar Tangani Masalah Jenayah

Cuba bayangkan sedang kita semua lena tidur, ada sekumpulan mereka yang sanggup bersengking mata pada malamnya bertugas meronda untuk menjaga keselamatan demi memastikan tidak berlakunya kejadian yang tidak diinginkan. Bukakkah ini suatu pengorbanan demi kesejahteraan bersama namanya?

Mungkin kebanyakan kita terfikir, apa relevannya Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang sering dijalankan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT), sedangkan kini terdapat beberapa teknologi canggih di pasaran seperti sistem alat penggera, sistem litar kamera tertutup malah banyak lagi peralatan bagi melindungi rumah kita daripada diceroboh.

Namun, mengambil kata-kata, "mencegah adalah lebih baik daripada mengubati", kita sebenarnya tidak seharusnya berasa selesa dengan semua itu malah perlu mengurangkan ruang dan peluang daripada berlakunya kejadian pecah rumah dan sebagainya di kawasan kediaman kita. Inilah sebenarnya manifestasi SRS ini iaitu berusaha meningkatkan pengawasan di kawasan kita.

Menurut Pengerusi KRT Piasau Jaya Fasa 2, Encik Samion Ghani hal berhubung keselamatan tidak boleh diambil mudah kerana ia adalah tanggungjawab bersama.



"Ini adalah kawasan perumahan kita dan kita mesti memastikan keselamatan adalah yang terbaik di dalam lingkungan kawasan kita", jelasnya.

Tambah beliau, tanpa pengawasan di pihak kita, kita seolah-olah membenarkan golongan yang tidak bertanggungjawab ini bertapak di kawasan kita.

Pengawasan pihak polis, jelasnya sudah pasti tidak mencukupi, disebabkan mereka juga mempunyai banyak lagi tanggungjawab lain.

"Walaubagaimanapun, di sini kita (melalui SRS) bekerjasama rapat dengan pihak polis menggunakan platform Rakan Cop," jelas beliau lagi.

Menceritakan lebih lanjut mengenai rondaan SRS, Samion menyatakan bahawa inisiatif ini berjaya mengurangkan gejala sosial antaranya kejadian vandalisme (salah laku) yang suatu ketika banyak berlaku di kawasan KRT Piasau Jaya Fasa 2.

Jelasnya rondaan akan dilakukan setiap malam iaitu sebelum tengah malam sehingga berakhir sebelum awal pagi iaitu sekitar 3.30 pagi, bergantung



Pondok Skim Rondaan Sukarela KRT Piasau Jaya Fasa 2

Seminar HPPN Buka Minda Peserta



Seminar Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) 2006 yang bertemakan 'Pertanian adalah Perniagaan' anjuran Jabatan Pertanian Sarawak dan Angkatan Zaman Mansang (AZAM) bertempat di Sri Aman awal Ogos lalu telah berjaya membuka minda seramai kira-kira 50 peserta yang menghadirinya.

Para peserta yang terdiri daripada kalangan peladang, penternak dan nelayan berkenaan kini bukan sahaja melihat pertanian sebagai sumber pendapatan keluarga malah lebih jauh lagi sebagai sebuah perniagaan yang mampu memberi manfaat kepada lebih ramai pihak melalui pewujudan peluang-peluang baru.

Mereka juga telah berpeluang menghadiri klinik pertanian yang melibatkan penyertaan beberapa buah agensi seperti Bank Pertanian Malaysia, Jabatan Pertanian Sarawak, MARDI, FAMA dan SALCRA.

Selain itu, seminar sehari itu juga membawa kepada perbincangan tentang beberapa sektor pertanian yang berpotensi untuk dibangunkan.

Sektor tanaman, perikanan, ternakan dan industri kecil serta sederhana telah dikenal pasti berpotensi dan mempunyai peluang yang luas untuk dibangunkan



Info Seminar HPPN

Diadakan pada setiap tahun sempena sambutan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) dan dihadiri oleh para usahawan dan pengusaha dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

Objektif

- mengukuhkan ilmu pengetahuan peserta mengenai pertanian adalah perniagaan
- menggalakkan minat peserta dalam menceburi bidang keusahawanan pertanian komersil
- mendedahkan maklumat mengenai teknik pengurusan pertanian yang berkesan
- meningkatkan motivasi peserta dalam kegiatan pertanian moden

Tujuan

Untuk memupuk minat bertani di kalangan masyarakat selain untuk menyebarkan maklumat berkaitan sektor pertanian kepada masyarakat umum di negeri Sarawak.

Turut menarik perhatian peserta ialah kisah kejayaan atau sesi perkongsian pengalaman daripada beberapa rakan seperjuangan mereka yang dijemput khas oleh pihak penganjur. Sesi perkongsian itu diharap dapat menyuntik semangat para peserta untuk mengikut jejak rakan-rakan yang telah berjaya menceburkan diri dalam pertanian komersil.



Tema Seminar HPPN - 'Pertanian adalah perniagaan' diharap dapat membuka minda para peserta

Projek "Makanan Pilihan Tahanan Reman" Beri Kesan Penjimatan Kos

Melihat kepada tajuk artikel ini, mungkin pembaca tertanya-tanya apa relevannya projek itu dalam usaha penjimatan kos ke atas penjara di negara ini?

Mengikut statistik, setiap tahun seluruh penjara diperuntukkan "catuan" makanan RM300 sebulan kepada setiap banduan, termasuklah tahanan reman di negara. Tapi mengambil kira peningkatan kos dan diet yang sihat, secara praktikalnya sesuatu usaha harus dilakukan.

Penjara Miri menyahut cabaran ini dengan memperkenalkan projek yang sedikit sebanyak mengurangkan beban perbelanjaan kerajaan di samping pada masa yang sama mempraktikkan kebebasan hak asasi individu di bawah pengurusan layanan tahanan reman. Di bawah perkara ini mana-mana pesalah yang belum disabitkan boleh memilih makanannya sendiri.

Menurut TPP Wallace, tahanan reman berhak untuk memilih apa sahaja makanan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan. Walaubagaimanapun, pihak penjara akan memutuskan permintaan itu boleh dilaksanakan atau tidak setelah mengkaji diet berkenaan iaitu sama ada ia baik ataupun tidak untuk kesihatan.

Wallace turut menjelaskan bahawa setakat ini belum ada penjara di Malaysia yang mengeluarkan sesuatu kajian atau projek tentang diet tahanan reman.

Menurut beliau, dalam melaksanakan projek ini, pihaknya telah merujuk kepada pihak hospital dan jabatan audit bagi memastikan pelaksanaan projek ini sesuai dengan keperluan kesihatan individu dan tidak bercanggah dengan peraturan jabatan dan perkhidmatan awam. Setelah menyemak beberapa klausa tertentu dalam peraturan penjara, mereka meneruskan projek tersebut.

"Pada peringkat awal projek ini, pihak kita telah membuat tapisan ke atas jenis-jenis makanan yang telah disenaraikan oleh tahanan reman" tambah Wallace.

"Ini bagi memudahkan kita untuk merujuk menu mana yang sesuai," jelas Wallace.

Katanya, setelah 3 ke 4 kali perjumpaan dengan pegawai pemakanan, Hospital Miri, akhirnya mereka dapat menyediakan satu jadual rumusan menu-menu pilihan tahanan reman itu.

Menurut Wallace, kebiasaannya pilihan diet untuk tahanan reman ini dibuat pada hari Rabu setiap dua

(2) kali sebulan.

"Kalau tahanan reman setuju tidak terima dari dapur, pembaziran boleh dikurangkan," jelasnya.

Penyediaan makanan untuk tahanan reman, menurutnya tidak memerlukan kos yang tinggi kerana kebanyakan sumber kewangan datangnya dari wang tahanan reman

Lebih sistematik... antara menu yang disenaraikan dalam projek tersebut



Projek Agihan Makanan Dari Dapur - Bagaimana projek ini membantu :

Sebelum :

- Dulu menggunakan sistem manual, dengan menggunakan baldi. Memerlukan berulang-alik (kekerapan antara 10 ke 20 kali)
- Baldi mudah pecah-perlu ditukar setiap kali

Selepas :

- Guna troli (diperbuat daripada stainless steel dapat disimpan banyak) mengurangkan kekerapan berulang-alik
- Tahan lama -tidak perlu ditukar selalu

itu sendiri iaitu ketika tahanan reman berkaitan dimasukkan ke pusat tahanan dan juga dari sumber kewangan keluarga semasa lawatan.

Manakala Gerry yang bertanggungjawab memastikan bekalan makanan mencukupi berkata penjimatan bukan sahaja dilihat daripada pemotongan "catuan" RM15 seorang individu tersebut malah pembelian bahan mentah juga berjaya dikurangkan sehingga RM5 ke RM6 seorang.

Siapa sangka bahawa idea yang lahir pada penghujung Disember 2004, projek Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Penjara Miri ini berjaya mengurangkan

kos yang ditanggung penjara miri di samping meningkatkan usaha penambahbaikan di agensi tersebut.



▲ Sallehin Karim, Warden Penjara salah seorang ahli Kumpulan KMK Matahari menunjukkan inovasi ini yang telah banyak memudahkan tugasnya



▲ Lebih selamat, turut diprakui mampu menjimatkan masa, wang dan tenaga

Guna Kemudahan yang Ada : KRT Piasau Jaya Cemerlang Laksanakan Aktiviti

Mungkin bagi kebanyakan orang, untuk melaksanakan sesuatu kegiatan dalam komuniti amat memerlukan sebuah tempat yang sesuai dengan kata lain sebuah dewan atau pentas yang besar.

Ketiadaan kemudahan tersebut ternyata tidak pernah menghalang Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Piasau Jaya Fasa 2, Miri melaksanakan aktiviti.

Keadaan inilah telah dibuktikan oleh KRT Taman Piasau Jaya Fasa 2, yang hanya menggunakan beberapa kemudahan terhad untuk melaksanakan aktiviti.

Dengan hanya memanfaatkan beberapa sudut berhampiran dengan gelanggang sukan yang turut menempatkan padang futsal dan sepak takraw, mereka berupaya melaksanakan aktiviti komuniti mereka.

Walaupun demikian, ianya tidak pernah mematikan semangat Encik Samion Ghani yang juga Pengerusi Taman Piasau Jaya Fasa 2, KRT meneruskan pelbagai aktiviti untuk KRT di kawasan ini.

Untuk menampung "kekurangan ini" kebisaannya mereka akan cuba mendirikan khemah sementara di sini, sekiranya melibatkan perjumpaan atau aktiviti keraian besar-besaran.

"Memang pihak kami sejak dari dahulu lagi tidak mempunyai dewan atau pejabat, malah disinilah pejabat kami", jelas Samion.

Baginya, kesungguhan di kalangan ahlinya adalah penting bagi melaksanakan program KRT.

"Di sinilah kebanyakan penduduk berkumpul untuk aktiviti sukan, malah disinilah juga kita melaksanakan aktiviti KRT", jelas Samion yang mula memegang jawatan Pengerusi sejak tahun 1999.

Namun apa yang lebih membanggakan ialah pencapaian KRT ini yang ternyata begitu aktif menganjurkan aktiviti.

"Kita pernah dipilih sebagai antara tempat bagi pelaksanaan program komuniti Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang

turut menjalinkan kerjasama dengan Majlis Bandar Raya Miri (MBM) dengan diberi kepercayaan untuk mengurus "taman angkat" di Piasau Jaya menerusi program LA 21 (Local Agenda 21).

Melalui kerjasama tersebut, KRT dipertanggungjawabkan menyelenggara taman yang turut menempatkan gelanggang sukan, disamping mengawasi penggunaan padang permainan di sini.

Tambah beliau lagi, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) juga seringkali menjadikan KRT ini "model terbaik" dari segi pengurusan jawatankuasa serta penganjuran aktiviti.

Jelas Samion, untuk masa hadapan dia menjangkakan lebih banyak aktiviti boleh dilaksanakannya sekiranya mempunyai kemudahan yang lebih baik seperti dewan atau sekurang-kurangnya bumbung yang "menutupi gelanggang permainan" tersebut.

Selain itu, menurutnya kemudahan yang lebih lengkap nanti di harap dapat menjimatkan perbelanjaan terutamanya sewa khemah serta penganjuran aktiviti di luar kawasan.



Sebahagian daripada prasarana kemudahan sukan yang diuruskan oleh KRT Piasau Jaya Fasa 2

diadakan beberapa tahun lepas, selain turut menjadi "tuan rumah" aktiviti kemasyarakatan seperti pelancaran Hari Anti-Dengg, Hari Anti Dadah serta Sukan untuk rakyat", jelas Samion.

Jelasnya lagi, KRT ini cemerlang dalam beberapa aspek seperti program alam sekitar, kebajikan, sosial, keagamaan sehingga melayakkannya menerima anugerah bagi KRT terbaik untuk dua (2) tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2003 dan 2004.



Di khemah inilah, kebanyakan aktiviti KRT Piasau Jaya Fasa 2 dijalankan.

JKR Sarikei Tuan Rumah Persidangan Jurutera-Jurutera Bahagian 2006

Jabatan Kerja Raya Bahagian Sarikei telah menjadi tuan rumah bagi persidangan edisi kali ini.



Program rasmi tahunan ini telah disertai oleh perwakilan-perwakilan dari 11 pejabat JKR Bahagian seluruh Sarawak dan dari ibu pejabat JKR Negeri.

Beberapa aktiviti sampingan telah diatur sempena persidangan kali ini antaranya aktiviti jungle trekking sejauh 2.3km di Taman Rimba Sebangkoi. Sepanjang hampir satu jam aktiviti jungle trekking berlangsung, suasana kawasan dan permukaan hutan yang mencabar ternyata tidak menjadi halangan kepada para perwakilan dan mereka yang terlibat.

Aktiviti ini juga telah menguatkan lagi jalinan kemesraan dan semangat kekitaan sepanjang aktiviti jungle trekking tersebut.

Hari kedua persidangan dimulakan dengan sesi bergambar bersama-sama perwakilan serta dan ketua seksyen di depot Jalan Repok JKR Bahagian Sarikei. Seterusnya, para perwakilan bergerak ke bilik persidangan bagi memulakan persidangan, yang mana bagi edisi ke-9 tahun ini topik persidangan turut menyentuh perkara-perkara penting dan terkini dalam JKR Sarawak mencakupi aspek-aspek pentadbiran, kewangan, kakitangan, teknikal dan lain-lain lagi.

Beberapa kata sepakat telah dipersetujui dan persidangan kali ini boleh dianggap berjaya dalam mencapai objektifnya. Pihak perwakilan juga telah sebulat suara memilih JKR bahagian Mukah untuk menjadi tuan rumah bagi persidangan edisi ke-10 pada tahun hadapan.

Perwakilan persidangan juga telah dibawa melawat serta mengikuti taklimat teknikal di tapak projek Pelabuhan Perikanan Laut Dalam di Tanjung Manis dan seterusnya ke tapak projek

empangan Gerugu di Sarikei.

Sebagai aktiviti melabuh tirai persidangan, para perwakilan diraikan dalam majlis makan malam Kelab Sosial dan Kebajikan Kakitangan JKR (SOKANJAYA) Bahagian Sarikei yang diadakan di Dewan KPSU, Sarikei.

Para perwakilan telah disajikan dengan persembahan kebudayaan dan nyanyian yang menarik, khasnya dari bakat-bakat kakitangan JKR Sarikei. Selain itu juga, cabutan bertuah yang menawarkan hadiah-hadiah menarik turut diadakan.

Dalam majlis tersebut, Pemangku Jurutera Bahagian JKR Sarikei En. Tiong King Wei yang juga selaku Pengerusi SOKANJAYA Bahagian Sarikei telah menyampaikan ucapan penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh kakitangan JKR Bahagian Sarikei yang telah membantu menjayakan Persidangan Jurutera-Jurutera Bahagian Jabatan Kerja Raya Sarawak serta Malam SOKANJAYA pada tahun ini.

Beliau juga turut menyampaikan cenderahati kepada perwakilan persidangan yang hadir serta sijil penghargaan kepada kakitangan JKR yang telah bersara atas sumbangan mereka selama ini dan juga kepada kakitangan JKR bahagian Sarikei yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2005.

Secara keseluruhan, program Persidangan Jurutera-Jurutera Bahagian Jabatan Kerja Raya Sarawak edisi ke-9 tahun ini telah diadakan dengan jayanya.

Adalah diharapkan agar segala permuafakatan dan persetujuan yang telah dicapai dalam persidangan dapat direalisasikan dengan efektif dan jayanya bagi membolehkan JKR Sarawak berjaya mencapai objektifnya sebagai agen pembangunan infrastruktur negara.

Ramai Tidak Mengetahui Peranan BGG

Kurangnya pengetahuan mengenai BGG (Biro Bantuan Guaman) turut menjadi punca usaha ini kurang dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan luar bandar, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz,

Menurut beliau, rakyat perlu memanfaatkan matlamat utama BGG yang ditubuhkan sejak tahun 1970, iaitu membantu penduduk khasnya di luar bandar yang tidak mampu membayar anak guaman apabila disabitkan dengan sesuatu kesalahan.

Beliau berkata demikian sewaktu Program Akar Umbi Biro Bantuan Guaman Bersama Masyarakat di Dewan Sri Buntal, Kampung Buntal pada Mei 2006 yang lalu.

"Kita dapati mereka tidak tahu saluran untuk mendapatkan bantuan. Disebabkan keadaan itu, ramai yang tidak bersalah di kalangan yang berpendapatan rendah, apabila dituduh terpaksa mengaku bersalah disebabkan tidak mampu membayar peguam," jelasnya.

Menurutnya, melalui BGG, kerajaan akan terus melaksanakan tanggungjawabnya untuk membantu golongan ini.

BBG, antara lain turut bertanggungjawab membantu mereka dalam menyelesaikan kes terutamanya seperti perceraian, pembahagian harta dan beberapa kes jenayah.

Dalam perkara berkaitan, mengenai penubuhan Rakan Biro Bantuan Guaman yang diusahakan oleh penduduk Kampung Buntal, beliau berkata ia adalah salah satu cara memperluaskan perkhidmatan BGG di kawasan luar bandar.

Menurut Nazri, langkah positif tersebut memberinya idea untuk menubuhkan serta memperluaskan usaha menubuhkan Rakan Biro Bantuan Guaman di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Mengenai prestasi BGG, walaupun berhadapan dengan kekurangan kakitangan, ia akan tetap komited melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Sehingga kini, hanya terdapat 22 cawangan BGG di seluruh negara yang mempunyai kira-kira 270 orang kakitangan.

Jelasnya lagi, BGG hampir setiap tahun, ia menyelesaikan sebanyak 15,000 kes hingga 17,000 kes yang berdaftar.

"Belajar 2 Jam 3 Jam" Wujudkan Kesedaran Ibu Bapa Luar Bandar

Kurang perhatian dan tumpuan ibu bapa di kawasan luar bandar dikenalpasti adalah sebahagian daripada punca menurunnya prestasi pelajar di kawasan luar bandar. Walaupun tidak dinafikan ada kebanyakan mereka yang mengikuti perkembangan pembelajaran anak-anak mereka, namun ada juga yang menyerah sepenuhnya tanggungjawab tersebut kepada guru-guru mereka.

Menyadari kebimbangan ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengambil langkah yang proaktif mengajak penglibatan menyeluruh ibu-bapa bersama-sama memantau perkembangan pembelajaran anak-anak mereka dengan memperkenalkan kempen

"Belajar 2 Jam 3 Jam" pada tahun ini (2006).

Kempen "Belajar 2 Jam 3 Jam", mungkin agak baru bagi yang belum mengetahui mengenainya. Ia membawa mesej jelas bahawa keluarga yang membudayakan ilmu pengetahuan dengan meluangkan masa bersama dengan anak-anak mereka secara tidak langsung akan dapat melahirkan modal insan berkualiti.

Menyentuh cabaran itu, satu Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Ibu Bapa Luar Bandar Peringkat Negeri Sarawak (Belajar 2 Jam 3 Jam) dan Kelab Sahabat KEMAS telah dilancarkan di Dewan Suaraha Kota Samarahan, Samarahan pada 12 Jun yang lepas.

Ketua Menteri Sarawak, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud sewaktu pelancaran kempen tersebut berkata

usaha berkenaan boleh dijadikan dorongan kuat untuk ibu-bapa mengalakkan pembelajaran berterusan untuk anak-anak pada peringkat yang lebih awal.

Kempen "Belajar 2 Jam 3 Jam" yang pertama kali diadakan di negeri ini, adalah bermatlamat untuk mengalakkan ibu bapa luar bandar memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak pada masa yang disyorkan sekurang-kurangnya dua jam sehari untuk anak-anak berada di sekolah rendah dan tiga jam sehari untuk anak-anak yang berada di sekolah menengah.

Bagi memastikan ia berjaya mencapai tujuannya, Kelab Sahabat KEMAS (KSK) diwujudkan berperanan mendidik ibu bapa dalam usaha memberi panduan dan dorongan kepada anak-anak untuk belajar lebih baik dan sistematik.

KSK yang terdiri daripada kakitangan KEMAS, jawatankuasa dan peserta aktiviti, ibu bapa pula akan bertindak untuk mewujudkan rangkaian hubungan antara KEMAS dengan masyarakat di luar bandar.



Didikan yang sempurna terutama minat membaca pada peringkat awal mampu mempengaruhi sikap mereka apabila dewasa kelak

Hanya pelajar yang bijak memberi tumpuan di sekolah dan mengulangkaji matapelajaran di rumah akan berjaya dalam pelajaran.





Dr. Lawrence Tseu memberi penerangan

Mutu Pengangkutan Awam Perlu Ditingkat Elak Kesyakan di Bandar Raya

Bandar Raya Kuching akan berhadapan dengan masalah kesesakan jalan raya yang serius dalam masa lima tahun akan datang jika tiada langkah jitu diambil bagi meningkatkan mutu pengangkutan awam di situ.

Jangkaan itu berdasarkan fakta bahawa berlaku peningkatan sebanyak dua peratus dalam pendaftaran kenderaan bagi setiap satu peratus peningkatan populasi penduduk di bandar raya itu.

Demikian menurut Dr. Lawrence Tseu, Ketua Penolong Pengarah di Unit Perancang Negeri dalam ceramahnya yang bertajuk "Pengangkutan Bandar dan Persekitaran Mapan - Platform Menuju Perubahan: Mengenai Kuching" pada *Brown Bag Seminar* anjuran Institut Pembangunan Sarawak (SDI) dan Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti Jabatan Ketua Menteri di Kuching pada Jun lalu.

Menurutnya, pada tahun 2003, kira-kira 570,000 orang mendiami Bandar Raya Kuching yang seluas kira-kira 430 kilometer persegi. Sementara itu, bilangan kenderaan persendirian berdaftar pada tahun 2004 pula ialah kira-kira 383,029 buah.

Populasinya juga dijangka mencatat peningkatan sehingga mencapai kira-kira 700,000 orang pada tahun 2020 yang seterusnya turut memberi kesan kepada bilangan kenderaan.

Ketika ini kira-kira 65 peratus penduduk bandar raya bergerak dengan kereta sementara 15 peratus menggunakan motosikal.

Menurut Dr. Lawrence, statistik juga menunjukkan kira-kira 77 peratus isi rumah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kenderaan.

Keadaan itu telah menyebabkan kesesakan yang semakin kritikal terutama pada waktu puncak sehingga membawa kepada pembinaan jalan-jalan baru, lebuh raya

serta melebar jalan sedia ada dan membina jejambat bagi menggantikan peranan lampu isyarat.

Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa tindakan berkenaan telah gagal mengatasi masalah itu, malah telah meningkatkan pergerakan bilangan kenderaan persendirian di bandar.

Selain kekurangan tempat meletak kenderaan, keadaan itu turut menjurus kepada peningkatan masalah kesihatan, sosial dan isu alam sekitar.

Perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas tidak menarik minat orang awam kerana kebanyakan bas yang beroperasi telah berusia, tidak mempunyai pendingin udara serta masa perjalanan yang tidak efisien menyebabkan orang ramai lebih suka memilih kenderaan persendirian.

Golongan berpendapatan rendah juga tidak mempunyai pilihan dan terpaksa membeli kenderaan persendirian walaupun tindakan itu mungkin membebaskan situasi kewangan mereka.

Justeru katanya, kelemahan dalam penyediaan pengangkutan awam perlu ditangani segera oleh semua agensi dan pihak berkaitan dengan menambatkan sistem pengangkutan awam bukan sahaja di Kuching, malah di semua bandar utama negeri ini.

Jika ia mampu dilaksanakan, satu sistem pengangkutan awam yang mapan akan dapat disediakan dan seterusnya mungkin mampu mengubah gaya hidup dan cara pergerakan masyarakat di Bandar Raya Kuching dan bandar-bandar lain di negeri ini.

Pembinaan lebih banyak jejambat tidak akan membantu mengurangkan kesesakan jika pengangkutan awam berterusan tidak menjadi pilihan masyarakat



Fakta Ringkas Bandar Raya Kuching

Keluasan	:	430 kilometer persegi
Populasi	:	570,000 orang (Tahun 2003) 700,000 orang (Tahun 2020)
Kenderaan persendirian	:	383,029 buah (Tahun 2004) (197,882 kereta dan 185,147 motosikal)
Jumlah bas	:	1058 (Tahun 1998) 1075 (Tahun 2004)
Keseluruhan kenderaan	:	1,597 buah (Tahun 1955) 446,498 buah (Tahun 2004)

67.4% Murid Tahun Satu di Sarawak Boleh Membaca dan Menulis

Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak (JPN Sarawak) telah mengenalpasti sejumlah 67.4 peratus murid yang berada di Tahun Satu di negeri ini boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Angka mutakhir ini berasaskan Ujian Pengesanan Celik Huruf (UPCH) yang telah dilaksanakan oleh JPN Sarawak pada penghujung bulan Jun tahun lepas (2005). Ujian yang melibatkan seramai 46,597 orang murid Tahun Satu di sekolah rendah di negeri ini diadakan bertujuan untuk melihat data sebenar mengenai masalah murid yang belum menguasai kemahiran tersebut.

Pada masa yang sama JPN Sarawak turut mendapati sejumlah 63.3 peratus murid pada tahap berkenaan menguasai kemahiran mengira melalui Ujian Pengesanan Celik Angka (UPCA).

Kedua-dua ujian tersebut, turut mendapati bahawa kebanyakan murid dapat menguasai kemahiran tersebut selepas enam (6) bulan persekolahan.

Menurut kenyataan daripada Pengarah Pelajaran Sarawak, JPN Negeri Sarawak telah mengambil beberapa inisiatif untuk menangani masalah murid yang belum menguasai kemahiran tersebut dengan mengadakan beberapa

program antaranya Program Celik Huruf dan Celik Angka, Kelas Pemulihan dan Program Bacaan Awal sejak tahun 1995 lagi.

Kumpulan murid yang belum menguasai 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) telah dan sedang mengikuti kelas pemulihan biasa atau kelas pemulihan khas yang berterusan sehingga mencapai tahap penguasaan kemahiran 3M sebelum mereka melangkah ke Tahap Dua.

Sehubungan itu, beliau berharap ibu bapa turut mengambil berat terhadap pembelajaran anak-anak mereka di samping sentiasa berhubung dengan pihak sekolah

mengenai perkembangan anak-anak mereka.

Pada tahun 2006, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan untuk mengesan penguasaan murid membaca dan menulis selepas 3 bulan mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

Satu ujian penapisan dijalankan pada awal April ini (2006). Murid-murid yang belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu akan melalui Program KIA2M (Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis). Murid-murid yang telah menguasai kemahiran asas akan ditempatkan semula ke kelas biasa untuk mengikuti pembelajaran bersama-sama murid-murid lain.



Ibubapa harus melihat kepentingan penguasaan membaca dan menulis di kalangan anak mereka menjadi tanggungjawab bersama dengan pihak sekolah

Taman Negara Bako Sambut

Ulang Tahun ke-50 Tahun Hadapan

Taman Negara Bako sebelum ini dikenali sebagai Hutan Simpan Muara Tebas merupakan taman negara tertua di Sarawak dan akan menyambut ulang tahun ke-50 pada tahun hadapan.

Digazetkan pada tahun 1957 dengan keluasan kira-kira 2,727 hektar, sambutan ulang tahun Taman Negara Bako tepat pada masanya kerana pada masa yang sama juga berlangsungnya Tahun Melawat Malaysia 2007.

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti berkaitan, antaranya merentas hutan, telah dirancang untuk dilaksanakan.

Demikian menurut Pengurus Taman Negara Bako, Encik Siali Aban kepada para peserta "Bengkel Pembangunan Mapan: Bagaimana Media Boleh Membantu?" anjuran Angkatan Zaman Mansang yang disertai oleh para pengamal media ke taman negara itu baru-baru ini.

Menurutnya, pada tahun 1981 sejumlah kira-kira 5,680 orang telah datang ke Taman Negara Bako. Angka itu terus mencatatkan peningkatan kepada 20,975

orang pada tahun 2000 dan 27,194 pengunjung pada tahun lalu.

Daripada sejumlah 27,194 pengunjung pada tahun 2005, kira-kira 19,284 daripadanya adalah pelancong asing.

Taman Negara Bako dikenali pelancong kerana mempunyai hampir kesemua spesies tumbuhan di Borneo, beberapa spesies kera antaranya 'Proboscis' yang hanya dijumpai di Borneo dan lebih daripada 150 spesies burung.



Para pengunjung pasti akan terpegun dengan kehadiran pelbagai spesies kera di merata-rata tempat di dalam taman negara ini

Encik Siali turut mendedahkan sebilangan spesies baru kelawar berjaya direkodkan baru-baru ini. Bekas tapak kaki harimau bintang yang dijumpai juga menjadi penemuan penting.

Kesan hakisan pantai yang berlaku sejak kira-kira 23 juta tahun yang lalu turut menjadi antara tarikan utama pengunjung ke taman negara itu.

Para pengunjung juga berpeluang memilih lapan belas



Pengurus Taman Negara Bako, Encik Siali Aban memberi penerangan tentang spesies tumbuhan yang akan ditanam

lalu denai dalam taman negara bagi membolehkan mereka menikmati keindahan flora dan fauna taman negara. Ia berikutan setiap satunya mempunyai daya tarikan serta jarak perjalanan yang berbeza.

Ketika ini pihak taman negara menyediakan pelbagai produk kepada para pengunjung seperti kemudahan untuk bengkel dan kursus, perkhemahan, sukaneka, penggambaran filem, kayak, penyelidikan, rumah penginapan dan banyak lagi.

Untuk sampai ke situ, pengunjung perlu sampai ke Kampung Bako yang terletak kira-kira 40 minit perjalanan (27 km) dari Bandar Raya Kuching. Kemudiannya mereka perlu menaik perkhidmatan bot penduduk kampung yang memakan masa kira-kira 30 minit untuk sampai ke taman negara.

Selamat Bertugas kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak yang Baru

dari muka surat 1

Anugerah

- 1995 Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Perak (A.M.P.)
- 1997 Sijil Perkhidmatan Terpuji
- 2002 Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia Peringkat Ketiga Setia Mahkota Pahang (S.M.P.)
- 2005 Darjah Kebesaran Negeri Terengganu Darul Iman Darjah Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu (S.M.Z.)

Pengalaman bekerja

- PTD Tingkatan Biasa, Unit Perancang Ekonomi, JPM (1976-1978)
- Pen. Pengarah, Bekalan Air dan kemudahan Awam, Unit Perancang Ekonomi, JPM (1979-1981)

- Pegawai Projek Kanan, Pusat Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah INTAN Bukit Kiara (1981-1989)
- Penyelaras Projek Kanan, INTAN Kampus Wilayah Timur (1989-1993)
- Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil Selama Perak (1993-1998)
- Pegawai Daerah Krian, Parit Buntar Perak (1998-2000)
- Pengarah Wilayah INTAN Kampus Wilayah Timur (2000-2004)
- Timbalan Pengarah Kanan (Gunasama) Bahagian Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam (2004-2006)

Keberkesanan penyampaian dan pelaksanaan serta koordinasi yang lebih efektif antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan memastikan kejayaan pelbagai pelaksanaan projek di negeri ini sepanjang Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9).

Tidak dinafikan, kejayaan pelbagai projek dalam RMK-8 telah banyak mengubah corak hidup rakyat negeri ini terutama sekali projek-projek jalan yang telah membuka pekan-pekan kecil dan juga menyediakan ruang untuk perkembangan pelbagai sektor lain terutama sekali pertanian dan perladangan untuk berkembang.

Begitu juga dengan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak di Samarahan, kenaikan taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sibul dan Miri, Lapangan

Terbang Limbang, jambatan Lanang, jambatan Lundu, Oya dan Mukah serta Taman Sahabat Cina-Malaysia yang menjadi mercu tanda kejayaan RMK-8.

Namun, ketika pelaksanaan RMK-8 yang lepas, terdapat projek bermasalah yang dikenalpasti berpunca daripada kelemahan penyampaian dan pelaksanaan serta koordinasi antara Kerajaan Negeri dan Pusat.

Antaranya ialah projek pembinaan Penjara Pusat Kuching, empangan mini hidro di Bario dan Teluk Melanau serta banyak projek pembinaan sekolah dan kemudahan pendidikan yang lain.

Justeru iktibar perlu diambil bagi memastikan RMK-9 tidak akan menghampakan para penduduk yang amat menaruh harapan kepada kemudahan-kemudahan yang telah dirancang untuk pelaksanaan.

Demikian menurut Senator Dato Sri Empiang Jabu ketika berucap membahaskan Usul Pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh YAB Perdana Menteri semasa Persidangan Dewan Negara pada Mei lalu.

Menurut beliau, pembangunan yang telah Sarawak alami selama 42 tahun merdeka di dalam Malaysia tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa adanya kerjasama yang erat di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat.

Sehubungan itu, masalah-masalah yang dihadapi ketika pelaksanaan pelbagai projek pembangunan boleh diperbaiki melalui saluran koordinasi dan komunikasi agensi Kerajaan Negeri dan Pusat untuk memperhebat lagi tahap pelaksanaan dan kejayaan RMK-9 untuk manfaat seluruh penduduk di negeri ini.

Kumpulan Matahari 4 dari Jabatan Penjara Miri Dinobatkan Johan KMK Sektor Awam 2006

Sementara itu, KMK Benak dari Jabatan Pengairan dan Saliran Sri Aman pula diumumkan sebagai johan kategori teknikal.

Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), YB Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain telah menyampaikan anugerah berkenaan pada satu majlis di Kuching 9 Ogos yang lalu.

Pada majlis berkenaan juga, fasilitator bagi KMK Matahari 4, En. Wallace ak Nawon dan fasilitator KMK Benak, En. Allen Sim telah dianugerahkan sebagai fasilitator terbaik bagi kategori masing-masing.

Sementara itu KMK Sinergi dari Jabatan Kastam DiRaja Sibul dan KMK MyQ dari Pustaka Negeri Sarawak, Miri diumumkan sebagai pemenang tempat kedua dan ketiga bagi kategori pengurusan.

KMK Puteri Sejinjang dari Jabatan Perikanan Laut Sarawak pula memenangi tempat kedua bagi kategori teknikal manakala KMK Belian dari Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan pula di tempat ketiga bagi kategori yang sama.

Konvensyen KMK Sektor Awam



Fasilitator bagi KMK Matahari 4, En. Wallace ak Nawon bersalaman dengan YB Datuk Amar Haji Abdul Aziz ketika menerima anugerah Johan KMK 2006 bagi kategori pengurusan

Peringkat Negeri 2006 kali ini disertai oleh 18 KMK yang berlangsung dari 8 hingga 9 Ogos 2006 di Kuching.

YB Datuk Amar Haji Abdul Aziz dalam ucapan pada Majlis Penutupan dan Penyampaian Anugerah berkenaan menyatakan KMK adalah salah satu daripada kaedah yang boleh digunakan oleh penjawat awam untuk menambahkan proses dan prosedur kerja di organisasi masing-masing.

Dalam masa yang sama beliau juga menggesa semua ketua jabatan agar memberikan sokongan padu dan komitmen penuh kepada penubuhan dan pertumbuhan KMK di organisasi masing-masing yang mana dengan pelaksanaan projek-projek KMK di organisasi terlibat, ianya akan

dapat membantu meningkatkan imej organisasi, meningkatkan kepuasan hati pelanggan, mewujudkan proses kerja yang mesra pelanggan, mengurangkan aduan dan rungutan pelanggan, menjimatkan kos dan masa dan seterusnya mencapai objektif, misi serta misi organisasi masing-masing.

Dalam masa yang sama YB SUK turut menekankan akan betapa perlunya dan sudah tiba masanya semua organisasi perkhidmatan awam mengimbas kembali akan pendekatan TQM (Total Quality Management) yang digunakan sekarang agar pendekatan ini dapat diterapkan semula ke semua peringkat organisasi yang akhirnya akan menjadi penggerak kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif kualiti yang lain.

KWAPM, Ringankan Beban Pelajar Miskin

Kumpulan Wang Amanah Untuk Pelajar Miskin (KWAPM) telah diperkenalkan kerajaan awal tahun ini melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu serta meringankan beban pelajar miskin di sekolah rendah di seluruh negara.

Bantuan seumpama ini diadakan bagi bertujuan membantu murid terutamanya di kawasan luar bandar antara lain membeli pakaian seragam sekolah (RM120), peralatan sekolah (RM100), yuran sekolah (RM40), yuran peperiksaan UPSR (RM5) serta yuran bantuan am (RM720).

Perkara ini dinyatakan oleh Timbalan Ketua Menteri, YB Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu

Anak Numpang sewaktu ucapan penggulungan pada Persidangan Pertama Bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-16 (24 Julai hingga 2 Ogos 2006).

Menurut beliau, kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan pelajar bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada kesukaran hidup yang menimpa diri mereka.

Selain KWAPM, katanya kerajaan turut menyediakan Skim Bawcer Tuisyen (SBT) yang antara lain bertujuan membantu pelajar yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan bimbingan tuisyen dalam empat (4) matapelajaran utama iaitu Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Di negeri Sarawak sahaja, bagi tahun 2006 seramai 77,225 orang pelajar telah mendapat manfaat daripada program SBT tersebut yang melibatkan peruntukan sejumlah RM30 juta.

Beberapa program lain sedia ada, yang memfokuskan pelajar miskin akan diteruskan seperti Rancangan Makanan Tambahan, Skim Pinjaman Buku Teks dan Program Susu Sekolah.

Jelasnya lagi, usaha tersebut dilengkapkan lagi dengan kerjasama agensi swasta, badan korporat dan pertubuhan seperti Petronas, Shell dan pertubuhan seperti DBNA, Koperkasa, Darul Falah, Tabung Amanah Bakun dan sebagainya.

KEMAS Giat Laksana Program Untuk Masyarakat Luar Bandar

Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan (KEMAS) akan giat melaksanakan pelbagai program untuk masyarakat luar yang meliputi program pembangunan, pendidikan prasekolah, program kemasyarakatan dan Latihan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, KEMAS telah diperuntukkan sejumlah

RM5.8 juta bagi melaksanakan program berkenaan pada tahun ini.

Demikian menurut Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Anak Numpang sewaktu ucapan penggulungan Persidangan Pertama Bagi Penggal Pertama Dewan

Undangan Negeri Ke-16 (24 Julai hingga 2 Ogos 2006).

Katanya daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.11 juta telah diperuntukkan untuk menjayakan Program Pendidikan Masyarakat, Gerakan Masyarakat, Pusat Sumber, Pra Sekolah dan

bersambung di mukasurat 10

Halatuju Tanaman Lada Negara Beri Manfaat Keluarga Tani di Sarawak



Lada biasa ditanam di kawasan tanah berbukit termasuk di halaman rumah pengusaha

Kira-kira 65 ribu keluarga tani di Sarawak yang mengusahakan kira-kira 12,542 hektar tanah dengan tanaman lada akan menikmati manfaat daripada penilaian semula kerajaan terhadap halatuju pembangunan tanaman itu.

Pada tahun 2005, pengeluaran lada dunia adalah sebanyak 294,770 tan metrik, manakala penggunaannya adalah sebanyak 280,838 tan metrik.

Sementara pada tahun ini, pengeluaran lada dunia dianggarkan sebanyak 255,200 tan metrik, manakala penggunaannya dianggarkan sebanyak 294,880 tan metrik.

Anggaran itu adalah berdasarkan aliran penggunaan lada dunia yang meningkat sekitar empat hingga lima peratus setahun.

Lada mendapat pasaran yang amat tinggi kerana fungsinya sebagai perisa makanan serta digunakan secara meluas dalam bidang perubatan dan kosmetik. Buat masa kini, Malaysia merupakan negara pengeluar lada kelima terbesar di dunia selepas Vietnam, India, Brazil dan Indonesia. Pasaran utamanya adalah negara-negara Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat.


Purata pengeluaran lada negara bagi tempoh 1996 hingga 2005 adalah sebanyak kira-kira 21 ribu tan metrik setahun yang menyumbang secara purata berjumlah kira-kira RM221.7 juta setahun kepada pendapatan eksport lada negara bagi tempoh masa yang sama.

Perancangan pendekatan baru untuk industri lada negara :

- meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi tanaman termasuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan klon-klon yang lebih sesuai dan mempunyai keistimewaan tersendiri
- menggalakkan pengeluaran produk tambah nilai dan produk khusus seperti lada putih kering
- pelaksanaan penanaman berkelompok yang telus dan terselia untuk menentukan produk yang dikeluarkan itu adalah mengikut kehendak pengguna melalui kaedah *good agriculture practice*
- penyelidikan ke atas penggunaan baru lada dan produk lada

Fakta lada

- 68 ribu keluarga tani terlibat dengan tanaman lada di Malaysia
- 65 ribu keluarga adalah di Sarawak
- 12,542 hektar tanah ditanam dengan lada di Sarawak. Kesesuaian tanah berbukit dan iklim menggalakkan tanaman itu diusahakan di Sarawak
- Biji lada yang telah kering boleh disimpan sehingga lebih 10 tahun



Tanaman lada antara penjana ekonomi penduduk khususnya di kawasan luar bandar Sarawak

Masalah 'Along': Skim Ar-Rahnu Alternatif Baru Daripada Koperasi Serbaguna Miri

Masyarakat hari ini dibayangi dengan masalah ceti haram yang dikaitkan pula dengan gejala 'along'. Kesempitan wang yang tidak diduga menjadi punca kepada pilihan untuk mendapatkan sumber wang pada masa yang singkat.

Namun, tindakan itu mengundang masalah. Kadar faedah yang tinggi di samping cara keras yang digunakan oleh ceti haram untuk mendapatkan kembali wang yang dipinjam, telah menyebabkan ramai di kalangan ahli masyarakat berhadapan dengan keresahan.

Tetapi Koperasi Serbaguna Miri Berhad (KSMB) telah muncul dengan idea terbaru dengan memperkenalkan satu skim pinjaman berkonsepkan Islam yang dikenali Skim Ar-Rahnu pada tahun 2004.

Ia menjadikan KSMB merupakan koperasi yang pertama memperkenalkan Skim Ar-Rahnu kepada ahli-ahlinya dan juga kepada orang awam di Sarawak.

Skim Ar-Rahnu merupakan pinjaman yang bersandarkan emas. Kemudahan itu ditawarkan untuk membantu golongan yang memerlukan wang tunai segera bagi membantu mereka membiayai pendidikan, kos perubatan dan hospital, modal perniagaan, pembayaran hutang dan sebagainya.

Had pembiayaan adalah

sehingga RM5,000 bagi sekali permohonan dengan tempoh bayaran balik antara 6 hingga 10 bulan.

Peminjam hanya perlu membuat cagaran barang emas bagi membolehkan mereka membuat pinjaman.

Kemudahan yang diperkenalkan itu membuatkan orang ramai atau pelanggan KSMB akan berasa lebih terjamin, bukan kerana ada alternatif sumber pinjaman wang, tetapi juga kerana mereka telah berurusan dengan sebuah agensi yang sah di sisi undang-undang.

Para pelanggan juga dijamin bahawa barang kemas yang disimpan adalah selamat di KSMB.

Kelebihan Skim Ar-Rahnu

- Cara mudah mendapat wang tunai segera dengan pemeriksaan kredit yang minimum
- Kadar simpanan selamat terendah iaitu RM1.00 sebulan bagi emas bernilai kurang dari RM510 di pasaran dan RM1.50 sebulan bagi emas bernilai lebih daripada RM510.
- Barang kemas disimpan dengan selamat

Untuk melayakkan pelanggan berurusan dengan Skim Ar-Rahnu di KSMB, mereka perlu merupakan warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas, merupakan anggota KSMB atau Skim Ar-Rahnu.

Sarawak Teruskan Fokus Pembangunan Luar Bandar

Pelaksanaan beberapa projek pembangunan luar di Sarawak akan terus menjadi fokus utama kerajaan selaras dengan lima teras utama yang digariskan dalam Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kata Timbalan Ketua Menteri, YB Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu

Katanya lima teras utama seperti yang pernah diumumkan Perdana Menteri, ialah meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara, meningkatkan keupayaan dan inovasi negara, serta mumpuk minda kelas pertama, menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi, meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup dan mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara.

Beliau yang berkata demikian sewaktu ucapan pengulungan Persidangan Pertama Bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-16 (24 Julai hingga 2 Ogos 2006) turut menekankan lima teras utama tersebut akan diperluaskan dengan enam (6) strategi yang digariskan oleh

kerajaan negeri.

Enam (6) strategi berikut ialah pembangunan sumber manusia, mempercepatkan pembangunan luar bandar, menggunakan sepenuhnya sumber tenaga sedia ada, menggalakkan penglibatan sektor swasta, meningkatkan kualiti hidup dan memperbaiki sistem dan jentera pengagihan.

Sarawak menurut beliau yang telah pun memasuki "gelombang pembangunan kedua" haruslah bersedia dengan segala ilmu pengetahuan, komited, proaktif dan berinovasi.

Jelasnya teras pembangunan yang diperlu ditekan bagi kerajaan negeri adalah terhadap usaha mengurus ekonomi dengan baik, mengenalpasti sumber baru dalam sektor pertanian, perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia.

Menurutnya lagi, kerajaan akan terus meningkatkan serta mempergiatkan aktiviti dan program ekonomi khususnya industri kecil dan sederhana bagi meningkatkan status sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

dari mukasurat 9

Program Untuk Masyarakat Luar Bandar

Pusat Latihan KEMAS manakala sebanyak RM2.70 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek pembangunan utama KKLW terutama program pengupayaan Gerakan Daya Wawasan (GDW), ICT Desa dan Program Tambahan Makanan Seimbang.

Dari aspek pendidikan pra-sekolah pula, menurutnya taman bimbingan kanak-kanak (Tabika) KEMAS yang merupakan program utama KEMAS untuk tahun 2006, di Sarawak sebanyak 722 kelas Tanika dengan bilangan kanak-kanak seramai 16,903 orang dengan dibawah kendalian 683 pemaaju masyarakat yang

terlatih dan 99 pembantu pemaaju masyarakat.

Seiring dengan meningkat bilangan kelas tabika itu, pihak KEMAS telah mengambil beberapa langkah perlu untuk menambah bilangan pemaaju masyarakat yang bakal mengendalikan kelas tersebut, antaranya KEMAS telah menyerap pemaaju-pemaaju masyarakat ini ke Institusi Perguruan Malaysia bagi mengikuti pengajian Kursus Diploma Perguruan.

Mengenai Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), setakat ini terdapat 31 kelas TASKA di seluruh Sarawak dengan seramai bilangan kanak-kanak seramai 385 orang.

Projek Bekalan Air Wilayah Sedia Bekalan Air Bersih Luar Bandar

SOROTAN
BERITA/NEWS

Daerah Bau, Lundu dan Sematan semakin pesat membangun hasil daripada peningkatan pelbagai kemudahan awam serta kegiatan ekonomi di situ.

Ditambah pula dengan penyiapan Jambatan Kayan yang sekian lama ditunggu-tunggu masyarakat pada pertengahan tahun 2006 telah menjadikan perjalanan ke Lundu dan Sematan lebih selesa.

Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti ekonomi dan populasi di situ telah membawa kepada peningkatan keperluan bagi bekalan air bersih.

Sehubungan itu, pelaksanaan beberapa pakej projek bekalan air di wilayah Bau/Lundu/Sematan telah dapat menangani masalah itu. Antaranya ialah :

- pembinaan struktur air *interim pumping man* sepanjang enam kilometer dari loji air Bau ke Kampung Sebuluh yang siap pada 2003
- pembinaan bekalan air Kampung Barieng, Kampung Segong yang melibatkan pembinaan saluran paip sepanjang 23.7km,

Semasa kegawatan ekonomi 1997, pergerakan koperasi masih mampu menunjukkan pertumbuhan positif kecuali sedikit penurunan bagi jumlah keanggotaan koperasi pada tahun 1999.

juga bertujuan menawarkan perkhidmatan dan barangan dengan harga yang berpatutan. Perkhidmatan yang ditawarkan hendaklah berkualiti dan menjadi alternatif yang lebih baik kepada masyarakat.

Koperasi dikawal, ditadbir dan diuruskan oleh anggotanya sendiri sebagai pemilik dan pelanggan. Keunikan ini memudahkan koperasi menjalankan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan taraf pendapatan atau mengurangkan kos sara hidup anggotanya.

Pada masa yang sama koperasi akan mempunyai jaminan pasaran di kalangan anggotanya bagi aktiviti atau projek yang dijalankan. Kerjasama aktif di kalangan koperasi menjadi faktor utama dalam usaha koperasi mengurangkan kos. Menerusi kerjasama ini, koperasi berupaya bersaing dengan entiti perniagaan lain.

Prinsip-prinsip Koperasi

Gerakan koperasi bergerak berlandaskan tujuh (7) prinsip yang telah dipersetujui dalam ICA dan diterima pakai oleh koperasi-koperasi

di seluruh dunia iaitu :

- ❖ Keanggotaan sukarela dan terbuka
- ❖ Kawalan demokratik oleh anggota
- ❖ Penglibatan ekonomi anggota
- ❖ Autonomi dan kebebasan
- ❖ Pendidikan, latihan dan maklumat
- ❖ Kerjasama antara koperasi
- ❖ Prihatin terhadap masyarakat

Perundangan Koperasi

Akta Koperasi 1993 (Akta 502) telah memansuhkan perundangan-perundangan lain yang mengawal perjalanan koperasi sebelum ini. Akta ini mengandungi peruntukan bagi penubuhan, pendaftaran, pengawalan dan pengawalseliaan koperasi-koperasi dan telah digubal untuk menggalakkan perkembangan koperasi-koperasi. Koperasi-koperasi juga tertakluk kepada Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Pekeliling-pekeliling Ketua Pendaftar yang dikeluarkan dari semasa ke semasa selain daripada Undang-undang Kecil koperasi sendiri.

Jenis dan Fungsi Koperasi

Kewangan

Koperasi fungsi kewangan dan bank telah mempelopori perkembangan gerakan koperasi dalam sejak tahun 20an. Koperasi fungsi ini menjalankan aktiviti kewangan iaitu menyediakan pinjaman

kedai buku, kedai dobi dan kelas komputer.

Pengangkutan

Sebahagian besar koperasi fungsi pengangkutan adalah terdiri daripada koperasi di rancangan pembangunan tanah seperti FELDA, RISDA dan FELCRA yang menjalankan aktiviti mengangkut hasil pertanian ke kilang pemrosesan. Selain daripada koperasi peserta rancangan, koperasi lain yang menjalankan fungsi pengangkutan adalah seperti koperasi pengusaha teksi, pengusaha bas dan lori.

Perladangan

Koperasi yang didaftarkan di bawah fungsi perladangan menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan tanah pertanian. Antara tanaman utama yang diusahakan oleh koperasi jenis ini ialah getah, kelapa sawit, nanas, koko dan sayuran.

Perindustrian

Sebahagian besar koperasi fungsi perindustrian adalah terdiri daripada koperasi yang menjalankan kegiatan industri kecil yang lebih dikenali sebagai Koperasi Industri Kampong (KIK). KIK ditubuhkan bertujuan mengumpulkan sumber-sumber untuk keluar, memasar dan menghasilkan kraftangan seperti barangan anyaman, tembikar, perak dan perabot.



kepada anggota pada kadar faedah yang berpatutan. Aktiviti lain di bawah fungsi ini ialah pajak gadai Ar-Rahnu, pelaburan dan perkhidmatan insuran. Anggota-anggotanya adalah terdiri daripada mereka yang bergaji tetap terutamanya di sektor awam, badan berkanun dan swasta.

Pada masa ini 2 buah koperasi yang khusus menjalankan fungsi perbankan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Persatuan Malaysia Berhad.

Perumahan

Tumpuan koperasi jenis ini ialah menjalankan projek-projek perumahan untuk anggotanya. Kebanyakan projek tertumpu kepada rumah kos rendah dan sederhana. Harga jualan rumah-rumah adalah dalam lingkungan keupayaan anggota dan pada umumnya sekitar 20% hingga 30% lebih rendah daripada harga lazim di pasaran.

Pengguna

Tujuan utama koperasi fungsi pengguna adalah untuk membantu anggota mereka mendapatkan barangan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi pengguna adalah seperti pasar mini, pasaraya, kedai runcit, stesen minyak, kedai alatan rumah dan lain-lain.

Koperasi fungsi pengguna diperingkat sekolah pula diperkenalkan dengan tujuan untuk menanam sifat berjimat-cermat dan membangunkan kemahiran keusahawanan dikalangan pelajar. Antara utama yang dijalankan ialah mengusahakan kantin sekolah,

Sejarah Gerakan Koperasi di Sarawak

Pengenalan kepada Gerakan Koperasi di Sarawak bermula sejak tahun 1939 lagi yang mana pada 1 Disember 1939, Ordinan Koperasi 1939 telah diperkenalkan dan seterusnya digantikan oleh Ordinan Koperasi 1949 yang dikuat-

kuasakan pada 3 Januari 1949. Pada akhir tahun 1949 sebanyak 24 koperasi telah didaftarkan, lapan (8) di daerah Kuching, enam (6) di daerah Saribas, sembilan (9) di daerah Oya-Dalat dan satu (1) di Sekolah Luar Bandar Kanowit dan beberapa lagi sedang dalam

proses penubuhan. Koperasi yang pertama didaftarkan di Sarawak ialah Kampong Kekan Co-operatives Sago Milling Society Limited yang bernombor pendaftaran 1/49. Ianya didaftarkan pada 3 Mac 1949 di daerah Dalat.

Latar Belakang JPK Sarawak

Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) di Sarawak diwujudkan pada 1 Januari 1949 dengan nama asal dalam Bahasa Inggeris 'Cooperatives Societies Department' tetapi pada tahun 1950 nama asalnya telah ditukar kepada 'Cooperative Development Department'. Ketua JPK Sarawak ketika itu diberi gelaran 'Commissioner Cooperatives Development' dan beliau juga berfungsi sebagai Pendaftar Koperasi Sarawak.

Apabila Sarawak mencapai kemerdekaan melalui penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, JPK Sarawak telah dijadikan Perkara Persekutuan

dan beroperasi sebagai salah satu cawangan negeri JPK Malaysia. JPK Malaysia diletak di bawah Kementerian Pertanian Dan Koperasi dan kemudian di bawah Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar. Selepas Pilihanraya Umum pada 21 Oktober 1990, JPK Malaysia diletak di bawah Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi. Kini JPK Malaysia telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi selepas Pilihan Raya Umum Ke 11 pada 21 Mac 2004 yang lalu.

Sejak di bawah Ketua Pendaftar/Pengarah JPK Malaysia, beberapa perubahan telah

dilaksanakan berhubung dengan Misi, Objektif, Strategi, Program dan Etika Kerja JPK Malaysia. Ordinan Koperasi Sarawak 1949 dan (Rules 1949) telah digantikan dengan Akta Koperasi 1993 berkuatkuasa 22 Januari 1994 dan Peraturan- Peraturan Koperasi 1995 berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995. Dengan itu, undang-undang koperasi telah diseragamkan seluruh Malaysia. Bagi mempertingkatkan lagi daya saing gerakan koperasi di era globalisasi dan teknologi maklumat pada hari ini, JPK Malaysia telah memperkenalkan Dasar Koperasi Negara (2002 hingga 2010).

tahukah Anda?



Koperasi yang pertama didaftarkan adalah Koperasi Kredit Syarikat Bekerjasama Jimat Cermat Dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos Dan Telekom Berhad iaitu pada 21 Julai 1922.

Ketika ini ianya dinamakan Koperasi Kakitangan Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS). Manakala di kawasan luar bandar, Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama Dengan Tanggungan Berhad,

Parit Buntar Krian, Perak didaftarkan pada 3 Disember 1923.

Gerakan Koperasi di Sarawak bermula pada 3 Mei 1949 manakala di Sabah ianya diperkenalkan mulai tahun 1959.

Pada asalnya Undang-undang Koperasi yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak adalah Ordinan Koperasi 1949 (Cap. 66 of The Laws of Sarawak) dan Ordinan Koperasi Sabah No. 3/1958 dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, sehingga Akta Koperasi 1993 (Act 502) dikuatkuasakan.

Statistik* Keseluruhan Koperasi Di Sarawak:

BUTIRAN	JUMLAH
Bilangan Koperasi	456
Bilangan Anggota	264,430
Syer	RM 28.6 Juta
Rizab Berkanun	RM 22.8 Juta
Rizab Lain	RM 12.9 Juta
Jualan Barangniaga	RM 30.1 Juta
Jualan Hasil Tani	RM 2.3 Juta
Pinjaman Kepada Anggota	RM 97.3 Juta
Wang Simpanan Anggota (Modal Syer)	RM 84.3 Juta
Aset	RM 235.4 Juta

Statistik* Koperasi Sekolah Di Sarawak:

BUTIRAN	JUMLAH
Bilangan Koperasi	153
Bilangan Anggota	153,640
SyerRM	780,250
Rizab Berkanun	RM 2.6 Juta
Rizab Lain	RM 855,000
Jualan Barangniaga	RM 12.5 Juta
Wang Simpanan Anggota (Modal Syer)	RM 331,500
Lebih Bersih	RM 2.6 Juta
Aset	RM 14.8 Juta

Statistik* Koperasi Wanita Di Sarawak:

BUTIRAN	JUMLAH
Bilangan Koperasi	7
Bilangan Anggota	2,715
Syer / Yuran	RM 301,620
Aset	RM 1.09 Juta



* Statistik Pada 31 Disember 2005

Orang Ramai Perlu Dididik Dengan Pembangunan Mapan

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) yang diberi peranan sebagai agensi utama untuk mempromosikan dekad itu ke seluruh dunia amat memerlukan sokongan daripada semua kerajaan di dunia.

Apa yang Diharapkan dalam Pembangunan Mapan?

Pembangunan mapan merupakan hasrat untuk meningkatkan kualiti hidup semua orang dalam aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar, tetapi tidak mengabaikan keperluan generasi pada masa akan datang.

Ini kerana sumber yang ada pada hari ini perlu digunakan dengan sebaik mungkin agar ia dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Tetapi umum menyedari bahawa aspek meningkatkan kualiti hidup mungkin berbeza-beza antara

negara dan wilayah.

Sehubungan itu tidak ada mana-mana negara, wilayah, kerajaan, institusi mahupun individu dapat menjayakannya seorang diri kerana cabaran terpenting untuk mencapai pembangunan mapan memerlukan kerjasama global, kolektif dan komitmen setiap individu.

Pendidikan dalam Pembangunan Mapan

Sepanjang "Dekad Untuk Pendidikan Pembangunan Mapan PBB", pendidikan akan dijadikan instrumen utama bagi mempromosikan pembangunan mapan.

"Pendidikan – sebarang bentuk dan pada semua peringkat – bukan sahaja terhad kepada dirinya tetapi

Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Disember 2002, melalui Resolusi 57/254, telah menetapkan bahawa tempoh selama 10 tahun bermula pada tahun 2005 sehingga 2014 diisytiharkan sebagai "Dekad Untuk Pendidikan Pembangunan Mapan PBB" (UN DESD).

merupakan instrumen terpenting bagi membawa perubahan untuk mencapai pembangunan mapan." (Koichiro Matsuura, Director-General UNESCO).

dan pemahaman orang ramai tentang pembangunan mapan, ESD juga mengharapkan agar orang ramai dapat mengubah sikap, tingkah laku dan tindakan dalam kehidupan seharian yang boleh menjejaskan kepentingan generasi akan datang dan pada masa yang sama mampu menikmati hasil pembangunan.

Kerajaan Malaysia di dalam Bajet 2006 telah menekankan betapa pentingnya usaha meningkatkan kualiti alam sekitar. Sebanyak 1.9 bilion ringgit telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek pemuliharaan alam sekitar.

Peruntukan itu sematamata bagi memastikan bahawa pembangunan fizikal negara akan diseimbangkan dengan pemeliharaan alam sekitar demi memastikan pembangunan mapan dapat dipertahankan.

Peruntukan yang tinggi serta pelbagai program yang sedang dan akan dilaksanakan, termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan disaingi dengan usaha memberi pendidikan pembangunan mapan yang sewajarnya kepada segenap lapisan masyarakat.

Hanya dengan usaha itu, orang ramai akan lebih memahami dan seterusnya turut sama memainkan peranan masing-masing untuk mencapai aspirasi manusia di seluruh dunia itu.



Pembangunan mapan turut menekankan aspek penghijauan alam sekitar



Pewujudan taman-taman negara merupakan antara langkah pemeliharaan yang paling berkesan

Aktiviti pemusnahan alam sekitar akan memberi kesan kepada generasi akan datang

Sehubungan itu, semua negara di dunia perlu turut sama memainkan peranan bagi menjayakan harapan dalam dekad itu dengan mengintegrasikan strategi pendidikan kebangsaan dengan Pendidikan Pembangunan Mapan (ESD) serta pelan tindakan yang berkaitan.

Bagi mencapai usaha berkenaan, semua kerajaan perlu memfokuskan kepada :

- ✿ mempromosi serta meningkatkan kualiti pendidikan
- ✿ melihat kembali hala tuju program pendidikan
- ✿ meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang awam
- ✿ menyediakan latihan praktikal

Selain daripada memberi kesedaran

Kita Sedang Menafikan Sumber Bagi Generasi Masa Hadapan?

Di Malaysia, purata penggunaan air bagi seorang individu adalah antara 285 hingga ke 500 liter sehari berbanding dengan standard penggunaan air yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu hanya 160 liter sehari.

Penjana kuasa elektrik daripada tenaga nuklear pula telah berlaku sejak tahun 1954. Pada

tahun 2005 terdapat 441 loji kuasa nuklear di 31 buah negara di dunia dengan jumlah keupayaan penjana sebenar sebanyak 381 ribu megawatt elektrik.

Keseluruhan loji nuklear itu menyumbang kepada 70 peratus daripada jumlah penjana kuasa elektrik di seluruh dunia berbanding dengan 39% bagi arang batu, 19% bagi kuasa hidro, 17% bagi gas asli

dan 8% bagi minyak. Kos penjana kuasa nuklear juga hanya kira-kira 25% berbanding dengan harga kos penjana tenaga oleh arang batu atau gas.

Di Malaysia, kita menjana kira-kira 20 ribu megawatt elektrik yang mana gas asli menyumbang sebanyak 72%, arang batu 17%, hidro 7%, minyak 3% dan 1% bagi sumber tenaga lain termasuk tenaga suria.

Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia mempunyai pelbagai program jangka pendek dan jangka panjang bagi menggalak kesedaran dan pendidikan di negara ini.



Tugas menjaga alam sekitar tanggungjawab semua pihak

Antaranya ialah Program Sekolah Lestari, Program Bandar Lestari, Kem Kesedaran Alam Sekitar, Projek Riadah Alam Sekitar, Projek Wira Alam, sambutan Minggu Alam Sekitar, Anugerah Langkawi, pertandingan debat di antara institusi pengajian tinggi dan kempen media seperti Kuiz Kesedaran Alam Sekitar dan lain-lain yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Pengaliran dan Saliran pula mempunyai Kempen Cintai Sungai.

Setiap program sudah tentu melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak. Antaranya, Program Sekolah Lestari iaitu Anugerah Alam Sekitar yang bertujuan membantu sekolah memperkukuh proses pelaksanaan pendidikan

alam sekitar. Ia menerapkan elemen pendidikan alam sekitar di kalangan guru dan pelajar secara langsung dan komuniti setempat secara tidak langsung dengan mengintegrasikan



Orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang pembangunan mapan dari pelbagai sumber termasuk pusat-pusat penerangan dan muzium

pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar dalam kurikulum dan kokurikulum.

Ia bermakna Sekolah Lestari berkonsepkan pendekatan menyeluruh

yang melibatkan semua warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan seterusnya menjadikan Sekolah Lestari sebagai payung kepada aktiviti-aktiviti alam sekitar yang dilaksanakan di sekolah.

Di Sarawak, pelbagai agensi seperti Kementerian Alam Sekitar dan Kemudahan Awam (KASKA) melalui Majlis Tempatan, Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS),

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak serta Sarawak Forestry Corporation (SFC) turut mempunyai program berkaitan alam sekitarnya masing-masing. Namun, matlamatnya tetap satu iaitu untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan orang ramai khususnya generasi muda turut memainkan peranan dalam penjagaan alam sekitar.

Bajet Alam Sekitar



Dalam Bajet 2006, sejumlah RM1.9 billion diperuntukkan untuk melaksanakan projek pemuliharaan alam sekitar. Daripada jumlah itu, sebanyak RM40 juta untuk memelihara pantai daripada hakisan teruk, RM370 juta untuk perparitan dan tebatan banjir di seluruh negara dan RM114 juta untuk memperbaiki sungai dan kualiti sungai.

RM991 juta ringgit pula disediakan bagi pembetulan loji pembersihan dan pembinaan pembersihan baru manakala RM363 juta untuk program pengurusan sisa pepejal pula.

Bajet yang secukupnya juga telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi tujuan penguatkuasaan serta langkah pencegahan dan rawatan alam sekitar.

Antaranya adalah peruntukan berjumlah RM510 juta untuk membersihkan, memelihara dan mengindahkan sungai, RM350 juta untuk pengurusan pantai, RM200 juta untuk penanaman semula hutan dan RM70 juta untuk pengurusan hidupan liar dan kawasan dilindungi.




Sekitar Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2006



Pendaftaran peserta Seminar Hari Perkhidmatan Awam 2006

Bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh – di sebelah kiri, Setiausaha Persekutuan Sarawak, Tuan Haji Ngah Senik dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Haji Abdul Aziz Bin Dato Haji Husain

Pembentangan kertas kerja oleh Encik Shebli Hairani, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu



Para ketua jabatan turut serta dalam bacaan ikrar

Para peserta memberi perhatian kepada tajuk yang sedang dibincangkan

Nyanyian lagu 'Berbakti Berjasa' oleh kumpulan koir mengamatkan suasana dalam dewan

Bintulu telah dipilih menjadi tuan rumah kepada sambutan Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2006 ini. Sambutan Hari Perkhidmatan Awam tersebut telah diadakan pada 13 hingga 15 Ogos 2006 dengan tema kali ini, "Effective Service Delivery and Financial Prudence in the Civil Service".

Pelbagai aktiviti telah dikelolakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Salah satu dari aktiviti-aktiviti tersebut ialah gotong royong MAKSAK.

Aktiviti ini telah dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Kecil Gotong Royong yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar BDA, Tuan Haji Mohidin Bin Haji Ishak.

Objektif gotong royong ini diadakan ialah untuk memupuk silaturahmi dan perpaduan di antara pegawai serta kakitangan kerajaan dan penduduk di kampung tersebut selain dari menyemai sikap bertanggungjawab terhadap kebersihan kawasan, kekemasan tempat dan kemersaan sosial di kalangan peserta. Gotong royong ini juga bertujuan memenuhi peranan BDA sebagai pihak berkuasa tempatan dalam merealisasikan visi dan misi BDA ke arah



Kebersihan mampu mewujudkan kesejahteraan dan menghindarkan daripada sebarang penyakit.

Gotong-royong MAKSAK Sempena Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sarawak 2006 di Bintulu

Oleh Encik Suhaili Bin Mod (BDA)

bandaraya industri yang mesra menjelang 2020.

Gotong royong MAKSAK ini telah diadakan pada 13 Ogos 2006 jam 2.00 petang di Kampung Penan Muslim, Batu 10, Jalan Bintulu-Miri, Bintulu dan merupakan kali kedua diadakan untuk MAKSAK.

Seramai 200 orang (termasuk penduduk setempat) telah menyertai gotong royong ini terdiri daripada pegawai serta kakitangan jabatan kerajaan negeri dan persekutuan seperti berikut :

1. Pejabat Residen dan Daerah Bintulu,
2. Jabatan Kerja Raya,
3. Jabatan Hutan,
4. Jabatan Pertanian,
5. Jabatan Perbendaharaan Negeri,
6. Jabatan Kebajikan Masyarakat,
7. Pejabat Pembangunan Sosial dan Urbanisasi,
8. Jabatan Agama Islam Sarawak,
9. Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak,
10. Jabatan Tanah dan Survei,
11. Jabatan Pengairan dan Saliran,
12. Lembaga Kemajuan Bintulu,
13. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak,
14. Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar,
15. Jabatan Kastam & Eksais Di Raja Malaysia,
16. Jabatan Perikanan,
17. Jabatan Penerbangan Awam,
18. Polis DiRaja Malaysia,
19. Jabatan Laut Sarawak,
20. Jabatan Alam Sekitar,
21. Jabatan Perangkaan,

22. Jabatan Tenaga Kerja,
23. Jabatan Kaji Cuaca,
24. Jabatan Kesihatan,
25. Jabatan Imigresen,
26. Jabatan Bomba & Penyelamat,
27. Jabatan Pelajaran Gabungan,
28. Jabatan Pengangkutan Jalan,
29. Jabatan Belia dan Sukan,
30. Jabatan Akauntan Negara,
31. Jabatan Penerangan Malaysia,
32. Badan Pencegah Rasuah,
33. Jabatan Kimia,
34. Jabatan Pendaftaran Negara,
35. Kementerian Perdagangan & Hal Ehwal Pengguna,
36. RELA

Majlis pelancaran gotong royong tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, YBhg. Datu Wilson Baya Dandot.

Dalam ucapan pelancaran tersebut, YBhg. Datu Wilson menyeru pegawai serta kakitangan kerajaan memainkan peranan aktif untuk menjaga kepentingan umum dan sentiasa mendekati rakyat khususnya di kawasan luar bandar. Anggota perkhidmatan awam memainkan peranan sebagai pemangkin rancangan kerajaan dan mata serta telinga kerajaan dalam usaha ke arah penyelesaian permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Bukan itu sahaja, mereka seharusnya juga berinteraksi sosial dengan masyarakat untuk memperkukuhkan silaturahmi agar satu jaringan komunikasi yang baik antara pihak kerajaan dengan rakyat dapat diwujudkan.

Sebelum itu, wakil Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Encik Sairi Bin Naim turut berucap serta mengalu-alukan kedatangan para peserta khususnya tetamu kehormat.

Dalam ucapan beliau, BDA sentiasa mengadakan program seperti ini khususnya untuk mempromosikan konsep 4K iaitu kesihatan, kebersihan, keindahan dan keselamatan di mana BDA telah mengadakannya di kawasan luar bandar seperti Rumah.Bana, Selezu, Sebauh dan Rumahh. Robin Ro, Sungai Enteban, Labang sebelum ini. Aktiviti seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Kampung Penan Muslim dipilih sebagai tempat gotong-royong kali ini atas permintaan daripada JKKK kampung tersebut dan aktiviti ini dibuat sebagai acara simbolik pada sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2006 kali ini.



Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datu Wilson Baya Dandot turut serta mengedat Dewan Masyarakat di kampung tersebut.



"Berat sama dipikul ringan sama dijinjing" – begitulah indahnya semangat bergotong-royong

Sekitar Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2006

Majlis Makan Malam anjuran
Lembaga Kemajuan Bintulu

Setiasaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Haji Abdul Aziz
Bin Dato Haji Husain ditemuramah di dalam studio mini
Radio Televisyen Malaysia (RTM) di tapak Hari Bersama
Pelanggan bertempat di Dewan Suarah Bintulu

Pemeriksaan darah secara percuma
menarik perhatian pengunjung

Setiasaha Kerajaan Negeri bersalaman dengan
pasukan bola sepak dari Jabatan Kerajaan Persekutuan
sebelum perlawanan persahabatan dimulakan

Perlawanan sengit di padang

Pertandingan kuiz Hari
Perkhidmatan Awam dan teka
bilang bola dalam balang
(belakang) mencabar minda para
pelanggan yang datang

Informasi yang dipamerkan banyak memberi
manfaat kepada para pengunjung

Penyampaian cenderamata, dari Setiasaha
Kerajaan Negeri kepada wakil pasukan
Kerajaan Persekutuan.

Majlis Penyampaian Pingat Perkhidmatan Setia oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib
Mahmud, Ketua Menteri menjadi acara kemuncak sambutan tahun ini

Pertandingan melukis dan mewarna bagi pelajar sekolah
sekitar Bandar Bintulu turut diadakan

Pertanian Adalah Perniagaan

Adakah sektor pertanian bukan suatu perniagaan yang menguntungkan pada hari ini? Dahulu mungkin benar pendapat yang mengatakan bahawa sektor pertanian merupakan aktiviti yang sukar memberikan pulangan lumayan serta kemewahan kepada pengusahanya.

Mungkin kerana pada ketika itu ramai yang mengusahakannya sekadar bagi menyara diri ataupun untuk keperluan keluarga.

Namun, perubahan teknologi dan keadaan semasa telah menjadikan sektor pertanian pada hari ini bagaikan 'lubok emas' bagi mereka yang menjadikannya satu perniagaan.

Di kawasan Muara Tuang Samarahan, kepelbagaian rojek pertanian yang diusahakan di situ telah memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 warga tani. Berdasarkan kajian bagi kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Samarahan yang dijalankan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 2004, secara purata pendapatan petani telah meningkat dari RM350 pada tahun 1982 kepada RM1,000 pada tahun 2004.

Jelas bahawa pertanian bukan sahaja mampu membawa keuntungan, bahkan kemewahan kepada pengusaha yang menjadikannya sebagai perniagaan.

Sehubungan itu, tema 'Pertanian Adalah Perniagaan' sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) Peringkat Negeri pada tahun ini sungguh bersesuaian dengan situasi pertanian semasa. Pada tahun lalu ia bertemakan 'Pertanian Suatu Perniagaan'.

Tema itu dipilih dengan tujuan agar industri pertanian dan industri asas tani akan dianggap sebagai satu kerjaya yang menjamin masa depan serta memberi keuntungan yang lumayan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat pertanian yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Lubok Emas dalam Sektor Pertanian

Pada tahun lalu, sebanyak 8.2 peratus sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara disumbangkan oleh sektor pertanian.

Sementara itu nilai ditambah bagi sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian adalah sebanyak RM38.5 bilion.

Pada masa yang sama, pendapatan eksport bagi industri berasaskan pertanian mencapai RM37.4 bilion.

Kerana potensi itu, kerajaan telah

potensi yang amat baik untuk pasaran tempatan dan eksport.

Sepanjang lima tahun lalu, sejumlah 535 projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah dilaksanakan oleh agensi penyelidikan pertanian.

Namun, hanya 90 telah dikomersilkan manakala 30 lagi dalam

pembangunan manusia dalam RMK9.

Menerusi Pertubuhan Peladang, kerajaan negeri mensasar untuk melahirkan sekurang-kurangnya 150 usahawan tani serta melaksanakan 30 projek di bawah sistem pertanian berkelompok.

Program baru yang dinamakan Pembangunan Usahawan Tani di bawah Jabatan Pertanian juga akan dilaksanakan. Ia bertujuan melahirkan usahawan dalam industri tanaman, ternakan dan perikanan.

Program pengembangan yang memberi pendedahan cara penggunaan teknologi pertanian cara baru dan juga selok belok cara berniaga akan terus diperkasa.

Dengan segala kemudahan yang telah disediakan, sektor pertanian negeri dan negara keseluruhannya, sebenarnya telah menyediakan ruang bagi sumber kekayaan yang tidak ternilai kepada mereka yang berani mencubanya dan mampu melihat pertanian adalah perniagaan yang amat menguntungkan.

Perniagaan Pertanian yang Menguntungkan

Ketika ini, konsep serta strategi yang lazim digunakan dalam perniagaan telah sebatik dalam ke dalam sektor pertanian. Konsep pengurusan berkesan, pemasaran, pembungkusan, penjenamaan, pinjaman kewangan serta skim akreditasi dan piawai bukan lagi perkara asing bagi seorang petani moden.

Umpamanya, ramai petani dan pengusaha berusaha mendapatkan skim akreditasi ladang dan piawai keluaran yang mematuhi piawai keselamatan makanan negara dan antarabangsa kerana ia merupakan tiket asas untuk meluaskan pasaran dan mendapatkan keyakinan pengguna terhadap produk mereka.

Pembungkusan dan penjenamaan pula amat perlu bagi menarik perhatian pembeli mendapatkan barangan mereka.

Kaedah perdagangan elektronik melalui portal 'FAMAXchange' dan



Konsep ladang integrasi mampu memberi pulangan tambahan di samping mengurangkan kos pengawalan rumput di ladang



Ayam daging kacukan mendapat permintaan yang amat tinggi di pasaran



Tanaman sayur dalam jarring (kelambu) mampu menjimatkan kos penjagaan dan menghasilkan produk yang berkualiti

memperuntukkan sejumlah RM11.4 bilion dalam RMK9, iaitu 70 peratus lebih tinggi daripada peruntukan dalam RMK8 dan menjangkakan sejumlah 128,000 pekerjaan baru secara langsung dapat diwujudkan dalam sektor ini dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Ketika ini, kira-kira 816,813 individu atau 7.2 peratus daripada jumlah tenaga buruh negara terlibat dalam sektor pertanian.

Malahan, kerajaan telah mengenalpasti beberapa sumber pertumbuhan baru seperti ikan hiasan, rumpai laut, tuna dan florikultur (industri nurseri), landskap serta herba untuk diberi perhatian khusus kerana

proses pengkomersilan (Sumber: Usul mengenai RMK9).

Umpamanya, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menghasilkan 44 produk makanan dan 200 teknologi pemrosesan bagi membantu aktiviti enterpris kecil dan sederhana (EKS) di negara ini mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan pasaran semasa.

Bayangkan jika semua hasil R&D negara dieksploitasi sepenuhnya, sudah tentu ia mampu menjimatkan banyak kos, menjimatkan proses dan mendapat pasaran lebih luas.

Kerajaan negeri pula akan memberi penekanan kepada aspek

'Agribazaar', di samping 'Ikan Online', 'SIRIP' dan 'Padi Net' pula telah membuka peluang pemasaran yang lebih besar kerana ia menjadi tumpuan para pemborong, pasar raya, hotel dan tempat peranginan mendapatkan produk pertanian yang berkualiti dan kompetitif dari segi harga serta tawaran lain.

Sehubungan itu, kira-kira 170 buah kemudahan Medan Info Desa (MID) yang sedang dilaksanakan dan masih giat diperluas oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) ke kawasan luar bandar seluruh negara sudah tentu akan meningkatkan akses penduduk luar bandar kepada portal yang disebutkan.

Di Sarawak pula, kira-kira 28 buah Pertubuhan Peladang akan dilengkapi kemudahan internet khas bagi kegunaan ahli-ahlinya.

Bagi petani yang terlibat dengan hasil komoditi yang selalunya dijual secara pukal seperti getah, lada dan koko, masa yang paling sesuai untuk menjualnya kepada pemborong atau pembeli juga memainkan peranan penting.

Sepertimana kegiatan jual beli saham berlangsung, para petani di luar bandar juga semakin menyedari peri pentingnya masa yang sesuai untuk menjual komoditi atau hasil pertanian mereka. Masa yang dianggap sesuai ialah ketika harganya meningkat disebabkan permintaan yang tinggi.

Harga pasaran getah umpamanya diramal akan terus meningkat kerana peningkatan dari segi kos bagi pembuatan barangan plastik tiruan daripada hasil petroleum. Pihak industri kini lebih berminat menggunakan getah tulen untuk menghasilkan produk mereka kerana harganya yang jauh lebih kompetitif.

Kesannya telah membawa kepada pembukaan ladang dan penanaman semula pokok-pokok getah. Ramai petani yang mengusahakan tanaman komoditi lain seperti koko dan lada juga mula beralih arah kepada tanaman getah.

Sehubungan itu, peranan daripada sektor swasta amat diperlukan bagi mempercepat perkembangan yang sedang berlaku dalam sektor pertanian negara.

Selain contoh tanaman getah di atas, pengenalan dan penekanan kerajaan kepada konsep 'agropolis' bagi memudahkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan pertanian umpamanya harus disambut segera.

'Agropolis' merupakan satu usaha untuk menggalakkan sektor swasta melabur dalam kegiatan pertanian komersil dan perusahaan makanan di negeri ini oleh sektor swasta.

Jika sektor swasta mampu mengambil peranan lebih besar dalam sektor pertanian negara, sudah tentu taraf kehidupan masyarakat kita di luar bandar juga akan dapat dikeluarkan daripada arus kemiskinan selaras dengan misi nasional.

Pendapat lama yang mengatakan sektor pertanian kurang penting dan tidak mampu memberi kekayaan juga lambat laun akan terhakis daripada minda masyarakat kita kerana sektor pertanian juga sebenarnya telah melalui proses pemodenan dan pembangunan yang amat pesat.



Buah-buahan bermusim sentiasa mendapat permintaan tinggi di kalangan penduduk tempatan



Produk hiliran daripada kegiatan pertanian memberi pendapatan tambahan kepada petani dan menyediakan peluang perniagaan kepada pengusaha



Kenaiakan harga minyak di pasaran dunia menyebabkan harga getah melambung tinggi. Semakin ramai penduduk di luar bandar menoreh getah sebagai pendapatan tambahan keluarga



Kegiatan perladangan menyediakan banyak peluang pekerjaan serta memberi pulangan dalam bentuk dividen kepada tuan punya tanah



Salah satu jenis cili berkualiti tinggi (Bangi A1) yang berjaya dihasilkan oleh MARDI melalui program penyelidikan dan pembangunan



Tema Hari Peladang Penternak dan Nelayan pada tahun ini turut menekankan revolusi yang dibawa oleh sektor pertanian bahawa ia bukan sektor yang hanya untuk masyarakat luar bandar

Berbakti Kepada Tanah

Bukan mudah untuk berbakti kepada tanah. Ada yang mempunyai tanah tetapi kurang minat untuk mengusahakannya kerana mempunyai modal yang mencukupi.

Ada juga yang berminat tetapi tidak mempunyai tanah, modal atau tidak tahu di mana untuk mendapatkan ilmu serta khidmat nasihat untuk memulakan usahanya.

Malah, ada pengusaha yang berminat tetapi tanahnya pula didapati tidak sesuai dan ada juga tanah yang sesuai tetapi tidak mempunyai pemilik yang berminat dengan sesuatu jenis tanaman.

Sesungguhnya, itulah senario dalam sektor pertanian yang perlu dihadapi oleh kakitangan Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan pembangunan tanah seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dalam usaha mereka menggalakkan masyarakat berbakti kepada tanah.

Cabaran itu perlu dipikul selaras dengan usaha kerajaan

Bagi tujuan itu, sebanyak RM11.4 bilion telah diperuntukkan kepada sektor pertanian negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) iaitu peningkatan 70 peratus daripada peruntukan dalam RMK8.

Dalam Bajet 2007 pula, kerajaan menyediakan peruntukan RM3.6 bilion untuk sektor pertanian bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran hasil pertanian serta menambah keupayaan pemasaran.

Memberi keyakinan

Usaha untuk meyakinkan pemilik tanah mengusahakan tanah mereka bukan perkara mudah. Seringkali persoalan yang ditimbulkan iaitu sama ada usaha itu nanti akan berbaloi dengan hasil yang akan dinikmati.

Selain daripada kurang keyakinan terhadap keupayaan diri dan pasaran, mereka juga mungkin berdepan dengan penyakit

tanaman, ketiadaan sumber kepakaran dan tunjuk ajar, ketiadaan bekalan benih berterusan dan banyak lagi.

Apatah lagi dunia pertanian yang sering dikaitkan dengan tanah, lumpur dan panas terik selalunya gagal menarik minat

masyarakat terutama generasi baru.

Ditambah pula dengan situasi ketika ini di mana anak-anak muda semakin ramai mempunyai



Keperluan makanan negara sentiasa meningkat seiring dengan pertambahan penduduk

pendidikan dan beranggapan mereka tidak harus bekerja di bawah panas matahari.

Namun, itu sebenarnya hanyalah tanggapan kerana sektor pertanian ketika ini telah menongkah arus seiring dengan kemajuan teknologi.

Realitinya semakin ramai



Produk hiliran yang dihasilkan daripada tanaman lada berjaya mempelbagaikan cara penggunaannya

yang bergelar petani moden atau pengusaha pertanian secara komersial telah membuktikan bahawa sektor pertanian mampu memberikan pulangan berlipat ganda. Malah, mereka tidak perlu bekerja dari jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari.

Bantuan kewangan, khidmat nasihat, pemasaran dan sebagainya datang dari pelbagai agensi, tidak kira kerajaan mahupun badan korporat.

Di sinilah peranan kakitangan jabatan

dan agensi terbabit untuk meyakinkan penduduk bahawa sebidang tanah yang kecil jika diusahakan mampu menyediakan mereka lubok pendapatan.

Mereka juga diyakinkan bahawa akan ada bantuan segera dari pelbagai pihak jika mereka memerlukannya.

Untuk tujuan itu mereka turun padang menemui para petani dan mengadakan seminar serta ceramah dari semasa ke semasa tentang kebaikan bertani, jenis-jenis bantuan kewangan, khidmat nasihat dan teknikal yang disediakan oleh kerajaan dan pihak swasta.

Semuanya semata-mata untuk membantu para petani kita yang majoritinya di luar bandar menikmati kehidupan yang lebih baik.

Usaha itu telah dimulakan sejak negara mencapai kemerdekaan lagi. Kini semakin ramai yang menyedari usaha ikhlas para pegawai itu serta mampu melihat potensi cerah sektor pertanian.

Justeru, tidak menghairankan apabila pendekatan pembangunan pertanian semakin berubah. Dahulu jabatan dan agensi kerajaan berusaha mencari dan meyakinkan pengusaha tanah yang ada untuk menyalurkan bantuan. Kini keadaan telah

menjadi sebaliknya kerana pengusaha tanah yang berpusu-pusu mendapatkan bantuan daripada kerajaan.

Sesungguhnya ia merupakan suatu petanda bahawa sektor pertanian negara sedang menuju perubahan.

Pengalaman Jabatan Pertanian

Sebagai sebuah agensi peneraju pembangunan pertanian, Jabatan Pertanian sentiasa mempunyai perancangan untuk memastikan sektor itu terus berkembang dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada pengusaha dan pemilik tanah.

Antaranya ialah pengenalan projek pertanian secara berkelompok yang kini menjadi fokus utama dalam (RMK9).

Menurut En. Johnny Han, Pembantu Pertanian di Jabatan Pertanian Bintulu, pihaknya pada suatu ketika dahulu berhadapan dengan kesukaran untuk meyakinkan para



Pertanian turut menyediakan peluang perniagaan

untuk menjadikan negara pengeksport bersih bagi makanan menjelang tahun 2010 selain pengeksport utama hasil produk komoditi seperti kelapa sawit.

masyarakat terutama generasi baru.

Ditambah pula dengan situasi ketika ini di mana anak-anak muda semakin ramai mempunyai



Pengeluaran buah cempedak tempatan belum dapat memenuhi permintaan yang tinggi

bersambung di mukasurat 26

Projek Tanaman Berkelompok Manfaatkan Petani

Projek tanaman berkelompok yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) telah terbukti dapat memudahkan tugas Jabatan Pertanian serta memberi manfaat besar kepada para petani.

Begitu juga yang diluahkan oleh tiga daripada peserta projek tanaman limau berkelompok di Jalan Ulu Segan, Sg. Tabau Bintulu.

Mereka mempunyai tanah seluas dua hektar seorang yang mula dibangunkan pada tahun 2000 dengan tanaman limau jenis madu dan susu.

Kawasan pertanian berkelompok seperti itu nyata telah memudahkan tugas kakitangan Jabatan Pertanian untuk membantu para peserta dari segi pengurusan tanaman dan tanah.

Ia termasuk cara penggunaan baja dan racun di samping memudahkan pemantauan diadakan setiap bulan untuk melihat perkembangan di ladang limau para peserta.

Salah seorang daripadanya, Hj. Abdul Rahman bin Alim, 64 tahun, merupakan pesera guru.

Dia telah memilih untuk bersara awal iaitu ketika berumur 50 tahun kerana beliau telah dapat melihat potensi yang mampu diraih dari aktiviti pembangunan tanah melalui tanaman limau. Ketika masih mengajar lagi, dia telah mula berjinak dengan tanaman limau di samping beberapa jenis tanaman lain.

Menurutnya, sebuah program yang disertainya dan dikenali sebagai 'Human Resource Extension Programme' iaitu untuk melihat kejayaan program di tempat lain telah banyak membuka mata dan hatinya untuk berkecimpung dengan kegiatan pertanian seterusnya turut serta dalam kegiatan pertanian berkelompok.

Antara ladang limau yang pernah dilawatinya ialah di Sibu, Sarikei dan Kuching.

Pada permulaannya, dia hanya menanam 190 batang pokok limau. Hari ini dia mempunyai hampir 400 batang pokok.

Pokok limau yang ditanam kumpulannya mengambil masa kira-kira dua setengah tahun untuk membuah hasil.

Tempoh penghasilan bunga sehingga buah limau itu dapat dituai pula mengambil masa kira-kira enam bulan. Sepanjang enam bulan yang berikutnya pula merupakan masa untuk mengutip hasilnya.

Mereka menjual buah limau melalui pemborong. Selain itu, ada juga tempahan yang diperoleh secara terus daripada kenalan dan orang persendirian.

Menurutnya, limau bagi gred 1 dijual kepada pemborong dengan harga RM1.50 sekilogram (kg). Gred 2, 3 dan 4 masing-masingnya dijual dengan harga RM1.30, RM1.00 dan RM0.50.

En. Hashim Atong, 64 tahun pula mempunyai kira-kira 700 pokok limau. Baginya projek tanaman berkelompok memudahkan mereka untuk berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan yang lain.

Di samping itu, pihak Jabatan Pertanian juga mudah menyalurkan maklumat pada satu-satu masa kepada semua peserta dalam kumpulan mereka. Antaranya demonstrasi kawalan serangga perosak terutama lalat buah kepada para peserta di kawasan ladang mereka.

Begitu juga dengan En. Hassan Uong, 59 tahun, yang ketika ini memiliki 600 pokok limau.

Seperti rakan-rakannya, dia juga bergantung hidup dengan hasil tanah untuk

meneruskan kehidupannya.

Namun baginya, hasil daripada berbakti kepada tanah sudah memadai untuknya menyara kehidupan keluarga. Sehubungan itu, dia bercadang akan meneruskan usahanya dengan tanaman limau, selain daripada menanam sayur-sayuran dan pokok buah-buahan lain di sekitar tanah kebunnya.

Sementara itu, menurut En. Johnny Han, Pembantu Pertanian di Jabatan Pertanian Bintulu, projek pertanian berkelompok akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) di Bahagian Bintulu.

Dalam pertanian berkelompok, penggunaan ukuran 'unit' telah digantikan dengan ukuran 'hektar'. Satu unit ditanam dengan kira-kira 95 pokok limau sementara satu hektar pula mampu memuatkan kira-kira 300 pokok limau.

Katanya, sebatang pokok limau yang telah matang mampu menghasilkan dalam 20 hingga 30 kg buah limau dalam satu musim.

Dua hektar tanaman limau mampu menghasilkan kira-kira RM10,000 hingga RM15,000 nilai jualan dalam masa satu musim kepada pengusahanya.

Pokok limau yang sihat mempunyai jangka hayat ekonomi di antara 15 hingga 20 tahun.



Ladang peserta yang terjaga rapi



Buah limau yang hampir matang



Hj. Abdul Rahman menunjukkan buah limau susu yang ditanamnya

MISI NASIONAL 2006-2020

peringkat prasekolah sehingga tertiar, daripada aspek kurikulum dan pengajaran sehingga kepada kemudahan sekolah dengan tumpuan utama untuk meningkatkan taraf sekolah luar bandar

- meningkatkan prestasi pencapaian sekola kebangsaan supaya menjadi sekolah pilihan rakyat
- mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan institusi tertiar memenuhi kehendak majikan
- mengadakan lebih banyak tempat untuk pembangunan kemahiran, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat kepada tenaga buruh pada setiap peringkat dan umur termasuk penggunaan ICT
- menyediakan persekitaran dan sistem inovasi yang menggalakkan R&D berkualiti tinggi dan boleh dikomersilkan
- menghalusi dan melaksanakan program yang menggalakkan pembangunan moral yang kukuh dan budaya beretika seperti terkandung dalam PIN
- memperkasa belia dan wanita untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam pertumbuhan dan pembangunan negara

3 Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif

Bagi menghapuskan punca ketidakseimbangan, usaha perlu ditumpukan kepada kumpulan sasaran sebenar dan menyediakan peluang yang mencukupi untuk kemajuan dan bina upaya. Usaha ini termasuk:

- membasmi kemiskinan tegar menjelang 2010 di samping mengurangkan kemiskinan keseluruhan
- mengurangkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan antara wilayah melalui penajaan pendapatan yang mapan dan memperbaiki akses kepada keperluan asas seperti perumahan, pendidikan,

dari muka surat 1

- penjagaan kesihatan, utiliti dan pengangkutan
- memajukan wilayah kurang pembangunan wilayah
- merapatkan jurang digital
- menangani jurang antara dan dalam kumpulan etnik terutamanya dengan menambah pendapatan melalui peningkatan kemahiran dan kebolehan
- menggalakkan peluang pekerjaan sama rata bagi mengurangkan ketidaksamaan dalam pekerjaan dan pendapatan di samping meningkatkan integrasi di kalangan kumpulan etnik
- mewujudkan generasi baru usahawan dan enterpris Bumiputera yang berdaya saing
- mengkaji semula dasar dan program penyusunan semula untuk menilai keberkesanan dan impaknya serta memastikan tumpuan dasar dan program masa hadapan berdasarkan merit dan keperluan

Kemiskinan dijangka dapat dibasmi menjelang 2020. Bahagian pendapatan isi rumah berpendapatan pertengahan dijangka meningkat kepada 40 peratus manakala bahagian pendapatan isi rumah 40 peratus terendah disasarkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada pendapatan negara.

4 Meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup

Kualiti hidup rakyat tidak akan dapat dikekalkan tanpa usaha bersepadu untuk mengurus sumber dengan lebih bijak terutamanya dalam keadaan kenaikan harga tenaga. Kualiti hidup juga berkait rapat dengan usaha memenuhi keperluan asas serta mengekalkan keamanan, keselamatan dan keharmonian. Untuk itu usaha berikut diperlukan:

- memastikan perlindungan alam sekitar yang lebih baik dan penggunaan sumber asli dengan lebih cekap
- meningkatkan kecukupan dan kecekapan tenaga termasuk mempelbagaikan sumber tenaga
- meningkatkan kecekapan perkhidmatan bekalan air
- menyediakan pengangkutan awam yang baik bagi mengurangkan kesesakan lalu



lintas dan penggunaan bahan api

- meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan dan rumah mampu dibeli atau disewa
- memastikan keselamatan dan ketenteraman awam
- meningkatkan pembangunan dan penggalakan kebudayaan, kesenian dan warisan Malaysia

5 Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan

Pencapaian Misi Nasional bergantung pada kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan negara. Jentera pelaksanaan ini perlu dipertingkatkan dengan:

- meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam menerusi memperkukuh tadbir urus, memperkemas proses pentadbiran dan pengukuran prestasi
- memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos dana sektor awam dengan mengamalkan kewangan berhemat serta meningkatkan pemantauan pelaksanaan
- menangani rasuah nyata dan tidak nyata dalam sektor awam dan swasta
- meningkatkan tadbir urus korporat dan sistem penyampaian perkhidmatan sektor swasta dengan menambah baik rangka kerja perundangan dan kawal selia
- memperkukuh peranan Parlimen, media dan masyarakat sivil

Menjelang 2020, petunjuk prestasi utama akan diguna pakai dan dipantau di setiap jabatan kerajaan bagi membolehkan penilaian objektif kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam terutamanya bagi agensi yang berurusan secara langsung dengan orang ramai. Jentera pentadbiran kerajaan akan diperkukuh bagi memberi penekanan yang lebih kepada aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan impak. Rasuah nyata dan tidak nyata dalam sektor awam dan swasta akan dikurangkan.

RMK-9

PM Arah Kerajaan Negeri Sedia Laporan Impak Setiap Projek

Perdana Menteri, Datuk Seri Haji Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan semua Kerajaan Negeri menyediakan laporan impak bagi menilai prestasi setiap projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Laporan impak itu perlu mengandungi maklumat terperinci berkaitan perbelanjaan yang digunakan, keberkesanan dan faedah sesuatu projek kepada orang awam.

Penyediaan laporan itu perlu dimulakan dari sekarang dengan mengumpulkan semua maklumat yang terkandung dalam fail kemajuan projek supaya dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh.

Ketika ini, laporan projek terlalu memberi penekanan kepada jumlah wang dibelanjakan. Namun, tindakan itu tidak memberi gambaran jelas sama ada wang itu memberi manfaat atau tidak kepada masyarakat. Perdana Menteri mengeluarkan arahan itu ketika mengadakan lawatan kerja di Selangor baru-baru ini.

Kerana itu menurutnya, banyak projek yang

dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri menghadapi masalah kerana kurang pemantauan, penyelenggaraan dan penilaian bagi setiap fasa projek yang dilaksanakan.

Laporan impak ditekankan kerana ia mementingkan aspek perkhidmatan untuk masyarakat dan harus meliputi semua projek awam termasuk projek infrastruktur, perumahan dan pertanian komersil.


Perdana Menteri juga mengarahkan supaya jabatan-jabatan yang terlibat dengan pengeluaran lesen atau kelulusan sesuatu projek supaya memantau projek mereka dari semasa ke semasa bagi mengelakkan sesuatu projek itu menghadapi masalah.

Jika berlaku masalah, laporan impak itu turut dapat membantu mengenalpasti tindakan segera yang perlu untuk membetulkannya.

Laporan impak projek pembangunan akan membantu kerajaan mengawasi tahap pelaksanaan semua projek pembangunan



tahukah
Anda?



Peruntukan Pembangunan dan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor, 2001-2010 (RM juta)

Sektor	RMKe-8		RMKe-9		Inisiatif JUMLAH		
	Perbelanjaan	%	Peruntukan Pembangunan Swasta	%			%
Ekonomi	65,446	38.5	89,886	44.9	1,294	91,180	41.4
Pembangunan Pertanian	7,749	4.6	11,435	5.7	350	11,785	5.4
Pembangunan Sumber Mineral	47	0.0	141	0.1	0	141	0.1
Perdagangan & Perindustrian	10,174	6.0	19,891	9.9	310	20,201	9.2
Pengangkutan	31,813	18.7	31,876	15.9	634	32,510	14.8
Komunikasi	560	0.3	533	0.3	0	533	0.2
Kemudahan Awam & Tenaga	12,722	7.5	21,805	10.9	0	21,805	9.9
Kajian Kemungkinan	421	0.2	338	0.2	0	338	0.2
Penyelidikan & Pembangunan	1,960	1.2	3,868	1.9	0	3,868	1.8
Sosial	69,377	40.8	74,954	37.5	11,915	86,869	39.5
Pendidikan & Latihan	43,729	25.7	41,114	20.6	9,472	50,586	23.0
Kesihatan	9,506	5.6	10,710	5.4	878	1,588	5.3
Penerangan & Penyiaran	450	0.3	450	0.2	0	450	0.2
Perumahan	6,972	4.1	9,947	5.0	1,565	11,512	5.2
Kebudayaan, Belia & Sukan	1,113	0.7	1,394	0.7	0	1,394	0.6
Pihak Berkuasa Tempatan & Perkhidmatan Kebajikan	5,942	3.5	9,121	4.6	0	9,121	4.1
Pembangunan Kampung & Masyarakat	1,665	1.0	2,218	1.1	0	2,218	1.0
Keselamatan	22,042	13.0	21,303	10.6	4,376	25,479	11.6
Pertahanan	17,298	10.2	15,237	7.6	1,582	16,819	7.6
Keselamatan Dalam Negeri	4,744	2.8	5,966	3.0	2,694	8,660	3.9
Pentadbiran Am	13,135	7.7	13,957	6.9	2,515	16,472	7.5
Perkhidmatan Am	12,839	7.6	12,878	6.4	2,515	15,393	7.0
Pembaikan & Pengubahsuaian	296	0.2	079	0.5	0	1,079	0.5
Jumlah	170,000	100.0	200,000	100.0	20,000	220,000	100.0

KIA2M Diperkenal Basmi Buta Huruf

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memutuskan untuk memperkenalkan Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk murid tahun satu pada tahun ini (2006) dalam usaha memastikan 100 peratus murid menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam bahasa Melayu sepenuhnya.

Program KIA2M yang telah dilancarkan pada 20 April lepas oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) Datuk Dr. Ahmad Sipon meletakkan sasaran berikut:

- Menguasai kemahiran asas membaca dan menulis
- Mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap kebolehan diri sendiri
- Meningkatkan keyakinan diri murid dan minat untuk belajar

Program KIA2M wajib dilaksanakan di semua Sekolah Kebangsaan (SK) manakala Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (Cina dan Tamil) diberi pilihan sama ada untuk melaksanakannya atau sebaliknya.

Penentuan pelajar yang akan mengikuti program KIA2M ini dibuat setelah semua murid tahun satu menduduki Ujian Penapisan.

Penempatan murid berdasarkan skor yang diperoleh murid dalam ujian tersebut. Murid yang mendapat skor 0-9 dirujuk kepada pengamal perubatan. Murid dalam kumpulan skor berkenaan yang didapati tiada masalah pembelajaran akan mengikuti KIA2M, manakala murid yang mengalami masalah pembelajaran akan mengikuti Kelas Pendidikan Khas.

Sementara itu murid yang mendapat skor 10-44 akan mengikuti KIA2M, manakala murid yang memperoleh skor 45-60 dalam Ujian Penapisan akan meneruskan pembelajaran di kelas biasa.

Mengenai tempoh intervensi pula, kelas intervensi dijalankan selama tiga (3) bulan atau (6) bulan bergantung pada prestasi murid KIA2M dalam Ujian Pelepasan.

Dalam tempoh tiga (3) bulan pertama, murid akan diajar mengeja, menyebut dan menulis pola suku kata, pola perkataan dan ayat tunggal.

Murid yang lulus Ujian Pelepasan 1 mengikuti pelajaran tahun satu di kelas biasa, manakala murid yang gagal akan mengulangi pembelajaran yang sama di kelas intervensi selama tiga (3) bulan lagi. Mereka perlu menduduki Ujian Pelepasan 2 dan lulus sebelum naik ke Tahun 2 pada tahun 2007

KIA2M tidak melibatkan penambahan kelas dan guru sebaliknya berdasarkan jumlah murid tahun satu yang sedia ada.

Bagi SK, pengajaran dan pembelajaran (P & P) KIA2M dijalankan sepenuh masa dalam waktu bahasa Melayu dan diserapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pendidikan Muzik dan Pendidikan Seni Visual tahun satu.

Pembahagian waktu P & P untuk KIA2M di SK adalah sebanyak 19 waktu dengan Bahasa Melayu (12 waktu), Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (3 waktu), Pendidikan Muzik (2 waktu) dan Pendidikan Seni Visual (2 waktu) manakala di SJK hanya dilaksanakan dalam waktu Bahasa Melayu, iaitu sebanyak 9 waktu.

Pemantauan pelaksanaan KIA2M akan dilaksanakan oleh Jemaah Nazir Sekolah, Pusat Perkembangan Kurikulum, bahagian lain KPM, Penolong Pengarah Bahasa dan Penyelia Bahasa Jabatan Pelajaran Negeri, Pegawai Bahasa PPD serta Guru Besar. Instrumen pemantauan, serta laporan keberkesanan KIA2M disediakan oleh Jemaah Nazir Sekolah.



Pindaan Peraturan Berkaitan Penerimaan Sijil Sakit Swasta Untuk Tujuan Kemudahan Cuti Sakit

Pada 27 April 2006 yang lalu, Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Dato' Sri Ismail Adam dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2006 telah memaklumkan bahawa mulai tarikh pekelinging itu dikeluarkan pindaan peraturan berkaitan penerimaan sijil sakit swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan cuti sakit adalah diterima pakai.

Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, dalam pekelinging berkenaan menyatakan dalam Perintah Am 15 Bab C memperuntukkan bahawa Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicaranya untuk menerima sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta bagi tujuan meluluskan cuti sakit.

Maka dengan itu selaras dengan perkembangan amalan perubatan di sektor awam dan swasta, Kerajaan telah bersetuju meminda peraturan

berkaitan penerimaan sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta untuk tujuan meluluskan kemudahan cuti sakit.

Sungguhpun demikian, kemudahan cuti sakit berkenaan hanya boleh diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai pesakit luar di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah cuti sakit yang tidak melebihi 15 hari dalam sesuatu tahun kalendar; atau
2. Bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai pesakit dalam di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi

jumlah cuti sakit yang tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar; dan

3. Jumlah cuti sakit sama ada berasaskan sijil sakit swasta atau sijil sakit kerajaan yang boleh diberikan adalah tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar, di mana 90 hari pertama boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan dan 90 hari seterusnya hendaklah diluluskan oleh Ketua Setiausaha.

Walaupun bagaimanapun, Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dalam pekelinging berkenaan menjelaskan bahawa pemakaian pindaan ini adalah tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

RM7 juta Untuk Terbit Dokumentari

Dalam usaha menggiatkan usaha dan menonjolkan kesenian dan kreativiti serta mengekalkan warisan bangsa, kerajaan telah mengambil inisiatif menyediakan peruntukan sebanyak RM7 juta setahun bagi usaha penerbitan filem dokumentari tempatan.

Menurut Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, jumlah yang dianggap besar itu diharap dapat merangsangkan minat penerbit untuk menerbitkan filem dokumentari. Menurut beliau lagi sekiranya kerajaan tidak membuat inisiatif seperti itu, tidak ada pihak akan menerbitkan filem dokumentari.

Datuk Seri Dr Rais Yatim

menambah, kerajaan memutuskan bahawa penghasilan filem dokumentari berkaitan akan diusahakan oleh kerajaan sendiri yang mana persoalan pasaran, untung rugi dan sebagainya tidak akan menjadi suatu isu.

Katanya, sebagai permulaan, FINAS akan menerbitkan 10 tajuk pada tahun ini, dan tahun hadapan, diteruskan dengan bajet tambahan supaya setiap filem dokumentari ini bermutu dan ingin ditonton oleh masyarakat.

Sebagai permulaan, FINAS sudah dan akan menerbitkan dokumentari mengenai silat dan hasil pertukangan perak. FINAS turut merancang menerbitkan dokumentari mengenai



Yang diPertuan Agong, Bangunan Sultan Abdul Samad, Islam Hadhari dan biografi Tan Sri P Ramlee.

Datuk Seri Dr Rais Yatim juga menyatakan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan juga bercadang untuk mengadakan usaha sama dengan rangkaian *Discovery Channel* atau *National Geographic* dalam masa terdekat supaya ilmu penerbitan dokumentari dapat dipelajari oleh penerbit filem tempatan.

Beliau seterusnya berkata filem dokumentari harus digemari, bukan semata-mata kerana kepentingan kewangan tetapi lebih dari itu iaitu untuk memberi pendidikan, ilmu pengetahuan dan kandungan nasional berhubung kehidupan serta seni budaya tanah air.



Usaha mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran membaca di kalangan murid pada tahun 1 dilihat sebagai usaha positif supaya pihak sekolah dapat melakukan langkah susulan, termasuklah melengkapkan prasarana dan alat bantuan mengajar

PPP – Bantu Pastikan RMK9 Berjaya

Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) telah memutuskan supaya Direktorat Pelaksanaan Negara memperkenalkan Sistem Pengurusan Projek dan Program (PPP). Sistem ini bertujuan untuk menghubungkan setiap komponen dalam rantaian pelaksanaan, bermula dari peringkat


perancangan sehingga ke peringkat penyerahan projek.

Sistem ini akan membolehkan pemantauan status pelaksanaan secara masa nyata (*real time*) bagi mengesan dan menangani masalah pelaksanaan dengan lebih cepat. Selain itu, Sistem PPP akan menerapkan amalan terbaik dalam

menyelesaikan masalah pelaksanaan dan akan membina upaya pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dalam bidang pentadbiran dan pelaksanaan dasar.

Sistem PPP akan digunakan untuk menyelaraskan pelaksanaan yang mantap bagi projek-projek yang mempunyai impak tinggi kepada rakyat.

tahukah Anda



Peruntukan Pembangunan dan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Mengikut Negeri, 2001-2010 (RM juta)

Negeri	RMKe-8 Perbelanjaan	RMKe-9 Peruntukan Pembangunan	Inisiatif Pembiayaan Swasta	JUMLAH
Johor	9,161	10,200	1,799	11,999
Perak	6,558	7,614	1,963	9,577
Pulau Pinang	4,862	6,152	494	6,646
Melaka	3,542	3,686	291	3,977
Negeri Sembilan	5,658	5,884	749	6,633
Selangor	13,863	15,539	2,338	17,877
Wilayah Persekutuan	20,650	31,090	2,043	33,133
Kedah	7,610	7,817	1,093	8,910
Kelantan	3,681	6,651	976	7,627
Pahang	7,469	9,853	1,228	11,081
Perlis	1,799	2,201	377	2,578
Sabah	13,180	15,658	1,250	16,908
Sarawak	12,817	13,437	1,671	15,108
Terengganu	3,193	5,806	1,396	7,202
Pelbagai negeri ¹	55,957	58,412	2,332	60,744
Jumlah	170,000	200,000	20,000	220,000

Nota: ¹ Projek pelbagai negeri adalah projek yang memberi manfaat kepada beberapa negeri atau seluruh negara.

Rapat Jurang Pendapatan Melalui Kerjasama

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan menggiatkan usaha merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat bandar dan luar bandar melalui penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan pihak swasta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9).

Antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh KKLW ialah mengenal pasti kelompok-kelompok masyarakat miskin

dan miskin tegar serta mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi sedia ada yang boleh meningkatkan pendapatan golongan ini.

Demikian menurut Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Dr. Tiki anak Lafe pada persidangan Dewan Negara serta persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini.

Katanya, bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan semua program di kawasan luar bandar, KKLW akan mengoptimalkan penglibatan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) serta agensi-agensi kerajaan negeri

kegiatan ekonomi tambahan yang meliputi tanaman kontan, ternakan, perikanan, perniagaan dan industri kecil dan sederhana.

Turut diberi perhatian ialah



Penyertaan ahli masyarakat dalam aktiviti serta program kerajaan amat diperlukan

pembangunan tanah berkelompok, estet mini, ladang rakyat dan Projek Ternakan Integrasi serta khidmat sokongan lain seperti kemudahan pemasaran hasil pertanian, bantuan kredit, latihan kemahiran, kemudahan prasarana serta kemudahan teknologi pertanian.

Kegiatan ekonomi bukan perniagaan seperti industri desa dan pelancongan desa juga amat berpotensi bagi pelaksanaan melalui penglibatan agensi kementerian iaitu FELCRA.

Minda Kelas Pertama

Pembangunan pendidikan yang menjadi tunjang pembangunan masyarakat tidak dipandang ringan. KKLW berkeyakinan bahawa usaha membina minda kelas pertama di kawasan luar bandar juga harus bermula pada peringkat awal.

Dalam RMK9, sejumlah RM744 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf bangunan dan kemudahan di kelas-kelas Tabika.

Di samping itu, tahap profesionalisme guru-guru Tabika juga akan dipertingkatkan melalui dua pendekatan. Pertama, melalui kursus dalam cuti dan kedua, Kursus Diploma Perguruan Malaysia bagi kemasukan ke dalam perjawatan perguruan KEMAS.

Ketika ini KEMAS mengendalikan kira-kira 8,307 buah kelas Tabika dengan sejumlah 195,314 kanak-kanak dan 271 buah kelas Taska dengan seramai 3,472 kanak-kanak di seluruh negara.

Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, amalan nilai-nilai murni, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, daya kreativiti dan estetika serta kecerdasan fizikal diterapkan kepada kanak-kanak secara holistik dan bersepadu.

Antara aktiviti-nya ialah hari potensi kanak-kanak Tabika, hari sukan, kelas Fardu Ain, kelas Bahasa Inggeris dan seni mempertahankan diri.

KEMAS juga mengendalikan sebanyak 287 buah kelas pusat sumber yang mempunyai peserta seramai 52,140 orang dan kebanyakannya adalah murid-murid sekolah rendah dan menengah yang menjalankan aktiviti kokurikulum seperti pertandingan membaca, pidato, teater dan bercerita.



Bantuan khidmat nasihat perlu sentiasa diberi kepada masyarakat khususnya para petani tentang amalan pertanian yang baik

untuk mengenalpasti kawasan yang mempunyai masyarakat miskin dan miskin tegar serta kekurangan prasarana kemudahan asas.

KKLW telah mengenalpasti bahawa tumpuan akan diberikan kepada peningkatan aktiviti ekonomi luar bandar khususnya pendapatan daripada hasil pertanian.

Ia dilaksanakan melalui aktiviti tanam semula, khasnya tanaman getah dan kelapa sawit, pembekalan benih tanaman, baja, latihan pengembangan dan



Kegiatan ekonomi tambahan seperti perikanan mampu meningkatkan pendapatan masyarakat

PBT Diberi Dua Tahun Peroleh MS ISO

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman pada bulan Julai 2006 yang lalu telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara ini untuk mendapatkan sijil MS ISO 9001:2000 bagi memastikan sistem pengurusan kualiti yang berkesan di samping dalam masa yang sama berupaya meningkatkan sistem penyampaian pentadbiran kerajaan kepada rakyat.

Arahan itu juga meliputi semua pejabat daerah dan tanah.

Tan Sri Samsudin Osman telah menetapkan tempoh masa dua (2) bagi pihak terbabit untuk memperoleh sijil itu.

Menurut KSN, tindakan mendapatkan sijil berkenaan adalah sebahagian usaha menambah baik keseluruhan proses kerja pada peringkat daerah dan membolehkan pejabat daerah dan tanah serta PBT memainkan peranan yang berkesan pada peringkat akar umbi.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat pembangunan di Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini (Julai).

Setakat ini, menurut KSN, ada beberapa pejabat daerah dan tanah yang telah memiliki sijil MS ISO dan konsep itu perlu diperluaskan ke seluruh negara.

Beliau juga menggesa agensi kerajaan yang telah memperoleh sijil berkenaan bagi versi 1994 agar melakukan penelitian semula serta

memperbaharui dan melengkapkan semula pensijilan berkenaan dengan ciri-ciri terkini supaya perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai lebih berkesan.

Setakat ini, katanya, beliau berpuas hati dengan keseluruhan sistem penyampaian pada peringkat daerah tetapi menegaskan masih ada ruang untuk proses itu diperbaiki agar lebih cekap dan berkesan.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Mampu Datuk Yaacob Hussin dalam ucapan aluannya pada Seminar Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Melalui Pelaksanaan MS ISO 9001:2000, bagi peringkat pentadbiran daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan, di Kuala Lumpur, 13 Julai 2006 yang lalu, mendedahkan sehingga Jun lepas, hanya 201 agensi kerajaan memperoleh sijil Standard MS ISO versi 2000, daripada 781 yang disasarkan.

Daripada jumlah itu, menurut beliau lagi, hanya tiga pejabat daerah, satu pejabat tanah dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang memperoleh sijil MS ISO versi 2000.

Datuk Yaacob Hussin seterusnya menambah, terdapat sejumlah 416 agensi kecil secara bersendirian di luar

sasaran seperti hospital, pejabat kesihatan daerah, maktab perguruan dan politeknik, telah memperoleh sijil MS ISO 9001:2000.

Datuk Yaacob Hussin berkata dua sebab utama sebahagian besar agensi kerajaan masih belum melaksanakan ISO 9001:2000 ialah kerana arahan pelaksanaannya tidak diikuti dengan sesi pendedahan dan kefahaman yang terancang.

Selain itu kurangnya komitmen agensi berkaitan untuk mendapatkan peruntukan kewangan bagi melantik perunding swasta, mereka juga sentiasa mengharapkan Mampu memberi khidmat perundingan dan mengaudit untuk persijilan tersebut juga merupakan faktor utama keadaan ini berlaku.



PBT digesa mendapatkan sijil MS ISO 9001:2000 bagi memastikan sistem pengurusan kualiti yang berkesan di samping berupaya meningkatkan sistem penyampaian pentadbiran kerajaan kepada rakyat

Sistem Pengairan dan Saliran Dipertingkatkan

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi pelaksanaan 14 buah projek pengairan dan RM30 juta untuk tujuh buah projek saliran di Sarawak.

Dalam RMK9, sejumlah RM80 juta telah dipohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (DID) dari Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan kerja penjagaan tebingan sungai serta meningkatkan sistem saliran bagi mencegah banjir di luar bandar.

Pada masa yang sama, DID Sarawak juga telah memohon RM134 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan pelbagai kerja kejuruteraan sungai di Sarawak dan RM7 juta lagi untuk kajian hakisan tebingan dan pemendapan di dasar sungai.

Kerja kejuruteraan sungai yang dimaksudkan termasuk pembinaan stesen pemerhatian benak di Sri Aman, pembersihan sungai, penjagaan

tebingan sungai serta naik taraf dan kecantikan sungai di bandar-bandar sebagai langkah mewujudkan kawasan rekreasi bagi menarik minat pelancong. Semua projek itu akan dimulakan pada tahun ini.

Dalam pelan RMK9 juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan siling berjumlah RM10 juta untuk pelaksanaan kerja pembersihan sungai, manakala RM5 juta lagi untuk projek 'Sebuah Sungai Sebuah Negeri' di Sungai Maong.

Sebanyak RM17 juta lagi diperuntukkan kepada DID untuk melaksanakan tiga program kejuruteraan pesisir yang dikenali sebagai 'Program Pemeliharaan Hakisan

Pantai', 'Program Pembangunan Muara Sungai' dan 'Program Pengurusan dan Pemantauan Tebingan'.

Sejumlah RM12.8 juta lagi telah diluluskan untuk pelaksanaan projek penjagaan pantai di Lawas, Miri, Mukah dan Kuching.



DID Sarawak memohon RM134 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan pelbagai kerja kejuruteraan sungai di Sarawak yang merangkumi pembersihan sungai, penjagaan tebingan sungai serta naik taraf dan kecantikan sungai di bandar-bandar

KSN Mahu Pemilihan Isi Jawatan Awam Disegerakan

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dalam satu kenyataan yang dipetik oleh BERNAMA (13 Julai 2006) telah mengarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyegerakan proses temuduga

dan pemilihan bagi mengisi 30,000 jawatan kosong oleh lulusan diploma dan ijazah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pelaksanaan pensijilan MS ISO 9001:2000 di peringkat pentadbiran daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan di Kuala Lumpur, 13 Julai 2006 yang lalu.

Tan Sri Samsudin berkata proses pengisian jawatan ini akan dilakukan sebagai satu "Operasi Isi Penuh" yang pernah dilaksanakan oleh kerajaan pada satu masa dahulu.

Bagaimanapun, katanya, keutamaan akan diberi kepada pengambilan mereka yang berkelulusan diploma dan ijazah mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan siswazah.

Beliau menambah, JPA dan SPA telahpun menjalankan proses pengambilan dan pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan dalam kerajaan secara berterusan.

Terdahulu pada 11 Julai 2006 lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang memperkerusi jawatankuasa khas mengenai siswazah menganggur, mengarahkan JPA dan SPA mempercepatkan proses pengambilan siswazah bagi mengatasi masalah itu memandangkan terdapat 74,000 kekosongan dalam kerajaan dengan 30,000 untuk diisi oleh golongan siswazah.

Pada masa ini terdapat 60,000 siswazah yang menganggur.



Usaha yang dilakukan untuk memenuhi jawatan dalam perkhidmatan awam negara akan memberi keutamaan kepada pengambilan mereka yang berkelulusan diploma dan ijazah bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan siswazah

Sumber Tenaga Kian Terhad

Di Malaysia, kita menjana kira-kira 20 ribu megawatt elektrik yang mana gas penyumbang utama iaitu sebanyak 72 peratus, arang batu 17 peratus, hidro tujuh peratus, minyak tiga peratus dan satu peratus bagi sumber tenaga lain termasuk tenaga suria.

Namun, adakah peratusan ini akan terus kekal untuk sekurang-kurangnya 20 tahun akan datang? Keadaan itu pasti membawa kepada masalah baru yang bukan sahaja bakal dihadapi oleh negara kita, bahkan penduduk di seluruh dunia.

Sumber yang kita gunakan untuk menjana tenaga elektrik akan kehabisan. Kita juga akan

berdepan dengan sumber yang kian terhad seterusnya menjadi rebutan dan melonjakkan harganya pada masa akan datang.

Sehubungan itu, persoalannya di sini ialah adakah kita atau generasi akan datang telah bersedia untuk berhadapan dengan situasi itu? Apakah peranan kita masing-masing selain daripada usaha kerajaan melalui pelbagai program dan polisi yang digunapakai ketika ini?



Keperluan terhadap tenaga kian meningkat dan tidak terhad di bandar sahaja

minyak, terutamanya dengan membangunkan sumber tenaga alternatif seperti gas, biodiesel dan solar bukan sahaja melambatkan kehabisan stok sumber alam negara,

berpotensi tinggi untuk eksport. Sehubungan itu, kerajaan bersama sektor swasta telah menasaskan kapasiti 180 ribu tan melalui tiga loji yang dirancang pada tahun ini. (Sumber: Bajet 2006)



Satu lagi sumber tenaga alternatif iaitu tenaga solar telah diperluas penggunaannya di kawasan pedalaman Sarawak

Kehilangan Tenaga

Kerajaan amat berjimat-cermat dalam hal pengurusan sumber tenaga. Namun, kehilangan tenaga sukar dielakkan kerana ia boleh berlaku melalui dua cara iaitu kehilangan teknikal dan bukan teknikal.

Kehilangan teknikal tidak dapat dielakkan kerana ia akan berlaku semasa aktiviti penjana tenaga elektrik yang dikenali sebagai *generation loss* dan aktiviti penghantaran elektrik yang dikenali sebagai *transmission loss*.

Kajian oleh Suruhanjaya Tenaga menunjukkan kira-kira 45 peratus hingga 68 peratus daripada sumber tenaga dalam bentuk bahan api seperti minyak, gas asli dan arang batu akan hilang semasa penjana elektrik di dalam penjana generator yang digunakan untuk menukar tenaga kimia atau bahan api ke tenaga elektrik.

Tenaga elektrik juga akan

mengalami kehilangan tambahan sebanyak 10 peratus hingga 15 peratus apabila tenaga elektrik dihantar ke stesen-stesen elektrik pengguna.

Transmission loss berlaku dalam kabel-kabel talian penghantaran di mana semakin panjang talian penghantaran maka semakin besar kehilangan tenaga yang berlaku.

Manakala kehilangan bukan teknikal pula berlaku disebabkan oleh terdapatnya kegiatan mencuri bekalan elektrik oleh pengguna-pengguna yang tidak bertanggungjawab.

(Sumber: Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor pada Persidangan Dewan Rakyat 6 Julai 2005).

Mempelbagai Sumber Tenaga

Langkah mempelbagai sumber tenaga merupakan tindakan terbaik untuk mengawal kebergantungan kepada satu jenis sumber tenaga.

Pengurangan kebergantungan negara kepada

malah akan menambahkan usaha pemeliharaan alam sekitar kita.

Malaysia kebelakangan ini menggalakkan penggunaan gas dalam kenderaan memandangkan negara mempunyai simpanan gas sebanyak 85 trilion kaki padu. Sehubungan itu, pembinaan stesen gas runcit yang berjumlah 51 buah pada tahun lalu dijangka bertambah dua kali ganda menjelang 2007.

Biofuel yang berasaskan minyak sawit juga dapat mengurangkan pergantungan negara kepada petroleum dan



Setiasaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Haji Abdul Aziz Bin Dato Haji Husain melihat perkembangan Projek Bakun yang merupakan projek janakuasa elektrik terbesar di negara ini

Jimat Tenaga Peranan Bersama

Kini masyarakat sedang berhadapan dengan penggunaan tenaga yang kurang berhemat terutama oleh pengguna sendiri di rumah. Keadaan ini umumnya dikaitkan dengan pengguna yang berkemampuan.



Sebenarnya, kita sebagai pengguna juga harus lebih mengetahui cara yang terbaik untuk menjimatkan kadar penggunaan tenaga elektrik di rumah masing-masing.

Dengan cara itu, negara tidak perlu menghasilkan tenaga berlebihan sebaliknya hanya untuk memenuhi keperluan sahaja.

Kerajaan sendiri telah mengumumkan dalam Bajet 2006 bahawa mereka akan menerajui usaha penjimatan tenaga.

Semua agensi kerajaan telah diberi sasaran untuk mencapai 10 peratus penjimatan penggunaan tenaga pada tahun ini.

Amalan seperti membiarkan alat penghawa dingin berada pada suhu terlalu rendah dan membiarkan lampu terpasang apabila tiada orang di pejabat akan dielakkan.

Apakah pula peranan kita masing-masing di rumah? Mari kita ikuti beberapa panduan mudah berikut untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik.

Lampu

- Pilih lampu yang bersesuaian berdasarkan tempat.
- Bilik yang mempunyai warna cat yang terang akan memantulkan cahaya dan akan membuatnya kelihatan lebih terang.
- Letakkan lampu di sudut bilik kerana lampu tersebut akan bertindak balas di kedua-dua sudut dinding.
- Mentol kalimantang empat kali lebih cerah daripada mentol bulat walaupun menggunakan watt yang sama dan mampu tahan sehingga lapan kali lebih lama.
- Mentol yang mempunyai kuasa efisien adalah lebih mahal, tetapi menjimatkan untuk jangka masa panjang.
- Tutup lampu yang tidak digunakan.



- Mentol yang kotor perlu dilap untuk mendapatkan kecerahan cahaya yang maksimum.


Kipas

- Gantikan kipas lama dengan yang baru yang lebih cekap dalam menggunakan tenaga.
- Bersihkan kipas dan pastikan minyak pelincir mencukupi untuk melanjutkan tempoh hayat kipas.




Televisyen dan komputer

- Kurangkan masa menonton televisyen. Gunakan masa lapang dengan melakukan riadah di luar.
- Komputer menggunakan tenaga elektrik yang lebih banyak bagi menghidupkan skrin, CPU, mesin pencetak dan pembesar suara. Jika berkemampuan gunakan komputer riba.



Peralatan rumah

- Peralatan elektrik yang digunakan untuk memasak banyak menggunakan tenaga elektrik. Didihkan air dengan menggunakan dapur gas.
- Uruskan masa dengan bijak apabila menggunakan seterika seperti menyeterika pakaian yang banyak pada satu-satu masa.



Peti sejuk

- Peti sejuk menggunakan 21 peratus bekalan tenaga elektrik di rumah. Lebih besar peti sejuk, lebih besar jumlah perbelanjaan untuk bil elektrik. Pilih saiz yang sesuai untuk keperluan keluarga.

- Peti sejuk baru menggunakan tenaga elektrik dengan lebih cekap berbanding model lama. Beli model peti sejuk yang terdapat label yang menunjukkan kadar kecekapan penggunaan tenaga oleh EPA (Agensi Perlindungan Alam Sekitar, Amerika Syarikat).
- Jarakkan sedikit peti sejuk daripada dinding, iaitu gelung kondenser terletak sekurang-kurangnya 4inci/10cm dari dinding.
- Tempatkan peti sejuk jauh daripada dapur dan kawasan panas.
- Biarkan makanan panas sejuk dahulu sebelum memasukkannya ke dalam peti sejuk.
- Keluarkan bungkusan yang tidak diperlukan sebelum memasukkan ke dalam peti sejuk.
- Bersihkan 'condensor fins' dan bekas-bekas dalam peti sejuk sebulan sekali.
- Pastikan kawalan termostat bersesuaian dengan keperluan penyimpanan.
- Dapatkan seorang juruteknik untuk memeriksa tekanan gas penyejuk nyahfroskan peti sejuk 6 bulan sekali.

Penyaman udara

- Penyaman udara menggunakan 25 hingga 35 peratus daripada tenaga elektrik. Pilih penyaman udara dengan kuasa yang bersesuaian dengan saiz bilik.
- Pilih penyaman udara yang mempunyai kadar kecekapan tenaga tertinggi.
- Elakkan daripada meletak pemampat penyaman udara di tempat yang terdedah dengan cahaya matahari.
- Penapis harus diperiksa dan dibersihkan sebulan sekali. Talian kipas dan keseluruhan penyaman udara harus diperiksa bagi memperbaiki sebarang kerosakan atau untuk tujuan penyelenggaraan.
- Kurangkan penggunaan penyaman udara, dengan menanam pokok yang memberikan teduhan cahaya matahari. Buka tingkap untuk membolehkan pengaliran aliran udara.

(Sumber: www.penerangan.gov.my)

Pada awal penubuhannya sekitar tahun 1982, KRT Batu Kawa tidak mempunyai sebarang lokasi tetap untuk menjalankan aktiviti namun ini tidak pula menjadi halangan Pengerusinya, Encik Ismail Bujang sebaliknya telah mengambil inisiatif menggunakan rumahnya bagi tujuan tersebut.

Bagi beliau, jelasnya, tiada alasan untuk tidak berbuat sesuatu, kerana baginya tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan.



Pusat Khidmat Sosial Setempat, memudahkan Encik Ismail dan AJK KRT Batu menjalankan aktiviti

Hanya pada tahun 1989, KRT ini berpindah ke tapak rasmi KRT yang disediakan kerajaan. Kini, KRT Batu Kawa berbangga kerana memiliki sebuah bangunan yang menempatkan pejabat operasi KRT Batu Kawa yang turut menempatkan tiga (3) kelas buah Tadika Perpaduan.

Encik Ismail ketika mengimbuai kembali kenangan itu, bagi beliau memang menjalankan aktiviti di rumahnya, ianya secara tidak langsung menjadi tali pengikat silaturrahim antara dirinya dengan komuniti di situ.

Mungkin disebabkan kepercayaan itulah, dia berjaya memimpin KRT Batu Kawa sehingga ke hari ini iaitu kira-kira lebih 20 tahun.

Dia bagaimanapun masih berpendapat rumah adalah tempat sesuai untuk melaksanakan aktiviti bersifat kemasyarakatan meskipun tidak lagi menjadikannya tempat berbincang hal-ehwal komuniti.

Namun dia cuba mempraktikkan apa yang pernah dilakukannya dahulu melalui pendekatan mengadakan lawatan dari rumah ke rumah atau "turun padang" untuk mendekati komunitinya.

Kekurangan Bukanlah Halangan Bangunkan Komuniti Pernah Gunakan Rumah Sendiri... Laksanakan Program KRT

Menurutnya dia tidak mempunyai formula khusus untuk menjadikan KRT pimpinannya itu berjaya kerana segalanya terletak kepada kerjasama kedua belah pihak iaitu di peringkat AJK dan penyertaan komunitinya.

Jelasnya, kini KRT berhadapan dengan cabaran yang besar iaitu untuk meyakinkan masyarakat bagaimana ia masih relevan dengan kehidupan mereka. Sebab itulah, jelasnya "mereka" perlu hampir dengan masyarakat.

Katanya, komuniti boleh mengambil jalan mudah untuk tidak terlibat dalam aktiviti atas alasan kesibukan dengan tugas seharian.

"Kami sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan dengan harapan segala masalah komuniti akan sentiasa dapat ditangani dengan segera dan bijaksana," jelas Ismail.

Sambil mengambil contoh mengenai kejadian kebakaran yang pernah berlaku di RPR Batu Kawah, Ismail menjelaskan KRT kawasan ini dengan segera menghulurkan bantuan kepada mangsa yang terlibat.

"Itulah semangat hidup berkomuniti yang ingin kami tekankan" jelasnya.

Jelas beliau lagi, situasi dan peranan KRT pada tahun 70an tidak boleh disamakan dengan keadaan yang berlaku hari ini. "Kalau dahulu ia lebih bersifat "jaga keselamatan" namun kini beralih kepada konsep kejurangan yang lebih bercorak pembangunan ekonomi dan sosial", jelas Ismail yang turut menyaksikan peralihan tersebut semasa memimpin KRT Batu Kawa.

KRT Batu Kawa mempunyai keluasan 121 ekar merangkumi RPR 1 (49 ekar) dan RPR 2 (seluas 72 ekar). Antara kemudahan awam yang terdapat di KRT Batu Kawa ini ialah masjid, padang bola sepak, Taman Rekreasi, Pusat Khidmat Sosial, Dewan Serbaguna, Sekolah, Perpustakaan Desa dan sebagainya.

Bagi mereka yang belum mengenali Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Batu Kawa mungkin berpendapat ianya tidaklah jauh bezanya berbanding dengan KRT lain di Sarawak mahupun KRT lain di negara ini, namun ada sesuatu menarik yang boleh dipelajari di sini.

KRT Batu Kawa membuktikan kepelbagaian kaum dalam komuniti boleh hidup bertoleransi dan harmoni. Namun tugas melaksanakannya bukanlah sesuatu yang mudah seperti yang disangka kerana mereka turut berdepan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan kemahiran tertentu untuk menanganinya.

"Apa yang menjadikan KRT kami unik ialah kepelbagaian kaum di sini yang tidak menghalang kami daripada bekerjasama dengan baik sekali", jelas Encik Ismail Bin Bujang, Pengerusi KRT Batu Kawa.

Komuniti di sini jelasnya terdiri daripada pelbagai kaum

dan latarbelakang dan KRT yang berperanan memastikan komuniti di sini hidup dengan harmoni.

Terdapat 3,600 penduduk di sini dengan majoritinya kaum Iban/Bidayuh (1,400 orang), diikuti Melayu / Melanau 1150 orang, kaum Cina (800 orang) dan lain-lain kaum (250 orang).

Menurutnya, usaha menyatu padukan penduduk di KRT Batu Kawa perlulah dimulakan di peringkat ahlinya sebelum mengajak penyertaan komuniti keseluruhannya.

Sebab itulah menurutnya, 25 anggota jawatankuasa yang dilantik mewakili semua kaum yang terdapat di sini.

"Kita mengambil pendekatan yang mudah dengan memberi semua ahli jawatankuasa (AJK) peluang yang sama rata dalam melaksanakan aktiviti", jelas Ismail.

"Sebagai contoh, kebiasaannya, kami akan memberi tugas melaksanakan majlis sambutan ini kepada AJK di kalangan kaum yang bukan menyambut perayaan tersebut",

tambah Ismail.

Pendapat ini turut dipersetujui Timbalannya, Wan Madehi Hj Wan Bujang yang menyatakan kebanyakan aktiviti tidak terhad kepada kaum tertentu sebaliknya terbuka kepada semua kaum antaranya seperti taichee dan silat yang mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Kita hendaklah melihat sesebuah komuniti itu sebagai sebuah "keluarga besar", yang kita harus ambil berat antara satu sama lain", jelas Wan Madehi.

Menurutnya, KRT Batu Kawa sungguh beruntung kerana ahli dan komunitinya memahami antara satu sama lain di samping menyokong setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh kaum yang lain.

Asas kekuatan inilah jelasnya menjadikan KRT ini "model unik" bagi KRT lain dalam melihat keadaan sebenar membangunkan komuniti berbilang kaum.

Katanya, KRT Batu Kawa seringkali diberi kepercayaan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) untuk menjadi tuan rumah bagi mengendalikan beberapa majlis utama.



Encik Ismail Bin Bujang, Pengerusi KRT Batu Kawa

Pandangan Pegawai JPN&IN



Wan Noorhasdee bin Wan Arbi

Penolong Pegawai Perpaduan Bahagian Kuching.

"Apa yang membezakan KRT Batu Kawa dengan 71 buah KRT lain yang terdapat di Kuching/Samarahan adalah kesungguhan semangat pengerak KRT bersertakan dengan komuniti di sini yang sentiasa menyambut baik setiap program kerajaan. KRT Batu Kawa boleh dipertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti yang lebih besar dalam usaha melengkapkan usaha kerajaan untuk "membina komuniti" ..."



Encik Muhammad Zhamri bin Haji Sirat

Penolong Perpaduan Bahagian Kuching

"KRT Batu Kawa boleh kita banggakan dalam banyak aspek terutamanya bagaimana mengurus komuniti yang pelbagai dan bukannya mudah untuk duduk bersama berbincang serta mencari kata sepakat sebelum melaksanakan aktiviti dan KRT Batu Kawa telah membuktikan ia boleh !..."

Tenaga pengajar di Tabika Perpaduan disini turut terdiri daripada berbilang kaum

Pencapaian KRT Batu Kawa

- Sijil Anugerah RT terbaik Negeri Sarawak sempena Hari Perpaduan 1994
- Anugerah Rukun Tetangga Cemerlang 1994
- Anugerah Kalung Perpaduan sempena Hari Perpaduan 1995
- Anugerah Jiran Wanita KRT-Jiran Wanita Terbaik 1995
- Anugerah Aktif Jawatan Kuasa KRT Bahagian Kuching/Samarahan 2001
- Tempat ke-2 Anugerah Kualiti RT 2003 (Peringkat Kuching/Samarahan)



dari mukasurat 21

Berbakti Kepada Tanah

petani terhadap konsep pertanian berkelompok.

Ini kerana terdapat banyak masalah berkaitan hak milik tanah, kerjasama, permufakatan dan persefahaman para penduduk terhadap konsep pertanian itu.

Malahan pihak Jabatan Pertanian telah biasa dengan projek pertanian secara individu yang mana ia kelihatan lebih fokus dan mudah untuk diuruskan.

Walau bagaimanapun,



Sanusi Sargini, Pengurus Estet Mongkos

"Peserta skim ladang kelapa sawit SALCRA telah banyak menunjukkan perubahan yang mana mereka kini berusaha keras untuk meningkatkan hasil ladang kerana mereka tahu bahawa hasil yang baik dan banyak akan memberikan pulangan lumayan kepada mereka."

ternyata sistem baru itu juga lebih mudah daripada jangkakan.

Contohnya, tanaman cempedak berkelompok di Rh. Bana Bintulu. Projek yang melibatkan kawasan seluas 40 hektar yang serta 40 peserta rumah panjang itu kini telah menjadi model pertanian berkelompok di Bahagian Bintulu dan juga di Sarawak.

Ia bukan sahaja memudahkan pelbagai jenis bantuan disalurkan kepada kumpulan malah mampu memberikan identiti tersendiri berbanding pengusaha persendirian.

Sehubungan itu katanya, para pembeli, pemborong dan jabatan lebih yakin dengan bekalan berterusan dari kumpulan itu. Kerana itu ia telah banyak membantu pihak jabatan untuk merancang pelan jangka panjang iaitu untuk mewujudkan industri hiliran pada masa akan datang.

Pengalaman SALCRA

Menurut En. Henry Daris, Penolong Pembangunan Masyarakat di Ibu Pejabat

SALCRA, projek pembangunan tanah SALCRA telah dimulakan sejak 1976 dan dipergiat sekitar 1980-an.

Ketika itu banyak salah faham dan kekeliruan wujud di kalangan pemilik tanah tentang konsep pembangunan tanah oleh SALCRA.

Namun, masa terus berlalu sehingga hasrat dan rancangan kerajaan melalui pembangunan tanah SALCRA kian menampakkan hasil.

Objektif tanggungjawab sosial iaitu membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar bandar yang digembar-gemburkan telah menjadi realiti.

Tahun demi tahun para peserta menerima bonus dan dividen sehingga membuka mata dan hati kumpulan yang dahulunya mengambil sikap berkecuali.

Katanya, kini semakin banyak permohonan pembangunan tanah baru diterima oleh pihak SALCRA sehingga mereka tidak dapat meluluskannya kerana kekurangan peruntukan dan tenaga manusia.



Johnny Han, Pembantu Pertanian di Jabatan Pertanian Bintulu

"Pihak jabatan suatu ketika dahulu berhadapan dengan kesulitan menyakinkan petani untuk mengusahakan pertanian sevara berkelompok."



"Pada peringkat awal pengenalan pembangunan tanah SALCRA sekitar pertengahan 1970an dan awal 1980an, banyak kekeliruan dan salah faham di kalangan peserta, Namun kini dengan pulangan bonus dan dividen yang tetap, semakin banyak permohonan untuk menyertai skim ladang SALCRA"

Henry Daris, Penolong Pembangunan Masyarakat di Ibu Pejabat SALCRA

Sementara itu, menurut En. Sanusi Sargini, Pengurus Estet Mongkos, perubahan ketara turut ditunjukkan pada cara bekerja para pemilik tanah. Mereka kini mempunyai disiplin pergi kerja seawal jam 6 pagi dan balik kerja pada pukul 3 petang.

Sebelum ini mereka pergi ke ladang mengikut kemahuan yang sering berubah-ubah setiap hari.

Katanya, semenjak mereka memahami bonus dan dividen tahunan dipengaruhi oleh kuantiti hasil ladang, mereka bekerja keras untuk mencapai matlamat yang disasarkan.

Estet Mongkos yang mempunyai

kira-kira 1,437 orang peserta telah menghasilkan pengeluaran berjumlah 29 juta tan metrik pada tahun 2005.

Jumlah itu menjadikan estet berkenaan penerima dividen terbesar pada tahun 2006 iaitu melebihi RM1 juta. Tahun ini mereka telah meletakkan sasaran kepada 39 juta tan metrik.

Gotong royong, Sokongan Anggota Majukan Perniagaan Koperasi

Kampung Ri-lh Mawang, sebuah perkampungan masyarakat Bidayah yang terletak dalam Daerah Serian atau kira-kira lima minit perjalanan dari Bandar Serian mempunyai sebuah koperasi yang amat berdaya maju.

Sungguhpun baru berusia kira-kira empat tahun iaitu sejak penubuhannya pada 31 Mac 2002, Koperasi Kampung Ri-lh Mawang telah menunjukkan bahawa perniagaan koperasi di kampung mereka juga mampu memberi dividen dan bonus yang lumayan kepada para anggotanya.

Semua itu tercapai berkat usaha gotong-royong dan sokongan yang tidak berbelah-bahagi daripada anggotanya.

Timbul minat

Menurut Encik Dommok Uba, Pengerusi Koperasi Kampung Ri-lh Mawang Bhd., keinginan untuk menubuhkan sebuah koperasi timbul setelah penduduk kampung melihat kebaikan yang diperoleh penduduk kampung berhampiran daripada kedai koperasi yang ada di kampung masing-masing.

Saban tahun, pengumuman peratusan dividen dan bonus koperasi heboh diperkatakan sepertimana juga dividen yang diperoleh pengusaha tanah hak adat Bumiputera (NCR). Keadaan itu telah menjadi pencetus semangat di kalangan penduduk Kampung Ri-lh untuk turut menubuhkan sebuah koperasi.

Lantaran itu, beberapa wakil dari kampung yang juga Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung (AJKKK) Ri-lh Mawang menghadirkan diri dalam kursus anjuran Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) Daerah Serian dan Ibu Pejabat JPK di Kuching.

Dengan penjelasan dan maklumat yang diperoleh, penduduk kampung yang seramai kira-kira 111 orang sebulat suara inginkan penubuhan sebuah koperasi di kampung mereka. Akhirnya Koperasi Kampung Ri-lh Mawang Bhd. didaftarkan pada 31

Mac 2002.

Sebelum penubuhan koperasi, Kampung Ri-lh telah mempunyai tiga buah kedai kampung. Namun, perkhidmatan yang diberikan itu tidak dapat memenuhi keperluan penduduk Kampung Ri-lh yang mempunyai lebih 200 pintu rumah dengan kira-kira 1,000 orang penduduk.

Gotong-royong

Bangunan lama kedai koperasi telah dibina secara bergotong-royong menggunakan bahan binaan seperti buluh, nibong dan belian. Proses membina memakan masa kira-kira seminggu untuk disiapkan.

Kedai koperasi itu menjual pelbagai keperluan harian penduduk kampung terutama barangan keperluan dapur.

Perkembangan yang memberangsangkan dalam perniagaan koperasi menyebabkan bangunan yang dibina oleh penduduk kampung tidak lagi dapat memuatkan lebih banyak barang niaga.

Malah, struktur bangunan yang dibina juga semakin rapuh dan kurang selamat untuk menyimpan barangan jualan.

Sehubungan itu, Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang dipengerusikan oleh Encik Dommok telah memohon daripada JPK untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membina semula bangunan baru.

Tanpa melalui sebarang masalah, permohonan mereka telah diluluskan oleh pihak JPK. Kelulusan segera itu juga berikutan prestasi perniagaan koperasi yang cukup membanggakan sungguhpun baru ditubuhkan.

JPK telah memperuntukkan sejumlah RM45 ribu kepada koperasi. Dengan peruntukan wang sebanyak itu, pihak pengurusan koperasi telah merancang cara terbaik untuk membelanjakannya.

Sekali lagi keputusan sebulat suara dibuat untuk membina bangunan koperasi yang baru secara gotong-royong. Proses membina melibatkan jangkamasa selama 48 hari.

Paling membanggakan, pihak pengurusan koperasi bukan sahaja

ber-jaya membina sebuah bangunan baru yang lebih besar dan selamat, malah turut dapat membina sebuah bilik mesyuarat, stor untuk minyak dan tong gas.

Lebhih an perbelanjaan turut digunakan untuk membeli dua buah peti sejuk bagi menyimpan minuman tin dan makanan beku.

Usaha gigih mereka itu membolehkan perniagaan koperasi dipindahkan ke bangunan baru kedai pada awal tahun ini (2006).

Pencapaian

Koperasi kampung yang baru berjinak-jinak dengan perniagaan runcit itu telah berjaya menawan sokongan penduduk kampung menyertai keahlian koperasi melalui prestasi yang cemerlang.

Hari ini mereka mempunyai kira-kira 142 orang anggota dengan modal syer berjumlah hampir RM10,000.00.

Pada tahun pertama dan kedua operasinya, koperasi telah mampu memberi dividen dan bonus sebanyak 8 dan 10 peratus.

Keuntungan kasar pada 2005 berjumlah RM16,383.14 telah meningkat kepada RM20,997.09 pada tahun ini (tahun kewangan berakhir pada 31 Mac).

Sementara itu, jumlah jualan direkodkan berjumlah RM120,507.35 pada tahun lalu dan RM128,246.15 pada tahun ini.

Perniagaan yang semakin maju juga membolehkan koperasi menggaji dua orang pekerja kedai sepenuh masa.

Perancangan

Encik Dommok melihat bahawa



Antara barang keperluan harian penduduk kampung yang dijual oleh pihak koperasi

Kemudahan serta layanan efisien yang disediakan oleh koperasi telah membantu meningkatkan perniagaan dari tahun ke tahun

penyediaan perkhidmatan enjin padi mempunyai potensi yang amat baik untuk perniagaan koperasi. Ia berikutan majoriti penduduk kampung terlibat dengan aktiviti penanaman padi.

Ketika ini kampung mempunyai empat enjin padi milik individu tetapi perkhidmatan yang disediakan agak terhad.

Sehubungan itu, pihak koperasi merancang untuk membeli enjin padi yang dianggarkan menelan kos kira-kira RM3,000.00 seunit.


Dia juga menjelaskan bahawa kempen akan diadakan untuk menjemput penduduk kampung yang belum menjadi ahli mendaftarkan diri sebagai ahli koperasi.

Ia akan dilaksanakan melalui kiriman surat kepada penduduk kampung yang berkenaan.

Dengan cara ini, dia berharap semua penduduk kampung yang sebelum ini agak keberatan untuk menjadi ahli akan menyertai koperasi demi manfaat penduduk kampung bersama.

Bilangan* Koperasi Mengikut Aktiviti

Aktiviti	Kuching	Samarahan	Sri Aman	Sarikei	Sibu	Kapit	Miri	Bintulu	Limbang
Kewangan	8	1	3	3	1	-	-	-	-
Perumahan	6	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengguna	101	49	41	38	50	12	66	22	18
Pengangkutan	2	2	-	-	-	-	1	-	-
Ternakan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perladangan	1	1	-	-	1	-	2	-	-
Perindustrian	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembinaan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perkhidmatan	8	-	5	4	4	1	5	-	-




tahukah Anda?

Bilangan* Koperasi Mengikut Jenis

Jenis Koperasi	Kuching	Samarahan	Sri Aman	Sarikei	Sibu	Kapit	Miri	Bintulu	Limbang
Dewasa	80	41	30	34	34	7	52	15	10
Sekolah	46	12	19	11	22	6	22	7	8

* Statistik Pada 31 Disember 2005



Rh. Bana, Serakit, terletak di Km. 36 Jalan Bintulu. Sebuah merupakan rumah panjang dan kampung model pertama bagi pembangunan pertanian berkumpulan atau berkelompok di Bahagian Bintulu.

Mereka telah diberi pengiktirafan itu apabila penduduk rumah panjang berjaya mengusahakan kira-kira 35 hektar tanah dengan tanaman koko pada tahun 1987.

Sehingga awal 90-an, rata-rata mereka mampu memperoleh

RUMAH BANA Model Pembangunan Pertanian Berkumpulan

menanam cempedak dari jenis tempatan di sekitar tanah kebun mereka. Selain cempedak, mereka juga mengusahakan tanaman getah, lada, padi dan kolam ikan.

Namun, mereka lebih positif terhadap potensi pada tanaman cempedak. Ketika musim buah-buahan, ramai pembeli tempatan termasuk dari Brunei datang untuk

yang diusahakan secara bergotong-royong.

Menurut Encik Senelus Maja, Penguasa Pertanian Sebauh, pihak Jabatan Pertanian amat mengagumi kerjasama yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Rh. Bana untuk menjayakan projek itu sejak mula lagi.

Nanchem (kombinasi Nangka dan Cempedak).

Kejayaan

Ketika ini tanaman cempedak di Rh. Bana mampu menjana hasil sehingga 40 tan bagi setiap hektar dalam masa setahun. Setiap hektar ditanam dengan kira-kira 123 pokok cempedak.

iaitu buah kering dan 'cucur temedak' iaitu campuran buah dengan tepung.

Perancangan

Ketika ini Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang dalam proses untuk menyalurkan bantuan bagi membuat rumah pengumpulan dan pemrosesan cempedak yang terletak berhampiran rumah panjang.

Buat masa sekarang hasil



En. Senelus Maja menunjukkan keadaan isi buah cempedak Nanchem yang tebal dan manis



Tuai Rumah Bana



En. Entalai Sulau berpuas hati dengan usahanya berbakti kepada tanah



Memberi sepenuh perhatian... para penduduk rumah panjang sentiasa memberikan komitmen tinggi dalam sebarang aktiviti yang dibuat oleh Jabatan Pertanian

pendapatan sekitar RM900 hingga RM2,000 sebulan bagi setiap hektar tanah yang diusahakan.

Malangnya, masalah penurunan harga di pasaran serta serangan penyakit menyebabkan tanaman itu terabai.

Namun, usaha mereka tidak terhenti di situ. Seramai 40 peserta (keluarga) dari rumah panjang itu kemudiannya beralih kepada tanaman cempedak secara berkumpulan di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Bahagian Bintulu pada tahun 2001.

Kali ini ia diusahakan di tanah seluas kira-kira 40 hektar berhampiran dengan rumah panjang mereka.

Bermula tahun itu juga Jabatan Pertanian melalui program selama lima tahun di bawah Projek Pembangunan Pertanian (ADP) telah mula menyalurkan pelbagai jenis bantuan yang diperlukan oleh penduduk.

Beralih Kepada Cempedak

Cempedak merupakan antara tanaman buah yang telah lama ditanam penduduk Rh. Bana yang mempunyai kira-kira 280 penduduk.

Pada mulanya mereka hanya



Pendapatan yang diperoleh para penduduk membolehkan mereka menaiktaraf keadaan fizikal rumah panjang



Kini mereka telah mampu menikmati keselesaan hidup daripada projek tanaman cempedak. Pandangan rumah panjang di bahagian beranda

membeli cempedak mereka. Aktiviti itu sahaja mampu memberikan mereka pendapatan antara RM1 hingga RM3 sebiji.

Berikutan itu mereka berusaha mendapatkan bantuan daripada Jabatan Pertanian. Akhirnya projek itu dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) melalui Projek Pembangunan Pertanian secara berkelompok Jabatan Pertanian.

Projek itu disertai oleh 40 keluarga yang mana setiap keluarga mempunyai tenaga kerja antara tiga hingga lapan orang.

Setiap keluarga juga telah memperuntukkan seluas satu hektar tanah bagi tanaman cempedak

Kerana itu katanya pihak Jabatan tidak mempunyai sebarang masalah untuk menyalurkan pelbagai jenis bantuan termasuk kewangan yang sehingga kini berjumlah kira-kira RM156,400.

Begitu juga dengan sambutan dan komitmen yang ditunjukkan ketika penganjuran kursus in-situ yang melibatkan para pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian Bahagian Bintulu yang telah datang memberi ceramah dan latihan praktikal pada tahun 2003.

Tiga baka cempedak telah disarankan oleh Jabatan Pertanian untuk ditanam di situ iaitu jenis CH 28, Cempedak Durian dan

Bilangan itu mampu memberi pendapatan sehingga RM40,000 bagi tiap hektar setahun jika harga pasaran ialah RM1 sekilogram.

Namun, di sini buah cempedak yang diberi grad A dengan berat 9 kg ke atas mampu dijual dengan harga RM4 sekilogram.

Tiga jenis baka cempedak yang diusahakan itu juga akan mencapai kematangan pada tahun keenam hingga kelapan selepas ditanam.

Di samping itu, ia juga mampu mengeluarkan hasil selepas satu setengah tahun ditanam sehingga mencapai usia 30 tahun.

Selain menjual buah segar, penduduk Rh. Bana juga memproses isi cempedak yang dijadikan 'leking'

cempedak yang dihasilkan tidak mempunyai masalah pemasaran, sebaliknya tidak dapat memenuhi keperluan pengguna.

Hasil buah itu ada yang dijual terus kepada penjual di Sebauh, Bintulu dan ladang berhampiran, dibeli oleh Pertubuhan Peladang Bintulu, dijual oleh wakil pengedar di Brunei dan baru-baru ini ialah kerjasama daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

FAMA telah memulakan pembelian buah cempedak pada harga RM2 sekilogram untuk pasaran di luar Bintulu.

Kejayaan cemerlang projek berkelompok tanaman cempedak itu memang harus dihargai. Justeru, kejayaannya merangkul tempat kedua projek pertanian berkelompok sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) 2005 bukanlah di luar dugaan.

Kerana itu kejayaannya dalam mencapai matlamat untuk meningkatkan pendapatan petani turut menjadikannya model kejayaan projek pertanian di Bahagian Bintulu untuk dijadikan panduan oleh pihak yang ingin menceburi bidang pertanian berkelompok.

dari muka surat 5

HR Focal Points

Mesyuarat Sumber Manusia HR Manager dan HRD Focal Point.

YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariff dalam ucapan perasmian Mesyuarat Sumber Manusia HR Manager dan HRD Focal Point, Ogos 2006 yang lalu di Kuching, menyatakan bahawa adalah penting bagi setiap mereka yang telah dilantik sebagai HR Manager dan HRD Focal Point untuk berkongsi pandangan, pengetahuan dan pengalaman di kalangan mereka.

Menurut beliau lagi, usaha ini bukan sahaja dapat mengeratkan lagi interaksi di kalangan sesama mereka malah dapat bertindak sebagai forum untuk mereka bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia sama ada berkaitan dengan permasalahan umum yang sering dialami mahupun penemuan atau kaedah baru pengendalian dan pengurusan sumber manusia yang dapat memberikan manfaat kepada semua.

Pada mesyuarat yang dihadiri

kira-kira 200 peserta itu, YBhg. Datu Abdul Ghafur turut membentangkan satu kertas kerja bertajuk Reinventing HRM yang mana beliau menyatakan bahawa kini para pengurus sumber manusia terutama di dalam perkhidmatan awam berhadapan dengan beberapa cabaran dalam menjalankan tugas mereka itu.

Cabaran-cabaran yang beliau maksudkan antara lain ialah globalisasi, yang mana elemen ini kini menjadi suatu yang sukar untuk dielakkan. Kesan globalisasi ini banyak mempengaruhi cara kita bekerja dan membuat keputusan serta cara orang lain berurusan dan mentafsir sesuatu perkara.

Beliau juga menekankan pentingnya kepada memberikan keutamaan untuk bertindak ke atas keperluan pelanggan.

Kewujudan organisasi kita adalah kerana adanya pelanggan yang memerlukan perkhidmatan kita.

Oleh yang demikian usaha ke arah penambahbaikan perkhidmatan

perlu dilakukan selalu. Untuk itu sumber manusia yang ada perlu sentiasa diberikan peringatan serta dorongan agar terus berusaha untuk memperbaiki cara melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan.

Selain daripada itu, Datu Abdul Ghafur juga menggesa para pengurus sumber manusia khususnya dan penjawat awam amnya untuk sentiasa berubah mengikut situasi semasa agar dengan itu transformasi perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan yang bermutu dan memuaskan hati pelanggan dapat dicapai.

YBhg. Datu Abdul Ghafur dalam masa yang sama juga menggariskan beberapa strategi yang boleh diguna pakai oleh para pengurus sumber manusia yang dapat menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan berkesan.

Menurut beliau para pengurus sumber manusia harus bertindak mengurus sumber manusia yang ada di organisasi masing-masing secara keseluruhannya.

Para pengurus perlu tahu atau pandai 'membaca' atau menilai tingkah

laku dan personaliti seseorang individu terhadap tugas yang diberikan.

Dari situ, para pengurus dapat mengenal pasti kekuatan atau kelebihan yang dimiliki seseorang itu dan dengan itu ianya dapat dipupuk dan digunakan untuk menggalakkan individu berkenaan menzhahirkan mutu kerja yang terbaik.

Untuk itu adalah penting sumber manusia yang ada diberikan sedikit kebebasan untuk menggunakan daya kreativiti dan inovasi mereka dalam menjalankan tugas masing-masing. Dengan berbuat demikian, anggota organisasi akan berasa mereka dihargai dan ini akan melahirkan perasaan bangga ke atas sumbangan yang mereka berikan kepada organisasi mereka.

Perasaan ini seterusnya jika dipupuk selalu akan membolehkan



Mesyuarat Sumber Manusia HR Manager dan HRD Focal Point dihadiri kira-kira 200 peserta dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri Sarawak

seseorang individu itu mampu melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya melebihi jangkaan kita. Dalam erti kata lain, perkhidmatan yang diberikannya sentiasa cemerlang dan terbaik.

Pada mesyuarat yang sama, turut dibentangkan mengenai grad sisipan baru, pencapaian e-prestasi, pencapaian atau keaktifan Majlis Bersama Jabatan dan pelaksanaan HRMIS dalam perkhidmatan awam negeri Sarawak.

Sebenarnya keperluan kepada penggunaan teknologi ini semakin kritikal lebih-lebih lagi dalam persaingan dunia globalisasi masa kini.

Maka pada hari ini, mahu tidak mahu, masyarakat kita perlu dan mesti diberi pendedahan serta kemahiran untuk menggunakan TEKNOLOGI sebagai salah satu cara dan kaedah utama untuk berkomunikasi.

Kalau tidak kita akan ketinggalan.

Menyedari akan perkara ini, Pejabat Daerah Bintulu telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan satu sudut yang dikenali sebagai SUDUT ICT Pejabat Daerah Bintulu.

Sebenarnya, usaha ini telah dikelolakan oleh Jabatan Ketua Menteri di dalam usaha pihak Kerajaan Negeri ini untuk

Sudut ICT Pejabat Daerah Bintulu

Artikel sumbangan Jeffrey Jalong, Pejabat Daerah Bintulu

memberi peluang dan pendedahan teknologi komunikasi maklumat kepada orang awam, para pelajar mahupun para usahawan yang ingin mencari peluang-peluang pendidikan dan ekonomi melalui laman-web khas yang telah disediakan oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Ketua Menteri.



Sudut ICT Pejabat Daerah Bintulu

Ini amat sesuai dan selari dengan hasrat kerajaan negeri ini untuk menyalurkan segala maklumat berhubung dengan projek pembangunan, program pembangunan sosial, pendidikan dan ekonomi negeri ini secara telus, tepat, terkini dan bermaklumat.

Dengan adanya kemudahan seperti yang diperkenalkan melalui www.sarawaknet.gov.my

Visi kerajaan untuk menjadikan corak pentadbiran negeri ini sebagai e-Kerajaan atau Kerajaan Elektronik.

Menariknya, kemudahan ICT seumpama ini adalah merupakan usaha yang julung-julung kalinya diperkenalkan di Pejabat Daerah Bintulu khususnya dan di setiap Pejabat Daerah di Negeri ini secara amnya.

Sejak mula diperkenalkan kepada orang ramai pada awal Julai 2006 yang lalu, Sudut ICT Pejabat

Daerah Bintulu telah mendapat sambutan yang positif khususnya dari kalangan lepasan pelajar SPM, STPM, IPTA dan IPTS. Sistem Teknologi Maklumat yang terdapat dalam Sudut ICT Pejabat Daerah Bintulu ini juga menyediakan sumber maklumat yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan.

Maka kepada para usahawan yang baru mula hendak menceburi diri dalam dunia keusahawanan adalah amat digalakkan untuk melayari laman web yang tersedia di Sudut ICT Pejabat Daerah Bintulu ini.

Antara kemudahan dan peluang menarik yang terdapat di dalam sistem ICT ini ialah ianya turut menyediakan satu Sistem Pengkalan Data yang membolehkan para pelajar atau lepasan graduan untuk mengisi

maklumat pendidikan dan peribadi mereka dalam sistem ini.

Maklumat yang telah diisi akan disalurkan terus ke Unit Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri untuk perhatian dan tindakan lanjut. Dari segi manfaat dan faedah, mereka yang menggunakan sistem ini pastinya akan lebih mudah dan cepat dihubungi oleh pihak kerajaan untuk tujuan kursus dan latihan atau juga untuk tujuan pekerjaan.



Kerja-kerja Memasang Peralatan ICT oleh saudara Andrew Ambon

Masyarakat Penan Muslim, Kampung Penan Muslim, Batu 10, Jalan Bintulu-Miri, Bintulu

(sumber maklumat daripada En. Raini Bin Piee)

Latar Belakang Masyarakat Penan Muslim

Untuk pengetahuan ramai, masyarakat Penan muslim berasal dari kawasan Sungai Sebieu yang berdekatan dengan perkampungan ini. Asal-usul ini diberitahu mengikut cerita nenek moyang mereka dahulu. Kebanyakan muda mudi Penan sendiri tidak tahu akan asal usul mereka.

Perbezaan antara masyarakat Penan dengan Orang Ulu Terdapat banyak perbezaannya, terutamanya sebelum dan selepas menganut Islam. Sebelum menganut Islam, seperti kebanyakan masyarakat Orang Ulu, Penan juga mengamalkan amalan tradisional seperti adat miring, adat ketika pengebumian dan sebagainya. Bezanya masyarakat Penan dengan Orang Ulu yang lain ialah masyarakat Penan bersirat, lebih kurang seperti pakaian kaum lelaki Iban.

Begitu juga dari segi bahasa, tidak sama. Selepas memeluk agama Islam, masyarakat Penan lebih cenderung menggunakan dialek Melanau Bintulu berbanding bahasa ibunda mereka. Cuma masyarakat tua yang masih menggunakan bahasa Penan. Itupun bilangan mereka boleh dikira dengan jari.

Masyarakat Penan zaman dahulu tidak suka bergaul dengan orang lain termasuk sesama sendiri malah masih terdapat sebilangan mereka mengamalkan kehidupan begini. Fenomena ini dapat

dilihat terutamanya di Baram. Bagaimanapun, ada juga di antara mereka yang telah jauh berubah malah dikenali ramai seperti Datuk Asan Sui yang melibatkan diri dalam bidang perladangan kelapa sawit.

Selepas memeluk agama Islam, masyarakat Penan Muslim mula meninggalkan amalan tradisional nenek moyang mereka kecuali amalan perubatan iaitu amalan berbayuh.

Perbezaan masyarakat Penan dahulu dan sekarang dari segi sosial, ekonomi dan sebagainya. Dahulu masyarakat Penan tidak gemar berpakaian sebaliknya hanya bersirat tetapi sekarang ini mereka mengikuti perkembangan fesyen terutamanya di kalangan belia dan remaja.

Dari segi ekonomi pula, kalau 100 tahun lampau, masyarakat Penan bergantung kepada kesuburan tanah untuk bercucuk tanam sekaligus mengamalkan kehidupan secara nomad, tetapi kini mereka hanya bercucuk tanam untuk keperluan sendiri. Malah ada di kalangan mereka telah menjawat jawatan tinggi dalam agensi kerajaan dan perniagaan.

Dari segi sosialnya pula, Alhamdulillah, sekarang ini masyarakat Penan telah mengamalkan sikap bersatu padu dan telah menikmati pelbagai kemudahan seperti bekalan air, elektrik dan sebagainya.

Kewujudan Kampung Penan Muslim Menurut cerita En. Raini B Piee, perkampungan ini mula

dijwujudkan pada tahun 1968 oleh bekas ketua kampung terdahulu iaitu ayahnya sendiri, En. Piee Bin Miring. Pada awal pembukaan perkampungan tersebut, hanya terdapat 33 keluarga tetapi jumlah tersebut mula bertambah dari tahun ke tahun. Kini terdapat 132 buah rumah dengan jumlah penduduk seramai 633 iaitu 198 orang lelaki dewasa, 177 orang perempuan dewasa, 95 orang kanak-kanak lelaki, 77 orang kanak-kanak perempuan, 29 orang remaja lelaki dan 57 orang remaja perempuan.

Dari jumlah tersebut juga, kira-kira 276 terdiri daripada golongan pelajar, 127 orang berkhidmat dalam sektor swasta sementara 25 lagi menjawat pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam.

Kemudahan Infrastruktur Yang Disediakan Oleh Kerajaan Kalau hendak dikira, terlalu banyak kemudahan atau projek yang telah diberi oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk kampung ini. Antaranya, kemudahan balai raya, padang bola sepak, pusat sumber, Taman Didikan Hikmah, Kelas KEMAS selain kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air bersih dan baru-baru ini kemudahan jalan kampung yang sedang dinaikkan taraf.

Bagaimanapun, 87 keluarga masih menunggu pelaksanaan projek bekalan elektrik dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar walaupun surat kelulusan dari Kementerian berkenaan telah diperolehi dan tarikh pelaksanaan projek tersebut belum dipastikan.

kelab bersama keluarga masing-masing. Kehadiran anak-anak yang turut serta dalam lawatan ini telah menambah seri dan makna pada kunjungan pada kali ini yang jelas terpancar pada riak wajah keriang dan gembira anak-anak ini.

Bagi penulis dan kebanyakan ahli rombongan, destinasi yang bakal dikunjungi pastinya menjanjikan seribu satu keindahan. Rasanya tak sabar-sabar hendak sampai.

Cadangan awal lawatan ialah kunjungan terus ke Empangan Batang Ai di Daerah Lubok Antu. Namun salah

Profil Kampung Penan Muslim

Nama kampung

: Kampung Penan Muslim Batu 10, Jalan Bintulu Miri, Bintulu

Keluasan keseluruhan kampung

: 173 ekar @ 70.01 hektar (27 blok - 162 lot)

Nama ketua kampung

: Raini B Piee (Pemangku)

Nama Pengerusi JKKK

: Raini B Piee (Pemangku)

Bilangan rumah

: 132 buah

Bilangan penduduk

: 633 orang

Bilangan rumah sudah siap/ belum siap/tidak didiami

: 25 buah

Bilangan rumah belum ada bekalan elektrik

: 60 buah

Bilangan rumah belum ada bekalan air paip bersih

: 40 buah

Kemudahan asas yang ada

- i. Surau Darul Falah
- ii. Balai Raya
- iii. Pusat Sumber
- iv. Perpustakaan Mini
- v. Tadika Hikmah
- vi. Kelas Agama
- vii. Kelas KEMAS
- viii. Kelas PPWS
- ix. AIM
- x. Kedai Runcit - 3 buah
- xi. Jalan Kampung (sedang dinaik taraf)
- xii. Padang Bola Sepak
- xiii. Bekalan Air Paip Bersih
- xiv. Bekalan Elektrik
- xv. Kumpulan Hadrah
- xvi. Kumpulan Zikir

Penglibatan Golongan Belia Dalam Kegiatan Sosial Alhamdulillah, kegiatan tidak sihat dan bermoral di kalangan belia di sini semakin berkurangan. Hasil ini merupakan berkat daya usaha keras dan kerjasama ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Melalui JKKK ini, segelintir daripada mereka yang terlibat telah dikenal pasti dan diberi kaunseling.

Pencapaian Pendidikan

Dari segi pencapaian pendidikan, jumlahnya agak menggalakkan. Setakat ini, kampung ini telah memiliki dua orang pemegang ijazah, enam pemegang diploma dalam pelbagai jurusan dan sebahagian lagi masih menuntut di peringkat sekolah kebangsaan dan menengah dan juga di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Kelab RANDO Bintulu Luangkan Masa Melawat Rumah Anchang Kana, Sg. Muding Saratok

Artikel sumbangan Jeffrey Jalong, Pejabat Daerah Bintulu

Pada 18 Ogos 2006 yang lalu, ahli Kelab RANDO Bintulu telah singgah melawat Rumah Anchang Kana, Sg. Muding Saratok dalam rangka lawatan kami ke Empangan Hidro Batang Ai di Lubok Antu. Walaupun perjalanan sejauh lebih kurang 400 kilo meter dari Bandar Bintulu yang sesungguhnya meletihkan namun di sebalik semua keletihan ini, tersimpan satu rahsia indah dan misteri yang begitu mencuit hati! Kata pujangga, *sekali pergi..., nak lagi!* Lawatan Kelab RANDO Bintulu ke Saratok dan



Ahli rombongan sedang dihidangkan dengan jamuan petang sebaik sahaja tiba di Rh. Anchang Kana

Lubok Antu pada kali ini telah disertai oleh seramai 31 orang ahli



Tr. Anchang ak Kana (paling kiri), bersama JKKK beliau

seorang daripada ahli rombongan yang berasal dari Rumah Anchang Kana, Saratok telah menjemput agar ahli rombongan turut mengadakan lawatan ke rumah panjang beliau.

Pastinya pelawaan ini amat dialu-alukan oleh semua ahli rombongan Kelab. Akhirnya pada

tarikh 18 Ogos 2006, kira-kira jam 11.00 pagi, seramai 26 orang ahli rombongan termasuk anak-anak bertolaklah ke destinasi yang dituju. Kira-kira jam lima petang kami selamat sampai di Rumah Anchang Kana dan disambut oleh Tuai Rumah Anchang ak Kana bersama-sama dengan AJKKK beliau dengan penuh kemesraan.

Melihat keadaan sekeliling di Rumah Anchang Kana, rumah panjang ini tidak ketinggalan dari arus pemodenan.

Antara kemudahan yang

bersambung di mukasurat 30



Sukan Komuniti . . . Membudayakan Sukan Bermula Di Peringkat Akar Umbi

pemain terbaik dunia dan menjuarai enam (6) perlawanan melibatkan Terbuka Kuala Lumpur, Terbuka Kuwait, Terbuka Belanda, Terbuka Malaysia, Terbuka British, Terbuka Dunia di Hong Kong.

Pencapaian cemerlang turut hadir menerusi badminton apabila lima (5) kejuaraan perseorangan milik negara menerusi Hafiz Hashim di Terbuka Switzerland, Thailand dan Belanda Malaysia dan Denmark.

Kejayaan memberangsangkan kontinjen negara pada temasya Sukan Sea di Manila pada tahun lepas meraih 61 pingat emas, 50 perak dan 64 gangsa turut membanggakan kita. Banyak lain sukan yang mempamerkan kecemerlangan antaranya seperti olahraga, renang, gimnastik artistik dan gimrama.

Bagaimana pula dengan sukan massa (melibatkan masyarakat secara menyeluruh)?

Kita masih kurang membudayakan

melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil tindakan drastik memperkenalkan Liga Sukan Komuniti bermula Mei tahun ini (2006)

Liga yang mengambil tempoh pelaksanaan selama empat bulan bagi sesebuah kawasan ini membabitkan 567 Dewan Undangan Negeri (DUN) serta 13 kawasan Parlimen.

Sudah tiba masanya kita membudayakan sukan serta menjadikannya sebahagian daripada gaya hidup kita.

Pendekatan Liga Sukan Komuniti dilihat sebagai pendekatan proaktif kerajaan dalam mengalakkan secara langsung penglibatan masyarakat dalam sukan dengan mengambil kira minat masyarakat.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, YB Datuk Azalina Othman, liga Sukan Komuniti diwujudkan dengan meletakkan sasaran melahirkan ramai bakat muda yang berpotensi di peringkat akar umbi yang pastinya suatu hari kelak boleh mewakili negara.

Kalau ditinjau dari aspek lain, liga sukan komuniti ini bukan sekadar membudayakan sukan, malah lebih penting ia dapat memperkukuhkan semangat perpaduan rakyat pelbagai kaum dan "mengetegrasikan" komuniti dalam sesuatu kawasan melalui aktiviti bersukan.

Malah Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pernah menyuarakan pelaksanaan program itu antara langkah terbaik untuk melahirkan modal insan yang memiliki minda cerdas dan kesihatan yang baik.

Sebagai menyokong program ini, kerajaan turut bersetuju untuk membina Kompleks Sukan Komuniti (KSK) di setiap kawasan DUN dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) seperti yang diumumkan Perdana Menteri dalam Bajet 2007 baru-baru ini.

Perkara ini turut diperjelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengumumkan bahawa Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah memutuskan 50 buah kompleks sukan komuniti akan dibina di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Liga Sukan Komuniti anjuran KBS mempertandingkan enam jenis sukan

iaitu badminton, bola tampar, bola jaring, futsal, sepak takraw dan bola keranjang yang diadakan hampir setiap hujung minggu. Walaubagaimanapun cuma empat aktiviti yang diadakan.

Pemilihan jenis sukan tersebut adalah berdasarkan kepopularan sukan berkenaan di peringkat akar umbi di samping mudah untuk dikendalikan.

Penganjurannya membabitkan



Sukan badminton, antara sukan yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia



Bakat muda dalam sukan pemotoran, lahir daripada program pembangunan sukan yang terancang

komuniti tempatan secara keseluruhan dengan masing-masing diberi tanggungjawab dalam melaksana dan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan berkaitan dengan Sukan Komuniti di kawasan yang dipertandingkan.

Penyertaan bagi liga itu terbuka kepada komuniti tempatan, kelab sukan komuniti, kelab belia dan pasukan individu. Ia terbuka kepada semua lapisan masyarakat tidak mengira bangsa, agama, status seseorang serta dibuka kepada peserta berusia 15 tahun ke atas kecuali badminton yang terbuka kepada peserta berusia 19 tahun ke atas.

Liga yang berlangsung peringkat DUN ini menawarkan hadiah sebanyak

OBJEKTIF UTAMA LIGA SUKAN KOMUNITI

- Membudayakan sukan didalam aktiviti masyarakat Malaysia.
- Mencungkil bakat-bakat baru dan muda didalam bidang sukan

RM500 untuk juara diikuti RM300 (kedua), RM200 (ketiga) dan RM100 (keempat).

Setiap kelab yang ditubuhkan terlebih dahulu perlu didaftarkan dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Melalui pengujudan Kelab-Kelab Sukan Komuniti ini diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan agar sukan akan kembali "segar" bermula di peringkat komuniti lagi.

Sejak diperkenalkan pada Mei lalu (sehingga September) sejumlah 249,188 peserta membabitkan 27,247 pasukan beraksi pada Liga Sukan Komuniti di seluruh negara.

Di Sarawak terdapat 61 Kelab Sukan Komuniti telah ditubuhkan dengan setakat ini 60 kawasan DUN yang telah mengendalikan sukan berkenaan.

Berdasarkan statistik sehingga kini, program tersebut mendapat sambutan yang mengalakkan dengan penglibatan 567 Kelab Sukan.

Minat orang ramai terhadap sukan juga semakin meningkat dengan setiap hujung minggu ada saja perlawanan berlangsung sehingga terdapat cadangan baru-baru ini untuk melanjutkan aktiviti sehingga ke waktu malam.

Penganjuran liga itu diharap dapat menjadi pencetus kepada usaha meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukan ke arah merealisasikan masyarakat berbudaya sukan.

Pada akhirnya, segalanya terletak kepada masyarakat itu sendiri bagaimana untuk menghargai pelaburan besar kerajaan dengan menterjemahkannya kepada pencapaian cemerlang sukan negara ke peringkat antarabangsa.

Perkembangan sukan negara di peringkat antarabangsa tidak pernah sepi daripada pelbagai kritikan merujuk kepada prestasi tidak konsisten yang dipamer para atlet dalam beberapa sukan tertentu.

Sukan penting bukan sahaja dalam melahirkan rakyat yang cergas dan cerdas dari segi kesihatan malah meningkatkan produktiviti negara, malah meningkatkan tukaran wang asing melalui penganjuran aktiviti berprestij dunia.

Menyedari negara perlu menjadi "kuasa sukan", Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan juga memutuskan untuk memperkenalkan sukan teras yang terdiri daripada lapan (8) jenis sukan seperti akuatik, badminton, bola sepak, baling, gimnastik, hoki, olahraga dan skuasy

Pembangunan sukan teras ini turut diperluaskan ke setiap bahagian dan daerah dalam usaha pencarian bakat dalam sukan berkenaan.

Bagi memastikan negara tidak ketandusan "bintang", kerajaan juga giat mewujudkan sekolah sukan, yang dalam masa yang sama bertindak sebagai gelanggang mencari pelapis baru bagi memastikan kita tidak ketandusan.

Mengapakah prestasi tidak konsisten ini masih berlaku? Di manakah silapnya kita? Walaupun negara pernah melakar kejayaan dalam beberapa sukan terpilih namun ia lebih bersifat sukan berprestasi tinggi ataupun program pembangunan sukan intensif.

Kita boleh saksikan kecemerlangan tersebut antaranya kehebatan pemain skuasy negara, Nicol Ann David, pada tahun lepas sahaja yang mengharumkan nama negara setelah dinobatkan selaku



Tanpa mengira usia, sukan perlu dipupuk di peringkat awal

sukan yang melibatkan semua masyarakat sehingga ke tahap mereka boleh menerima sukan itu sebahagian daripada gaya hidup.

Bak kata pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungnya", pencarian bakat terpendam seharusnya bermula pada peringkat usia yang muda.

Mengambil contoh kebanyakan negara maju, antaranya Amerika Syarikat, Korea Selatan, China dan Jepun, negara ini mencari "jaguh" sukan bermula dengan menanam semangat dan budaya sukan pada peringkat yang awal.

Menyedari pentingnya, sukan dihayati semua peringkat usia, kerajaan

Rumah Anchang Kana Unik

kesemua ahli rombongan sedar akan wujudkan tiga ruangan yang terdapat pada bahagian yang

biasanya dikenali sebagai "ruai" di rumah panjang masyarakat Iban.

Menurut Tuai Rumah Anchang Kana, antara peranan "Tempua" adalah sebagai laluan untuk penduduk rumah panjang mengunjungi dari satu bilik ke satu bilik yang seterusnya.

"Ruai" pula antaranya menjadi tempat untuk menyediakan tempat jamuan, menjalakan majlis dan aktiviti rasmi dan "Pantal" pula menjadi ruang untuk berbincang dan berbual-bual sesama penduduk dan para pengunjung yang datang bertandang ke rumah panjang berkenaan.

Jelasnya, setiap ruang tersebut di atas mempunyai fungsi tersendiri dan

sedia difahami oleh penduduk di rumah panjang ini. Lantas adat dan budaya bersopan santun di rumah panjang ini amat terpuji, menariknya sistem ini telahpun diamalkan sejak ratus tahun yang lampau, namun terus diamalkan sehinggalah ke hari ini.

Semasa menyampaikan ucapan beliau, Tr. Anchang ak Kana amat berterima kasih kepada ahli rombongan kerana telah sudi mengadakan kunjungan ke rumah panjang beliau.

Tambahnya, lawatan ini sesungguhnya amat dihargai oleh semua penduduk rumah panjang apatah lagi rombongan yang datang jauhnya dari Bintulu. Tambah beliau, melalui kunjungan seumpama ini, bukan sahaja jalinan silaturahmi dan persahabatan terjalin, perkongsian tentang khabar berita dan maklumat pembangunan semasa di antara penduduk, JKKK kampung dengan ahli rombongan juga antara manfaat yang diperolehi.

Bagi penulis, kunjungan ke rumah panjang Rh. Anchang Kana pada 18



Seni menenun terus dikekalkan dan kemahirannya bukan sahaja terhad kepada kaum wanita, kaum lelaki juga boleh

Ogos 2006 yang lalu sesungguhnya banyak meninggalkan kenangan manis buat semua, dalam masa yang sama mengingatkan penulis serta semua ahli rombongan untuk memelihara setiap cebisan warisan seni adat dan budaya masyarakat kita.

Menjalinkan silaturahmi dan persahabatan sesama penduduk dan ahli rombongan adalah sebahagian daripada manfaat yang diperolehi hasil kunjungan ini, namun di sebalik kunjungan ini juga sebenarnya memberi kita ruang dan peluang untuk berhenti dan melihat sejenak persekitaran tempat kunjungan, yang baik untuk dijadikan sebagai bekal serta teladan ke arah pembinaan modal insan yang cemerlang gemilang dan terbilang.

dari mukasurat 29

ada di sini, selain jalan berturap, kemudahan asas dan awam seperti lampu jalan, bekalan elektrik SESCo, bekalan air bersih terawat, kemudahan telefon, sistem perparitan konkrit dan banyak lagi.

Antara perkara yang sangat menarik perhatian semasa kunjungan ialah rupa bentuk (reka bentuk) bahagian ruai rumah panjang ini. Berbanding dengan reka bentuk bagi rata-rata rumah panjang masyarakat Iban di Bintulu, kelainan yang amat ketara dan tidak terdapat pada rumah panjang Iban di Bintulu ialah wujudnya dua tiang di tengah-tengah ruang ruai di Rumah Anchang Kana.

Walaupun rumah panjang ini menampilkan rupa bentuk yang serba moden dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur, asas serta sosial yang baik, namun penduduknya tidak pernah melupakan adat asal masyarakat Iban Sarawak iaitu mengekalkan ciri-ciri reka bentuk yang dikenali sebagai ruang "Tempuan", "Ruai" dan "Pantal" di rumah panjang ini.

Sehinggalah ke hari kunjungan ini, barulah penulis dan rata-rata



Berbanding dengan reka bentuk kebanyakan rumah panjang masyarakat Iban Rumah Anchang Kana mempunyai dua tiang di tengah-tengah ruai



Tr. Anchang Kana (kanan) menerima cenderahati daripada Pengerusi Kelab RANDO Bintulu

Kejayaan menghasilkan *Belitech Applicator* ini bolehlah dianggap sebahagian hasil kejayaan gandingan dua kepakaran yang terdiri daripada pakar akademik dan tenaga pekerja di Unit Ladang, UiTM Sarawak.

Sepuluh orang (10) anggota Kumpulan KMK Belian, 3 daripada mereka adalah golongan akademik yang kebanyakannya adalah pensyarah pengurusan ladang manakala selebihnya pekerja di unit ladang. Inovasi ini terhasil hasil gabungan idea pensyarah dan pekerja di unit ladang. Siapa sangka mereka berjaya menghasilkan *Belitech Applicator*.

"Kami memilih projek berkaitan perladangan disebabkan itulah sebahagian daripada tugas kita", jelas Encik Abdul Rahim Mohd Noor, salah seorang ahli Kumpulan Belian yang juga pekerja di Unit Ladang.

"Projek yang kami usahakan *Belitech Applicator* berperanan memudahkan tugas kami disini", jelasnya

Menurut Abdul Rahim, berdasarkan pengalaman yang diperolehi ketika bekerja di Unit Ladang sedikit sebanyak membantunya menerangkan kepada ahli kumpulannya yang lain bagaimana dapat melaksanakan sesuatu ciptaan itu dengan berkesan.

Jelasnya, dia menganggap penglibatannya dalam KMK adalah pengalaman baru bagi dirinya terutama dalam penghasilan beberapa ujikaji dan pembentangan hasil kerja.

Dia menganggap ini adalah sebahagian daripada usaha penyelidikan yang berkaitan dengan kerjanya di Unit Ladang.

Pada perspektif para akademik pula, Zulkifli Aswan, Pengurus Unit Ladang selaku fasilitator pula berkata gandingan ini amat berjaya disebabkan para akademik memiliki pengetahuan yang lengkap mengenai sesuatu hasil tanaman manakala para pekerja memiliki kemahiran serta mengetahui selok-

Gabungan Idea dan Usaha Hasilkan Inovasi Praktikal



belok secara praktikal. "Sekiranya digabung kemahiran ini secara teori dan praktikal, kita akan mempunyai gambaran yang jelas mengenai apa yang kita laksanakan", jelas Zulkifli.

Menurut Zulkifli lagi, kebanyakan ahli kumpulan terutamanya pekerja di unit ladang mempunyai banyak idea namun mereka kurang mengetahui bagaimana cara untuk mengembangkannya dan disinilah

staf di samping menepis tanggapan bahawa inovasi itu hanya boleh dilakukan di peringkat atas, namun golongan pekerja peringkat rendah juga mampu untuk menyumbang idea.

KMK berupaya memberikan motivasi kepada pekerja dengan menghargai idea dan penglibatan mereka dalam kumpulan.

Menurut Abdul Rahman Sali selaku Ketua Kumpulan pada permulaannya memang agak sukar untuk mengendalikan KMK disebabkan kebanyakan ahli adalah baru dan mempunyai latar belakang 2 (dua) tugas yang berbeza.

Namun setelah melalui beberapa perbincangan dalam kumpulan, pengajuran bengkel KMK dan perbincangan dan akhirnya pemahaman mereka mengenai konsep



Salah seorang pekerja di Unit Ladang, Encik Abdul Rahim Mohd Noor sedang menunjukkan cara betul menggunakan "Belitech Applicator"

letaknya peranan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) membantu mereka.

"Kebanyakan ahli kumpulan yang terdiri daripada pekerja memiliki banyak idea yang bernas dan disinilah kita sebagai pakar akademik membantu mengilap dan merealisasikan idea berkenaan", jelas Zulkifli.

Apa yang menariknya, tambah beliau KMK memberikan kepuasan kepada semua ahli terutama apabila sesuatu idea itu diterima pakai oleh kumpulan.

Selain itu, KMK bertindak sebagai platform bagi mencambah idea dan meluaskan pemikiran di kalangan ahli.

Secara tidak langsung, menurut beliau KMK ini boleh dijadikan platform menyatukan

KMK semakin jelas. Ini mewujudkan suasana yang memudahkan pelaksanaan tugas untuk projek yang dirancang.

"Bagi kami, di kalangan ahli akademik, ini dilihat sebagai sebahagian daripada penyelidikan dan pihak pengurusan sentiasa mengalakkan ahli terlibat secara langsung dalam bidang reka-cipta dan penyelidikan."

Masalah masa juga antara cabaran besar dalam kumpulan ini yang disebabkan kebanyakan para akademik mempunyai jadual pengajaran yang ketat manakala pekerja yang terpaksa mengurus tugas mereka di ladang.

Walaupun berdepan dengan kekangan masa, masing-masing cuba mencari ruang yang sesuai untuk mengadakan perjumpaan.

Salah satu cara mengatasinya ialah dengan menganjurkan bengkel agar mereka dapat berkumpul bersama dan berbincang.

KMK turut menuntut kepada pengorbanan yang besar iaitu bertugas di luar waktu pejabat tetapi kebanyakan ahli memberikan kerjasama dan mempamerkan semangat yang kuat dalam setiap perbincangan.

Masing-masing bersetuju bahawa usaha penambahbaikan boleh dilakukan di mana-mana, dengan syarat mesti

ada kesungguhan ke arah melaksanakannya.

Belitech Applicator adalah sejenis alat yang memudahkan proses meletakkan pil penggalak (hormon) ke tanaman nanas berkenaan.

Penghasilannya amat mudah yang terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu satu injap (sebagai bekas), penolak injap berkenaan dan corong pil (tempat meletakkan tablet pil).

Hasil inovasi *Belitech Applicator* berjaya mendapat tempat ke tiga (kategori Teknikal) dalam Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, Sektor Awam 2006 Peringkat Negeri Sarawak.

Apa kata Ahli Kumpulan Belian -Tentang Kejayaan Mereka Dalam Projek KMK



Zulkifli Aswan – Fasilitator "Suatu pendedahan idea peringkat bawahan dihargai"



Abdul Rahman Sali–Ketua Kumpulan "Kadangkala inilah masanya melalui KMK, kita menterjemahkan apa yang dipelajari menjadi satu inovasi atau ciptaan yang menguntungkan kita dalam pengurusan tanaman atau ladang"



Abdul Karim Othman –Ahli "Inovasi ini dan bidang tugas di Unit Ladang adalah saling berkaitan. Pada masa inilah saya sebagai pekerja menyumbang idea dan kepakaran dalam bidang ini"



Abdul Rahim Mohd Noor-Ahli Perkongsian maklumat penting dalam memastikan sesuatu kerja itu berhasil. Peluang ini saya perolehi dalam penglibatan KMK"

"Belitech Applicator" Permudah Kerja di Kebun Nanas

Cuba anda bayangkan banyak inovasi yang boleh dihasilkan bagi meningkatkan tugas pengurusan tanaman, sekiranya kita menggunakan sepenuhnya kepakaran yang ada dalam menghasilkan.

Berebakalkan sedikit kreativiti dan usaha, tidak ada perkara mustahil dilakukan sekiranya sepenuh tumpuan dan kesungguhan diberikan.

Begitulah kesungguhan sekumpulan 10 orang kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM Sarawak) yang terdiri daripada gandingan para akademik dan pekerja di Unit Perladangan memanfaatkan segala ilmu kepakaran mereka untuk menghasilkan sejenis alat yang mampu menjadikan tugas mengendalikan tanaman nanas kini menjadi semakin mudah.

Pasukan yang "bernaung" di bawah Kumpulan Belian (kumpulan yang ditubuhkan untuk Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja –KMK) ini menghasilkan "*Belitech Applicator*" yang telah pun berjaya mendapat pengiktirafan mendapat tempat ketiga kategori teknikal dalam Konvensyen Meningkatkan Mutu Kerja Sektor Awam Peringkat Negeri Sarawak 2006 baru-baru ini.

Hasil ciptaan mereka- "*Belitech Applicator*" adalah sejenis alat yang memudahkan penanam meletakkan

pil penggalak (hormon) ke tanaman nanas berkenaan.

Penghasilannya amat mudah yang terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu satu injap (sebagai bekas), penolak injap berkenaan dan corong pil (tempat meletakkan tablet pil).

Cara penggunaannya juga mudah, hanya masukkan bekas corong pil di badan injap tersebut, dan masukkan pil penggalak ke bekas corong pil serta halakan ke kawasan yang sepatutnya, ia telahpun sedia untuk digunakan.

Menurut Zulkifli Aswan selaku Fasilitator kepada kumpulan Belian yang membawa amanah merealisasikan inovasi ini berkata "*Belitech Applicator*" mampu mengendalikan sekurang-kurangnya 50 biji pada satu-satu masa

Menceritakan lebih lanjut, Zulkifli berkata "*Belitech Applicator*" dapat mengelakkan sebarang kerugian besar yang dialami oleh pengusaha dan penanam.

la dipercayai dapat mengelakkan pil rosak dan tersasar dari

tempat sepatutnya, di samping mengurangkan kecederaan pada tangan.

"Kita kerap kali menghadapi masalah dari segi ketepatan memasukkan pil ke atas tanaman ini yang boleh mengakibatkan tanaman tersebut lambat berbunga", jelas Zulkifli.

Inovasi ini jelasnya boleh mengekalkan kualiti pil pada tahap terbaik kerana sentuhan tangan semasa memegangnya berjaya dikurangkan yang sebelum ini (kaedah lama) dipercayai boleh menjejaskan kualiti pil akibat terkena peluh.



Rekaan mudah dan inovatif ini, penyelesaian kepada masalah pekebun nanas selama ini

Jelas beliau, pada mulanya idea penghasilan alat ini timbul setelah mendapati terdapatnya ketidakteraturan tanaman nanas ketika pengeluaran hasil, yang boleh menyebabkan berlakunya pembaziran.

Apabila diselidiki, salah satu

faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah tanaman nanas tidak mendapat pil penggalakan (hormon NAA) yang sempurna menyebabkannya tidak berbunga serentak.

Menurutnya inilah antara masalah yang selalu dihadapi penanam iaitu tanaman nanas mereka tidak berupaya mengeluarkan hasil serentak. Apabila keadaan ini berlaku, kualiti dan kuantiti hasil tanaman terjejas dan ini boleh mengurangkan keyakinan pembeli.

Bermula daripada situlah, jelas Zulkifli, mereka mengenalpasti masalah ini dan cuba mencari pendekatan terbaik berdasarkan sumber yang sedia ada menyelesaikannya sehingga terhasilnya "*Belitech Applicator*".

"Dengan hanya kos ciptaan serendah RM62.90, kita cuba untuk memanfaatkan sumber yang ada serta melihat sejauhmana kemampuan alat ini", jelas Zulkifli.

Menurutnya, yang penting bagaimana kita ingin menjadikan pertanian satu yang mudah. Melalui rekaan dan inovasi kesemua itu boleh dicapai dan berupaya juga bagi menjamin mutu tanaman.

Pantas, murah, mudah dan selamat digunakan, itulah kesimpulan yang dapat Abdul Rahman Sali jelaskan mengenai kelebihan *Belitech Applicator*. Abdul Rahman Sali adalah ketua kumpulan KMK Belian.

Melalui "*Belitech Applicator*", tambah Abdul Rahman kerja di ladang akan bertambah baik dan

efisien.

Menurutnya, berdasarkan tinjauan dan komen daripada pekerja di situ, kebanyakan pekerja berasa selesa dengan penggunaan alat ini yang rata-rata mereka menyifatkannya berupaya meningkatkan kualiti kerja mereka.

Berkongsi pendapat yang sama, Encik Abdul Karim Othman yang juga seorang pekerja di Unit Ladang menjelaskan penggunaan kaedah *Belitech Applicator* lebih menjimatkan iaitu dapat menyelesaikan tugas membubuh pil hormon pada 100 sampel ujian tanaman nanas dalam masa kurang 4 minit (3.9 minit) berbanding 16 minit (15.8 minit) mengguna kaedah lama.

Jelas Abdul Karim, ini memberikan mereka lebih penjimatan semasa berada di ladang sebaliknya lebih masa tersebut boleh digunakan untuk melakukan lebih banyak penyelidikan serta menyelesaikan tugas lain di Unit Ladang.

Menurut salah seorang pekerja lain, Encik Abdul Rahim Mohd Noor setelah menggunakan alat tersebut kini tidak timbul lagi masalah dari segi kualiti tuaian nanas kerana hampir 90 peratus mengeluarkan hasil serentak.

"Apabila hasil tuaian nanas ini dapat dijalankan serentak ini akan memudahkan pengurusan penanaman semula", jelas Encik Abdul Rahim.

Beliau berkata keadaan ini bertambah mudah setelah menggunakan "*Belitech Applicator*".

Penandaarasan Untuk Tujuan Penambahbaikan Prestasi

Penandaarasan merupakan kaedah yang telah digunakan sekian lama oleh individu, kumpulan mahupun organisasi untuk tujuan penambahbaikan prestasi masing-masing.

Sejak dahulu lagi kemajuan telah dapat dicapai menerusi proses penandaarasan ini di mana penelitian dibuat ke atas pihak yang lebih maju dan idea-idea dipinjam, diubahsuai dan dilaksanakan di organisasi sendiri.

Dalam tahun 1970an pihak pengurusan memberi tumpuan kepada proses penambahbaikan secara berterusan dan ini mencetus kesedaran bahawa kecemerlangan sesuatu output itu banyak bergantung kepada proses-proses yang terlibat dalam penghasilannya.

Gerakan proses penambahbaikan secara berterusan ini mempunyai impak terhadap organisasi di tahun-tahun 80an sehinggalah ke hari ini.

Penandaarasan adalah salah satu usaha yang dilaksanakan untuk penambahbaikan secara berterusan dan syarikat-syarikat swasta di negara barat mula menggunakan konsep ini dalam tahun 1980an untuk melihat amalan terbaik bagi sesuatu proses dan mengubahsuainya untuk dilaksanakan di syarikat sendiri.

Kini amalan penandaarasan didapati telah membawa keuntungan bagi syarikat-syarikat yang melaksanakannya.

Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, pelbagai program peningkatan kualiti dilaksanakan dan penandaarasan akan memantapkan lagi usaha-usaha sedemikian.

Pelaksanaan penandaarasan akan meningkatkan lagi kualiti produk atau perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan yang merupakan fokus di dalam usaha penambahbaikan secara berterusan. Ia harus dijadikan budaya kerja yang mana akan membawa manfaat kepada Kerajaan dan juga pelanggannya.

Penandaarasan adalah merupakan satu proses yang sistematik dan berterusan untuk mengenalpasti, mempelajari, mengubahsuai dan melaksanakan amalan-amalan terbaik daripada organisasi yang sama atau daripada organisasi lain untuk mencapai prestasi unggul.

Ia memerlukan sesebuah agensi memilih Rakan Rujukan di mana pengukuran boleh dilakukan dan sebarang jurang yang wujud dirapatkan.

Secara umumnya ia melibatkan agensi untuk meninjau amalan terbaik yang dilakukan oleh pihak lain, bagaimana ia dilakukan dan bagaimana agensi boleh melakukannya dengan lebih baik lagi.

Dalam proses ini, sesebuah agensi akan membuat perbandingan dengan Rakan Rujukan untuk menambahbaik sesuatu produk atau perkhidmatan ataupun proses-proses kerja. Ia adalah merupakan alat untuk mengenalpasti dan mencapai sesuatu standard kecemerlangan.

Tujuan di sebalik pengalaman penandaarasan ini ialah mewujudkan sikap rendah diri dan mengakui hakikat bahawa banyak lagi yang boleh dipelajari dari pihak lain yang lebih baik dari diri sendiri.

Ia memerlukan organisasi dan warga kerjanya mempunyai minda yang terbuka di mana organisasi berkenaan perlu menerokai idea-idea baru yang diamalkan oleh pihak-pihak lain dan bersedia untuk memperbaiki cara bekerja.

Ia mempunyai objektif utama untuk meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan melalui penambahbaikan sesuatu proses kerja untuk meningkatkan lagi tahap kepuasan hati pelanggan.

Dalam konteks ini adalah penting wujud kesedaran di kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam bahawa terdapat cara yang lebih baik dalam melakukan sesuatu tugas itu dan sesuatu proses kerja itu boleh ditambahbaik secara berterusan selaras dengan perubahan persekitaran.

Apabila sesebuah organisasi memulakan usaha ke arah peningkatan kualiti, ia mengharapkan ganjaran hasil daripada pelaksanaan projek-projek peningkatan kualiti.

Ganjaran yang diharapkan ialah pengurangan kos operasi, penjimatan masa, peningkatan hasil kerja, peningkatan kutipan hasil dan peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan, *stakeholder* dan pekerja.

Ganjaran tersebut hanya akan diperolehi hasil daripada usaha yang gigih dan berterusan dan ianya boleh dicapai melalui pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau *Total Quality Management (TQM)*.

Dalam Perkhidmatan Awam, kualiti ditakrifkan sebagai memenuhi kehendak-kehendak pelanggan dan *stakeholders* yang telah diterjemahkan kepada standard-standard kecemerlangan.

Justeru, sesuatu produk atau perkhidmatan yang menepati standard-standard yang ditentukan adalah produk atau perkhidmatan yang berkualiti.

Dengan itu adalah jelas bahawa apa yang hendak dicapai di dalam pelaksanaan konsep Pengurusan Kualiti Menyeluruh adalah peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan dan juga *stakeholders*.

Pelaksanaan penandaarasan boleh membawa kepada pencapaian Pengurusan Kualiti Menyeluruh yang mana akan membawa kepada peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan dan juga *stakeholders*.

Terdapat lima jenis penandaarasan yang boleh dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan mengikut kesesuaian masing-masing iaitu:

1. Penandaarasan Secara Dalaman;
2. Penandaarasan Dengan Agensi Kerajaan Lain Yang Mempunyai Fungsi Yang Sama;
3. Penandaarasan Dengan Agensi Kerajaan Lain Yang Mempunyai Fungsi Yang Berlainan;
4. Penandaarasan Dengan Sektor Lain; dan
5. Penandaarasan Dengan Agensi Di Luar Negara.

Pelaksanaan penandaarasan memerlukan organisasi mengambil langkah-langkah tertentu supaya ia dilaksanakan dengan sistematik.

Dalam melaksanakan penandaarasan, organisasi hendaklah terlebih dahulu mengenalpasti projek penandaarasan ataupun bidang yang akan ditambahbaik.

Ia boleh melibatkan penambahbaikan dari segi kualiti produk yang dihasilkan, kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan atau sesuatu proses kerja yang spesifik yang akan

memberi kesan ke atas penghasilan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan.

Organisasi digalakkan untuk memilih hanya satu bidang sahaja untuk proses penambahbaikan bagi sesuatu jangka masa itu.

Pelaksanaan penandaarasan dalam dua atau tiga bidang serentak boleh dilakukan hanya sekiranya ada hubungkait di antara satu sama lain.

Sesebuah Pasukan Petugas Penandaarasan perlu ditubuhkan bagi melaksanakan sesuatu projek penandaarasan hendaklah mempunyai seorang Ketua Pasukan dan beberapa orang ahli yang mana bilangannya bergantung kepada projek yang akan dilaksanakan.

Mereka boleh terdiri daripada ahli-ahli Pasukan Petugas Kualiti dan Produktiviti ataupun ahli yang dilantik khas untuk tujuan ini.

Ahli-ahli ini seboleh-bolehnya hendaklah dari pelbagai fungsi (*cross functional team*) dan mempunyai kepakaran yang diperlukan bagi pelaksanaan projek berkenaan.

Selain Pasukan Petugas Penandaarasan, Pasukan Pelaksanaan Proses (*Process Team*) boleh juga diwujudkan sekiranya perlu.

Pasukan ini bertanggungjawab melaksanakan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Pasukan Petugas Penandaarasan dan telah dipersetujui.

Sekiranya Pasukan Pelaksanaan Proses tidak diwujudkan, Pasukan Petugas Penandaarasan sendiri adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan penambahbaikan.

Tempoh masa pelaksanaan sesuatu projek penandaarasan adalah di antara enam bulan hingga 12 bulan bergantung kepada kerumitan sesuatu projek itu.

Pemberian latihan merupakan komponen penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan penandaarasan.

Dalam hal ini, pihak pengurusan atasan perlu didedahkan kepada konsep penandaarasan dan perlu dilatih dalam keseluruhan proses penandaarasan, peranan yang perlu mereka mainkan, strategi pelaksanaan dan faedah hasil daripada penandaarasan.

Pasukan Petugas Penandaarasan juga perlu diberi latihan yang mendalam mengenai langkah-langkah pelaksanaan penandaarasan agar mereka dapat melaksanakan langkah-langkah tersebut dengan teratur.

Latihan-latihan tersebut boleh dilaksanakan melalui prinsip *cascade* di mana wakil-wakil daripada setiap agensi menghadiri sesi latihan di institusi latihan awam dan mereka kemudiannya memberi latihan kepada anggota-anggota di agensi masing-masing.

Setelah organisasi memilih projek penandaarasan, agensi tersebut perlu mengkaji amalan-amalan terbaik dalam bidang yang berkaitan dan memilih Rakan Rujukan yang sesuai.

Dalam memilih amalan terbaik dan Rakan Rujukan, adalah penting bagi organisasi membuat pilihan yang tepat. Di antara ciri-ciri Rakan Rujukan yang baik ialah:

- Mempunyai amalan terbaik dalam bidang yang berkenaan; dan
- Sanggup untuk meluangkan masa dan berkongsi maklumat.

Terdapat pelbagai sumber lain yang boleh dirujuk untuk mengenalpasti amalan terbaik dan memilih Rakan Rujukan. Di antaranya ialah:

1. Tapak web pelbagai organisasi;
2. Pangkalan data di perpustakaan;
3. Buletin, majalah atau berita dalaman sesebuah agensi;
4. Pengalaman semasa berurusan dengan agensi yang mempunyai amalan yang baik;
5. Persatuan-persatuan perniagaan atau badan-badan profesional;
6. Penerbitan atau laporan-laporan bagi sesuatu industri;
7. Seminar/forum/bengkel;
8. Pakar runding;
9. Pakar dalam industri tertentu;
10. Sumber di Universiti; dan
11. Hasil kaji selidik pelanggan.

Langkah seterusnya ialah organisasi perlu memastikan jenis maklumat yang harus diperolehi iaitu yang mempunyai hubungkait dengan produk, perkhidmatan atau proses kerja yang mahu ditambahbaik.

Terdapat dua kaedah di mana maklumat boleh diperolehi iaitu sama ada secara langsung (*direct*) atau secara tidak langsung (*indirect*).

Mengumpul maklumat secara tidak langsung melibatkan penelitian laporan agensi berkenaan, iklan dalam majalah, atau penulisan artikel berkenaan dengan Rakan Rujukan.

